

**STRATEGI PENTERJEMAHAN KATA NAMA KHAS
DALAM TEKS KESUSASTERAAN KLASIK NEGARA CHINA
KE BAHASA MELAYU**

OOI HOOI BOEY

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **OOI HOOI BOEY**

(No.K.P/Pasport: **701207-07-5256**)

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC080034**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):
**STRATEGI PENTERJEMAHAN KATA NAMA KHAS DALAM TEKS
KESUSASTERAAN KLASIK NEGARA CHINA KE BAHASA MELAYU**

Bidang Penyelidikan: **PENTERJEMAHAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : **OGOS 2013**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : **OGOS 2013**

Nama :**DR. SOH BEE KWEE**

Jawatan:**PENYELIA**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan secara kualitatif deskriptif. Pendekatan analisis kontrastif digunakan untuk meninjau sama ada strategi penterjemahan mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas.

Daripada lapan buah cerita klasik China yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu, sebanyak 319 kata nama khas dikumpul sebagai data kajian ini. Kata nama khas yang dikumpulkan termasuk nama dewa-dewi, maharaja, puteri, makhluk, manusia, negara, tempat, gunung dan gelaran.

Teori Newmark (1988, 2001) tentang strategi penterjemahan kata nama khas telah dijadikan kerangka teoretis dalam penganalisan data kajian ini dan pengklasifikasian strategi penterjemahan. Analisis untuk menilai kualiti terjemahan yang dikemukakan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) juga dijadikan kayu ukuran pengkaji untuk meninjau implikasi strategi-strategi penterjemahan yang dipilih terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas dalam korpus yang dikaji.

Empat strategi yang utama telah dikenal pasti dalam penterjemahan kata nama khas bahasa Cina ke bahasa Melayu. Hasil dapatan analisis tentang kekerapan penggunaan strategi terjemahan kata nama khas dalam kajian ini menunjukkan strategi yang paling banyak digunakan ialah Strategi Penterjemahan Transliterasi, diikuti dengan Strategi Penterjemahan Hibrid, Strategi Penterjemahan Literal dan Strategi Penterjemahan Semantik.

Antara strategi tersebut, Strategi Penterjemahan Transliterasi paling banyak digunakan dalam terjemahan nama maharaja, puteri, panglima dan manusia, diikuti nama dewa, dewi serta makhluk. Strategi ini kurang digunakan dalam terjemahan nama negara,

daerah, tempat dan gunung. Sebaliknya, kebanyakan nama negara, daerah, tempat dan gunung diterjemahkan dengan menggunakan Strategi Penterjemahan Hibrid. Hasil kajian ini juga menunjukkan pemilihan strategi penterjemahan mempunyai implikasi tertentu terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas.

Dapatan kajian ini menunjukkan penterjemahan kata nama khas seharusnya mengambil kira empat faktor. Pertama, penterjemah mesti sedar akan kelebihan dan kekurangan strategi untuk penterjemahan kata nama khas. Kedua, penterjemahan kata nama khas antara dua bahasa perlu selaras dan seragam untuk jenis kata nama khas yang sama supaya pembaca dapat mengikuti perkembangan cerita dengan mudah. Ini akan membantu mencapai tujuan komunikatif terjemahan. Ketiga, penterjemah perlu memelihara tujuan dan hasrat pengarang teks bahasa sumber dalam penggunaan kata nama khas. Akhir sekali dan secara keseluruhannya, tahap pendidikan pembaca bahasa sasaran serta tahap pengenalannya terhadap unsur budaya nuansa bahasa sumber juga perlu diambil kira dalam penterjemahan karya sastera.

ABSTRACT

This study aims to analyse the strategies employed in the translation of Chinese proper nouns into Malay. This is a descriptive qualitative study. It is approached via a contrastive analysis to examine the effects and effectiveness of the strategies used in expressing the meanings of Chinese proper nouns.

The data comprises 319 proper nouns extracted from eight classical Chinese stories which have been re-written in Malay. These proper nouns consist of the names of Gods, Goddesses, emperors, princesses, creatures, lay persons, countries, places, mountains, rivers and titles of people.

Peter Newmark's theory on the translation of proper nouns (1988, 2001) is used as the theoretical framework in analysing the data and classifying the translation strategies in this study. This study will further employ the criteria proposed by Mohd. Mokhtar Ahmad and Basil Wijasuriya (1982) to evaluate the quality of the translations with regard to the effectiveness of the strategies used in expressing the meanings of proper nouns in the corpus studied.

Four main strategies have been identified in the translation of Chinese proper nouns into Malay. The findings show that the most widely used strategy in the translation of proper nouns is the Strategy of Transliteration Translation, followed by the Strategy of Hybrid Translation, Strategy of Literal Translation and Strategy of Semantic Translation.

Among these strategies of translation, the Strategy of Transliteration Translation is most widely used in the translation of the names of emperors, princesses, captains and lay persons, followed by the names of Gods, Goddesses and creatures. This strategy is less used in the translation of the names of countries, counties, places, rivers and mountains. Instead, most of these proper nouns are translated by using the Strategy of Hybrid

Translation. This study also shows that the choice of the strategy in translating proper nouns has certain implications on the meanings conveyed.

The findings of this study suggest four factors that need to be taken into consideration when translating proper nouns. Firstly, the translator must be fully aware of the merits and demerits of the strategies available for proper nouns translation. Secondly, the translation of proper nouns between two languages should be consistent and uniform for the same type of proper noun so that the readers can easily keep track of the story. This will help achieve the communicative purpose of the translation. Thirdly, it is also important for the translator to preserve as far as possible the intentions and purpose of the author of the source language text in using the proper nouns. Lastly, and as a whole, the target language readers' level of education and understanding of the cultural nuances contained in the proper nouns should also be taken into consideration in the translation of literary texts.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan rakaman setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Dr. Soh Bee Kwee kerana dengan bimbingan, nasihat, dorongan dan tunjuk ajar beliau, pengkaji dapat menyiapkan penyelidikan ilmiah ini dalam tempoh yang ditetapkan. Beliau telah memberikan inspirasi dan idea kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini dalam bidang penterjemahan.

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada institusi atau individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta memberi bantuan dan berkongsi pengalaman kepada pengkaji sepanjang penyelidikan ini dijalankan terutamanya dekan, timbalan dekan, pensyarah dan staf dari Fakulti Bahasa dan Linguistik (UM), rakan-rakan seperjuangan serta rakan-rakan sejawatan saya.

Penghargaan yang ikhlas juga ditujukan kepada KPM, Bahagian Tajaan Pendidikan dan Ketua Jabatan Pendidikan yang memberi pelepasan kepada saya untuk melanjutkan pengajian sarjana ini supaya saya berpeluang menamatkan pengajian dengan lancar.

Kepada ahli keluarga terutamanya suami dan anak, terima kasih, semangat, pengertian dan sokongan yang berterusan telah membantu kejayaan ini. Akhir sekali, saya amat berhutang budi dan berterima kasih kepada ibu bapa yang selalu menghulurkan bantuan kepada saya untuk menempuhi halangan-halangan sepanjang pangajian saya.

~Terima Kasih~

KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	9
1.7 Sastera dan Cerita Klasik	10
1.8 Bahasa Cina dan Tulisannya	12
1.8.1 Kata Nama Bahasa Cina	13
1.8.2 Kata Nama Khas Bahasa Cina	14
1.8.2.1 Kata Nama Khas Hidup Manusia	15

1.8.2.2	Kata Nama Khas Hidup Bukan Manusia	15
1.8.2.3	Kata Nama Khas Tidak Hidup	16
1.9	Bahasa Melayu dan Tulisannya	17
1.9.1	Kata Nama Bahasa Melayu	21
1.9.2	Kata Nama Khas Bahasa Melayu	21
1.10	Terjemahan	23
1.10.1	Strategi Penterjemahan	24
1.11	Rumusan	26
BAB 2	KAJIAN LITERATUR BERKAITAN	27
2.0	Pendahuluan	27
2.1	Strategi-strategi Terjemahan	27
2.1.1	Strategi-strategi Terjemahan pada Tahap Perkataan	29
2.2	Penilaian terhadap Kebolehsampaian Makna Terjemahan	33
2.3	Kajian-kajian Lepas tentang Terjemahan	36
2.3.1	Terjemahan Kata Nama	37
2.3.2	Terjemahan Kata Nama Khas	40
2.4	Rumusan	59
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	60
3.0	Pendahuluan	60
3.1	Kaedah Penyelidikan	60
3.2	Prosedur Penyelidikan	62

3.2.1	Pemilihan teks	62
3.2.2	Pengumpulan Data	66
3.2.3	Penganalisisan dan Pengklasifikasian Data	66
3.3	Rumusan	70
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN		71
4.0	Pendahuluan	71
4.1	Pengklasifikasian Strategi-strategi yang digunakan dalam Terjemahan Kata Nama Khas	71
4.1.1	Strategi Penterjemahan Transliterasi	72
4.1.1.1	Strategi Penterjemahan Transliterasi dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas	79
4.1.2	Strategi Penterjemahan Literal	96
4.1.2.1	Strategi Penterjemahan Literal dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas	98
4.1.3	Strategi Penterjemahan Hibrid	101
4.1.3.1	Strategi Penterjemahan Hibrid dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas	106
4.1.4	Strategi Penterjemahan Semantik	111
4.1.4.1	Strategi Penterjemahan Semantik dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas	114
4.2	Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Terjemahan Kata Nama Khas	127
4.3	Rumusan	128

BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	129
5.0	Pendahuluan	129
5.1	Dapatan Kajian	130
5.1.1	Ciri Jantina dan Penyampaian Makna	130
5.1.2	Konsistensi	132
5.1.3	Tajuk Cerita	132
5.1.4	Tujuan Penterjemahan	133
5.2	Cadangan	134
5.3	Rumusan	136
	BIBLIOGRAFI	139
	KAMUS DAN ENSIKLOPEDIA	144

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Bahasa Cina daripada Rumpun Bahasa Tibet-Cina	12
Rajah 1.2	Bahasa Melayu daripada Rumpun Bahasa Austronesia	18
Rajah 1.3	Rumpun Bahasa-bahasa Austronesia pada Tahun 1960-an dan Sebelumnya	19
Rajah 1.4	Rumpun Bahasa-bahasa Austronesia pada Akhir Abad ke-20	20

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Nama Judul Buku Cerita Klasik China	10
Jadual 1.2	Pengklasifikasian Kata Nama Khas Bahasa Cina	14
Jadual 1.3	Pengklasifikasian Kata Nama Khas Bahasa Melayu	22
Jadual 2.1	Kekeliruan akibat Terjemahan Kata Nama Versi Lama dan Vesi Baru ke bahasa Cina	47
Jadual 3.1	Nama Judul dan Penulis Buku Cerita Klasik China	63
Jadual 3.2	Contoh Jadual Analisis Data berdasarkan Jenis Strategi Penterjemahan	67
Jadual 4.1	Data Strategi Penterjemahan Transliterasi	72
Jadual 4.2	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Dewa, Dewi atau Makhluk	79
Jadual 4.3	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Maharaja, Puteri, Panglima atau Manusia	81
Jadual 4.4	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Negara, Daerah, Tempat, Kota, Gunung, Laut atau Sungai	88
Jadual 4.5	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Lain-Lain	89
Jadual 4.6	Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Empat Kategori Nama	90
Jadual 4.7	Data Strategi Penterjemahan Literal	96
Jadual 4.8	Data Strategi Penterjemahan Hibrid	102
Jadual 4.9	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Dewa, Dewi atau Makhluk	107

Jadual 4.10	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Maharaja, Puteri, Panglima atau Manusia	107
Jadual 4.11	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Negara, Daerah, Tempat, Kota, Gunung, Laut atau Sungai	108
Jadual 4.12	Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Lain-Lain	110
Jadual 4.13	Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas secara Hibrid berdasarkan Empat Kategori Nama	110
Jadual 4.14	Data Strategi Penterjemahan Semantik	113
Jadual 4.15	Jadual Perbandingan Terjemahan	115
Jadual 4.16	Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Terjemahan Kata Nama Khas	127
Jadual 5.1	Penggunaan nama Aung San Suu Kyi dalam surat khabar	136

SENARAI SINGKATAN

BC	:Bahasa Cina
BM	: Bahasa Melayu
IPTA	: Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	: Institusi Pengajian Tinggi Swasta
ITBM	: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (dikenali sebagai ITNM sebelum tahun 2012)
ITNM	: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
KN	: Kata nama
KNK	: Kata nama khas
m.s.	: Muka surat
PERSPEKTIF	:Persatuan Penterjemah dan Penulisan Kreatif

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian ini, terjemahan karya teks kesusasteraan, huraian ringkas tentang bahasa Cina dan bahasa Melayu, perbezaan antara bahasa Cina dan bahasa Melayu, kesukaran dalam proses penterjemahan antara dua bahasa dari rumpun yang berlainan, tujuan dan kepentingan kajian ini serta batasannya.

1.1 Latar Belakang Kajian

Peranan penterjemah dalam bidang sastera dapat memberi warna pada sastera dalam memperluas pembaca yang merentasi budaya, agama dan bangsa. Penterjemahan karya kesusasteraan dapat memupuk persefahaman antara adat resam, budaya, dan pandangan dunia yang melibatkan masyarakat bahasa sasaran dengan masyarakat bahasa sumber.

Bahasa dan budaya bersilang antara satu sama lain, maka bahasa tidak dapat mendahului budaya dan wujud secara bersendirian atau dipisahkan daripada bangsanya dalam warisannya. Perkembangan budaya merangsang perkembangan bahasa, sementara perkembangan bahasa juga menyumbang kepada perkembangan budaya. Jadi, bahasa bukan sekadar merupakan peralatan penyampaian pemikiran perasaan manusia, malahan merupakan agen pembawa budaya.

Unsur silang budaya yang terkandung dalam karya berkenaan dapat mendekati kesusasteraan masyarakat bahasa sumber dengan pembaca bahasa sasaran. Ini bukan sahaja merupakan asas ke arah merealisasikan Konsep Satu Malaysia, malahan juga mencapai perpaduan sejagat. Intipati gagasan 'Satu Malaysia' ini adalah berkenaan dengan idea satu bangsa tanpa mengira kepelbagaian etnik dan kebudayaan yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2009. Menurut Chew (2009: 83), penterjemahan menjadi suatu

usaha yang penting dalam memupuk perasaan kekitaan, kesepunyaan (*oneness*) dan kesejagatan antara berbilang kaum Malaysia.

Cerita klasik ialah warisan kebudayaan yang amat bernilai bagi sesuatu bangsa yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh umat manusia untuk kebaikan sejagat melalui kegiatan penterjemahan. Lapan buah buku cerita daripada Siri Cerita Klasik China (Sila rujuk judul-judul lapan buah buku cerita dalam Jadual 1.1, Bab 1, m.s. 10) yang dijadikan bahan kajian ini kaya dengan nilai kesusasteraan yang tinggi dan memaparkan cabaran hidup dalam perjuangan bangsa. Penterjemah karya kesusasteraan diibaratkan seperti agen yang dapat menjalin hubungan persahabatan dan persefahaman antara manusia.

Oleh yang demikian, pengkaji memilih kajian dalam bidang penterjemahan dan buku-buku cerita tersebut dijadikan korpus kajian ini. Fokus kajian ini adalah menganalisis strategi penterjemahan kata nama khas dalam teks kesusasteraan bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan implikasi strategi terjemahan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas dalam korpus yang dikaji.

1.2 Pernyataan Masalah

Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) membentangkan masalah-masalah yang kerap terdapat di dalam terjemahan. Menurut mereka, masalah-masalah yang dihadapi oleh penterjemah termasuk masalah bahasa yang berkaitan dengan kemampuan dalam menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa yang terlibat, masalah mencari persamaan, masalah pemindahan dalam terjemahan, masalah penerimaan terjemahan oleh pembaca sasaran dan masalah teks sumber itu sendiri.

Bahasa ialah peralatan yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan pemikiran dan konsep. Kata nama setiap bahasa mempunyai pengisian budayanya, alusinya (perbuatan membayangkan atau merujuk kepada sesuatu secara tidak langsung) dan etimologinya yang tersendiri. 严复<天演论>: “新理踵出, 名目纷繁, 索之中文, 渺不

可得，即有牵合，终嫌参差。译者遇此，独有自具衡量，即义定名。……一名之立，旬月踟躇，……” . Yan Fu (1898, dalam Shen 2000: 30-37) pernah mengemukakan bahawa banyak idea tentang kepelbagaian dalam kata nama bahasa Cina tidak ada kesepadanan dalam terjemahan. Walau bagaimana sekiranya dapat dicari kesepadanan pun, tidak akan wujud kesejatian. Di dalam keadaan ini, penterjemah terpaksa bergantung kepada tahap dan kemampuan pemahaman diri untuk menterjemah kata nama bahasa Cina dengan berdasarkan makna neologisme (kata baru).

Kadang kala penterjemah terpaksa mengguna sepuluh hari atau satu bulan untuk menterjemah nama sesuatu neologisme Cina. Ini disebabkan untuk mencapai ketiga-tiga prinsip dalam kerja terjemahan yang dikemukakan oleh Yan Fu iaitu kepatuhan (*faithfulness*)信, penyampaian idea (*expressiveness*)达 dan kesesuaian (*elegance*)雅 adalah tidak mudah.

Menurut Chew (2009: 85), penterjemah menghadapi berbagai-bagai masalah akibat perbezaan nilai dan norma dua masyarakat. Antara masalah penterjemahan yang dikemukakan oleh Chew ialah penyesuaian budaya dalam karya terjemahan. Sehubungan dengan masalah ini, Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2000) juga berpendapat pelbagai penyesuaian semula dalam terjemahan wajib dilakukan akibat perbezaan budaya dan bahasa.

Penterjemahan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan sebaliknya yang melibatkan sistem tulisan berbeza merupakan proses yang agak rumit. Sistem tulisan Cina ialah sistem tulisan simbol (ideogram) yang berdasarkan logogram dan gambar. Sistem tulisan Melayu merupakan sistem tulisan rumi (hieroglif) yang berdasarkan bunyi. Sistem tulisan yang berbeza ini menimbulkan masalah dalam penterjemahan. Bahasa dan tulisan

Cina amat berbeza daripada bahasa Melayu dari segi fonologi, morfologi dan semantik (Chew: 2009).

Oleh yang demikian, penterjemah biasanya akan menghadapi kesukaran dan cabaran dalam proses penterjemahan antara dua bahasa. Dalam usaha menterjemahkan bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu, penterjemah perlu menguasai kemahiran dan memahami perbezaan kedua-dua bahasa.

Beberapa masalah yang biasa dihadapi dalam penterjemahan teks kesusasteraan klasik bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu termasuklah perbezaan sistem tulisan, penyesuaian budaya dalam karya terjemahan, penafsiran makna istilah Cina klasik dan kebolehsampaian makna terjemahan istilah Cina . Contohnya:

(a) 大人国 (dàrén guó) diterjemahkan oleh Goh (2009) sebagai Negara Daren.

Semua rakyat Negara Daren tinggi-tinggi belaka. Jika 大人国 (dàrén guó) diterjemahkan dengan strategi penterjemahan yang berlainan kepada “Negara Rakyat Raksasa”, pengkaji beranggapan pembaca yang tidak memahami “Daren” 大人 mungkin dapat membayangkan situasi negara itu dengan sepintas lalu daripada kata nama khas ini. Sehubungan dengan ini, wujudnya implikasi pemilihan strategi penterjemahan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas.

(b) 丈 (zhang) :Penggunaan unit pengukuran dalam teks klasik kesusasteraan

China berbeza dengan bahasa Melayu (BM). 丈 (zhang) tidak ada padanan yang boleh memberi makna yang sama dalam BM.

Menurut Raja Masittah Raja Ariffin dan Rahmah Ja’afar (2003: 26-39), statistik untuk buku-buku terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka mengikut bidang (1988-1995) menunjukkan bilangan karya kesusasteraan yang diterjemahkan hanya 45 buah sahaja. Ini

mungkin kerana tugas menterjemah dan menerbit telah diambil alih oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) yang ditubuhkan pada 1993.

Sumber statistik daripada buku “Membina Kepustakaan dalam bahasa Melayu” menunjukkan antara tahun 1993-2006, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) telah menterjemahkan sebanyak 153 judul dalam pelbagai bidang seperti sastera, sains, sains sosial, pendidikan, teknologi maklumat, pendidikan, tamadun Islam. Namun, kadar penghasilan buku terjemahan ITNM dianggarkan secara purata masih di bawah 1% daripada jumlah tahunan penerbitan buku iaitu anggaran sebanyak 9000 judul buku (Wan Hashim, 2008: 2-3).

ITNM telah dijenamakan sebagai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) mulai tahun 2012. ITBM merupakan badan penterjemahan yang utama di Malaysia dan berfungsi sebagai pemangkin supaya industri penterjemahan Malaysia khususnya karya sastera boleh maju dan meningkat ke peringkat antarabangsa.

Menurut Zalila Sharif (2008: 210-213), bidang terjemahan sastera terus berkembang di negara-negara maju namun masih menampakkan tanda kemalapan dalam penterjemahan sastera tahun-tahun awal abad ke-21 di Malaysia.

Beliau menegaskan hanya tiga karya terjemahan sahaja yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga tahun 2007, iaitu Lagu Persahabatan Malaysia-China (Kumpulan Puisi Dwibahasa), Antologi Puisi Jerman-Melayu: Impian Dalam Biru Muda (Dwibahasa) dan Lantai T. Pinkie.

42 buah teks terjemahan Bahasa Cina (BC)-Bahasa Melayu (BM) yang berjaya dihasilkan oleh kumpulan orang Cina (warga Malaysia) dalam tempoh tahun 1961-2001 telah disenaraikan oleh Zhuang (2001 dalam Goh, 2007). Antaranya, 57.1% merupakan karya dari negara China, manakala 42.9% merupakan karya Mahua iaitu karya yang

diusahakan oleh penulis Cina Malaysia. Teks terjemahan tersebut termasuk kesusasteraan klasik, hikayat, mitos, puisi, novel dan cerpen (Goh: 2007).

Menurut Chew (2009: 84-85), Persatuan Penterjemah dan Penulisan Kreatif (PERSPEKTIF) yang ditubuhkan pada tahun 1987 telah mengusahakan terjemahan karya daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya. Sehingga tahun 2009, ahli-ahli PERSPEKTIF telah menterjemahkan dan menerbitkan sebuah antologi puisi Mahua, empat buah antologi cerpen Mahua, dua buah antologi cerpen kanak-kanak Mahua, sebuah novel moden China yang terkenal berjudul Keluarga (家), satu siri karya klasik agung China berjudul Hikayat Pinggir Air (水浒传) dan Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai (聊斋) dan lain-lain dalam bahasa Melayu.

Bilangan penulis bukan Melayu yang berkarya dalam bahasa kebangsaan telah mencapai puncak kegemilangan pada dekad 90-an iaitu seramai 87 orang. Namun, bilangan penulis bukan Melayu terus merosot iaitu daripada 87 orang dalam dekad 90-an menurun kepada 63 pada tahun 2000 dan merudum kepada 23 orang pada tahun 2012 (lihat laman web http://ww3.utusan.com.my/utusan/Sastera/20130526/sa_02/Ketandusan-penulis-bukan-Melayu#ixzz2Zdpvbyty©Utusan Melayu (M) Bhd).

Menurut Goh (2007: 5), dalam sejarah perkembangan penterjemahan BC-BM di Malaysia antara tahun 1889-2001 selama 113 tahun, hanya 121 buah terjemahan yang diterbitkan, yakni puratanya 1.07 buah terbitan setahun. Jelasnya, bilangan terjemahan BC-BM masih kekurangan. Sesungguhnya bilangan karya terjemahan sastera bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu masih lagi terhad jika dibandingkan dengan bilangan karya yang diterjemahkan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Inggeris.

Statistik di atas memperlihatkan usaha menterjemahkan karya kesusasteraan yang kaya dengan hasil khazanah perlu dipergiatkan di Malaysia terutama penterjemahan

daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan sebaliknya. Selama ini, sama ada dalam bidang sastera Mahua, ataupun dalam bidang sastera Melayu, bahan-bahan terjemahan karya belum diberikan perhatian yang sewajarnya. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil keputusan untuk membuat penyelidikan dalam bidang penterjemahan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu.

Menurut Lu (2006: 89), pemberian nama istimewa kepada watak oleh pengarang teks sumber biasanya mencerminkan pendirian dan pandangannya. Fungsi nama watak adalah untuk mencetuskan pemikiran asosiasi pembaca dan mendedahkan perkaitan antara personaliti serta nasib watak dengan latar belakang serta matlamat penulisan karya.

Lu (2006: 100-116) juga mengemukakan bahawa nama tempat di negara China kaya dengan konotasi budaya terutamanya nama tempat pelancongan. Antaranya, ada yang membayangkan harapan manusia supaya tempat membawa tuah, ada yang memperingati peristiwa dan tokoh sejarah, adanya mencerminkan mentaliti sosial masyarakat serta budaya agama, bangunan dan sejarah.

Nama istimewa watak dan nama tempat merupakan kata nama khas. Kebanyakan kata nama khas dalam korpus kajian ini berfungsi sebagai subjek atau objek dalam ayat. Bahagian subjek merupakan konstituen utama yang membentuk klausa atau ayat. Contohnya: ayat “Maka pada suatu hari, Dewa Air Gong Gong pun bersama-sama dengan Xiang Liu, Fu You dan anaknya datang mencabar Dewa Api Zhu Rong” dalam Siri Cerita Klasik China 1 (2009: 11), kata nama khas iaitu Dewa Air Gong Gong, Xiang Liu dan FuYou ialah subjek dalam ayat manakala Dewa Api Zhu Rong ialah objek dalam ayat.

Didapati strategi penterjemahan ^{shuǐ shén gòng gōng} 水神共工 Dewa Air Gong Gong dengan ^{xiāng liǔ} 相柳 Xiang Liu adalah berbeza. Pengkaji beranggapan bahawa masih ada ruang yang diselidik dalam strategi penterjemahan kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan

implikasinya terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas. Oleh itu, pengkaji membuat keputusan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang penterjemahan kata nama khas BC-BM.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (a) Mengklasifikasikan strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu.
- (b) Mengenal pasti strategi yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu.
- (c) Meninjau implikasi strategi terjemahan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas tersebut.

1.4 Soalan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu?
2. Strategi manakah yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu?
3. Adakah strategi penterjemahan mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas tersebut?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini khususnya tertumpu kepada permasalahan dan strategi dalam penterjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini dipercayai akan dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat dalam penterjemahan. Secara khususnya kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat seperti berikut:

(a) memberi garis panduan tentang strategi-strategi yang boleh digunakan dalam penterjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu.

(b) memberi maklum balas kepada pengkaji-pengkaji lain tentang implikasi kebolehsampaian makna bagi setiap strategi yang digunakan dalam penterjemahan kata nama khas dalam teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu.

(c) menjadi sumber rujukan akademik bagi pengajian terjemahan terutamanya dalam penterjemahan kata-kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu yang masih kekurangan sumber rujukan dalam dunia penterjemahan.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, perkataan “China” dalam “teks kesusasteraan klasik China” dan “cerita klasik China” mempunyai rujukan khas kepada karya sastera klasik dan cerita klasik yang berasal dari negara China sahaja dan tidak termasuk daripada karya tempatan atau dari negara lain.

Kajian ini dilakukan terhadap Siri Cerita Klasik China yang merupakan koleksi 8 buah cerita dalam bahasa Melayu. Dua pengarang buku-buku ini ialah Goh Sang Seong dan Chong Fah Hing. Cerita asalnya dalam bahasa Cina ialah cerita klasik China dan cerita rakyat termasuk cerita dongeng purbakala, cerita alegori (sesuatu karya yang menggunakan watak, peristiwa dan lain-lain sebagai lambang untuk menerangkan sesuatu yang lebih mendalam) yang sesetengahnya dirumus menjadi simpulan bahasa, cerita kedewaan, sedutan novel klasik dan himpunan cerita pelik.

Pemilihan ini dibuat disebabkan setakat ini, masih tidak ada banyak teks klasik China yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu jika dibandingkan dengan teks klasik China yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dalam pasaran (Sila rujuk Bahagian 1.2 Pernyataan Masalah, Bab 1, m.s. 6-7). Pengkaji mendapati kelapan-lapan buku cerita ini

memaparkan unsur-unsur budaya, adat resam, kepercayaan, pemikiran, falsafah dan corak hidup masyarakat Cina tradisi.

Strategi terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu yang dikaji hanyalah berdasarkan kelapan-lapan teks cerita ini. Walau bagaimanapun, watak-watak, nama tempat dan nama benda rujukan khas dalam cerita ini adalah banyak dan berkepelbagaian. Nama-nama tersebut yang merupakan kata nama khas adalah memadai dijadikan data kajian dan bertepatan dengan fokus kajian.

Judul-judul lapan buah buku cerita daripada Siri Cerita Klasik China adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Nama Judul Buku Cerita Klasik China

Bil	Nama Judul (Bahasa Cina) Teks Bahasa Sumber	Nama Judul (Bahasa Melayu) Teks Bahasa Sasaran
1	中华古代神话故事第一辑	Mitos China Purbakala.(Jilid 1)
2	中华古代神话故事第二辑	Mitos China Purbakala.(Jilid 2)
3	中华古代寓言故事第一辑	Alegori Klasik China (Jilid 1)
4	中华古代寓言故事第二辑	Alegori Klasik China (Jilid 2)
5	封神演义	Cerita Dewa-Dewi
6	聊斋志异	Himpunan Cerita Pelik-Pelik
7	西游记	Pengembaraan Ke Dunia Barat
8	镜花缘	Kisah Ajaib Alam Fantasi

1.7 Sastera dan Cerita Klasik

Menurut definisi yang diberikan dalam Kamus Dewan, sastera ialah kesusasteraan hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri

keistimewaan yang tertentu manakala sastera rakyat merupakan sastera yang berkembang dalam kalangan rakyat dan disebarakan melalui pertuturan daripada satu generasi kepada generasi yang lain, misalnya mitos, legenda dan mantera (2010: 1396). Sastera Cina merujuk kepada kesusasteraan yang terdapat dalam masyarakat Cina.

Sastera rakyat ialah genre sastera yang menggunakan bahasa lisan secara menarik, istimewa dan indah. Sastera rakyat lazimnya dikaitkan dengan budaya rakyat dan khazanah seni ini mendapat sambutan, pendudukan, dan proses penurunan dari satu generasi ke satu generasi yang lain (lihat laman web e- Ensiklopedia DBP <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sastera+rakyat&d=8>).

Cerita rakyat merupakan cerita rekaan yang disukai ramai pada zaman dahulu dalam sesuatu masyarakat yang diturunkan daripada generasi kepada generasi secara lisan. (2010:273) Cerita rakyat China yang merupakan salah satu genre penting dalam sastera rakyat dari negara China yang diturunkan oleh khalayak ramai sejak zaman dahulu. Cerita rakyat China melibatkan unsur sejarah, kebudayaan, bangsa, perjuangan status sosial, riwayat tokoh dan sebagainya.


Karya klasik China meliputi cerita rakyat zaman dahulu, mitos purbakala, alegori klasik, cerita dewa-dewi, kisah ajaib, kisah fantasi, hikayat tokoh dan sejarah dari negara China. Hasil-hasil kesusasteraan karya klasik ini adalah hasil daya cipta khalayak ramai zaman dahulu yang menggambarkan falsafah, pandangan hidup, adat istiadat, nilai kebudayaan dan estetik yang halus serta nilai hidup masyarakat.

Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su (2005: 259), banyak mesej dan pengajaran tersirat dalam karya klasik terutama hikayat dan cerita-cerita rakyat warisan zaman lampau kaya dengan keindahan dan kehalusan. Karya klasik juga mempunyai kesan fungsionalnya yang pada umumnya menggambarkan suatu alam nyata dengan sifat kemanusiaan dan ada pula alam kayangan yang luar biasa. Gabungan realiti

dan fantasi ini memaparkan hasil kreativiti dan imaginasi pengarangnya yang menggambarkan pelbagai unsur supernatural, unsur anakronisme, silogisme dan sebagainya.

1.8 Bahasa Cina dan Tulisannya

Bahasa Cina ialah bahasa yang istimewa dalam rumpun bahasa Sino Tibetan. Perkataan Sino merujuk kepada pelbagai variasi bahasa Cina. Perkataan Tibetan merujuk kepada beberapa bahasa yang terdapat di Tibet, Burma dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya (David Crystal, 1992: 310).



Rajah 1.1 Bahasa Cina daripada Rumpun Bahasa Tibet-Cina

George L.Campbell (1991: 306) telah menghujahkan kedudukan bahasa Cina dalam rumpun bahasa Sino-Tibetan iaitu:

By far the largest and most important member of the Sino-Tibetan family, Chinese is spoken today by about 1,200 million people in The People's Republic of China, in Taiwan, in Malaysia and other parts of South-East Asia, and numerous Chinese communities all over the world.

Tulisan Cina ialah sejenis tulisan logogram yang terbentuk daripada bunyi, bentuk dan makna. Tulisan Cina juga dikenali sebagai 'perkataan segiempat'(方块字). Sistem

penulisan Cina mempunyai sejarah lebih daripada 4500 tahun dan merupakan salah satu cara penulisan yang tertua di dunia. Aksara Cina dikenali sebagai Hanzi (汉字).

Dalam tulisan bahasa Cina, tidak ada perbezaan huruf antara kata nama khas dengan jenis kata nama yang lain dari segi bentuk. Ini disebabkan sistem tulisan bahasa Cina adalah berdasarkan sistem ideogram.

Bahasa Cina mempunyai latar sejarah yang lama. Bahasa Cina dituturkan di benua Asia seperti China, Taiwan, Malaysia, Singapura dan kawasan-kawasan lain di seluruh dunia yang mempunyai komuniti Cina seperti di Amerika Syarikat dan England.

Empat proses pembentukan tulisan Bahasa Cina ialah 象(xiàng)形(xíng) piktografik, 指(zhǐ)事(shì) ideografik, 会(huì)意(yì) agregat logik dan 形(xíng)声(shēng) cara piktofonetik.

1.8.1 Kata Nama Bahasa Cina

Luo (1992:147) mentakrifkan kata nama dengan merujuk kepada orang dan benda. Beliau juga membahagikan kata nama kepada empat kategori iaitu

- (a) Kata nama konkrit seperti 人(rén) orang, 收音机(shōuyīnjī) radio, 博物馆(bówùguǎn) muzium.
- (b) Kata nama abstrak seperti 道德(dàodé) moral, 文化(wénhuà) budaya, 观念(guān niàn) konsep dan 成就(chéngjiù) kejayaan.
- (c) Kata nama masa seperti 傍晚(bàngwǎn) waktu senja, 古代(gǔdài) zaman purba, 国庆日(guóqìngrì) Hari Kebangsaan, 现在(xiànzài) sekarang, 最近(zuìjìn) akhir-akhir ini, 明天(míngtiān) esok dan 去年(qùnián) tahun lepas.

- (d) Kata yang menunjukkan tempat dan lokasi seperti 地区(dìqū) kawasan, 周围(zhōuwéi) persekitaran dan 亚洲(yàzhōu) Benua Asia, 附近(fùjìn) tempat yang berhampiran dan 远处(yuǎnchù) tempat yang jauh.

Jenis kata nama bahasa Cina dapat dibahagi kepada subgolongannya iaitu kata arah. Contohnya 上(shàng) atas, 前(qián) hadapan, 左(zuǒ) kiri, 内(nèi) dalam dan 东(dōng) timur.

Shao (2005:177) berpendapat bahawa kata nama bahasa Cina mempunyai ciri-ciri berikut iaitu

- (a) Kebanyakannya dapat didahului dengan kata bilangan dan penjodoh bilangan.
- (b) Lazimnya berfungsi sebagai subjek, objek dan penentu.
- (c) Tidak dapat didahului dengan kata nafi “tidak”.
- (d) Tidak boleh diulang.

1.8.2 Kata Nama Khas Bahasa Cina

Secara keseluruhannya, kata nama (KN) khas bahasa Cina boleh digolongkan seperti jadual berikut:

Jadual 1.2 Pengklasifikasian Kata Nama Khas Bahasa Cina

Kata Nama Khas	
KN Khas Hidup	KN Khas Tidak Hidup
1. Manusia	1. Nama Jawatan
2. Bukan Manusia	2. Nama Persatuan
	3. Nama Bangunan
	4. Nama Perkara
	5. Nama Karya

	6. Nama Peristiwa Penting
	7. Nama Institusi

1.8.2.1 Kata Nama Khas Hidup Manusia

Dalam bahasa Cina, kata nama khas hidup manusia merujuk kepada manusia atau nama orang.

Contoh:

- (1) (a) 阿里 (Alǐ) Ali
 (b) 西蒂 (Xīdì) Siti
 (c) 木都 (Mùdū) Muthu
 (d) 孟子 (Mèngzǐ) Meng Zi atau Mensius
 (e) 齐宣王 (Qí Xuān Wáng) Raja Qi Xuan (gelaran “王 Wang”

bermakna “Raja”)

KN khas ini dalam contoh di atas boleh didahului atau diakhiri oleh nama panggilan atau gelaran seperti 先生 (xiānshēng) Encik, 小姐 (xiǎojiě) Cik, 拿督 (nádū) Datuk dan lain-lain.

Contoh:

- (2) (a) 阿里先生 (Alǐ xiānshēng) Encik Ali
 (b) 西蒂小姐 (Xīdì xiǎojiě) Cik Siti
 (c) 圣人孟子 (shèngrén Mèngzǐ) Pendeta Mengzi

1.8.2.2 Kata Nama Khas Hidup Bukan Manusia

Kata nama khas ini merujuk kepada haiwan atau hidupan yang diberi nama khas seperti nama Tuhan dan Malaikat serta panggilan dalam contoh berikut:

- (3) (a) 上帝 (Shàngdì) Tuhan
 (b) 水神共工 (Shuǐshén Gòngōng) Dewa Air Gong Gong.
- (4) (a) 老虎大哥 (lǎohǔ dàgē) Pak Belang (Harimau)
 (b) 鼠鹿大哥 (shǔlù dàgē) Sang Kancil

“老” (lǎo) dalam “老虎大哥” (lǎohǔ dàgē) merupakan panggilan untuk haiwan dan mempunyai fungsi yang sama dengan “Pak” dalam “Pak Belang”. 大哥 (dàgē) yang makna harfiahnya “abang sulung” mempersonifikasikan harimau sebagai haiwan yang boleh bercakap dan berfikir seperti manusia.

1.8.2.3 Kata Nama Khas Tidak Hidup

KN khas tidak hidup bahasa Cina merujuk kepada benda-benda khusus bukan hidupan. Antaranya adalah seperti contoh di bawah.

1. Nama Jawatan / Pangkat
 - (a) 苏丹 (sūdān) Sultan
 - (b) 州务大臣 (zhōuwùdàchén) Menteri Besar
 - (c) 公 dalam 景公 (Jǐngōng) Kaum bangsawan yang berpangkat tertinggi di negara China pada zaman dahulu yang daripada lima kategori pangkatnya.
2. Nama Persatuan
 - (a) 马来西亚保护儿童协会 (mǎláixīyà bǎohùèrtóng xiéhuì) Persatuan Malaysia bagi Perlindungan Kanak-kanak
 - (b) 全国作家协会 (quánguózuòjiāxiéhuì) Persatuan Penulis Nasional Malaysia atau PENA
 - (c) 福建会馆 (fújiàn huì guǎn) Persatuan Hokkien
3. Nama Bangunan

- (a) 吉隆坡塔 (jílóngpōtǎ) Menara Kuala Lumpur
 - (b) 飞霞阁(fēixiágé) Pagoda Fei Xia
 - (c) 万里长城 (wànlǐ chángchéng) Tembok Besar Cina
4. Nama Perkara
- (a) 教育法令 (jiàoyùfǎlìng) Akta Pendidikan
 - (b) 民事法 (mínshìfǎ) Undang-undang Sipil
5. Nama Karya
- (a) 水浒传 (shuǐhǔzhuàn) Hikayat Pinggir Air
 - (b) 聊斋志异 (liáozhāizhìyì) Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai
6. Nama Peristiwa Penting
- (a) 国庆日 (guóqìngrì) Hari Kemerdekaan
 - (b) 世界人权日 (shìjièrénquánrì) Hari Hak Asasi Manusia Sedunia
7. Nama Institusi
- (a) 国家翻译学院 (guójiāfānyìxuéyuàn) Institut Terjemahan Negara
 - (b) 阿米努丁巴基学院 (āmīnǔdīngbājīxuéyuàn) Institut Aminuddin Baki

Kata nama khas yang dipilih sebagai data kajian ini merujuk kepada nama dewa, dewi, makhluk, maharaja, puteri, panglima, manusia, negara, daerah, tempat, gunung, sungai, benda, gelaran dan lain-lain.


1.9 Bahasa Melayu dan Tulisannya

Antara empat buah negara di Asia Tenggara yang telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa ibunda orang Melayu yang tinggal di Nusantara. Dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 telah memuktubkan bahawa bahasa

kebangsaan ialah bahasa Melayu yang digunakan dalam semua urusan rasmi (Nik Safiah Karim, 1997: 19).

Nik Safiah Karim juga (1997: 3) mengutarakan masyarakat *Austronesia* merupakan golongan penutur-penutur bahasa Melayu yang berasal dari daerah Yunan di China. Mereka berhijrah dan menduduki di Asia Tenggara sejak tahun 2500 tahun SM. Golongan manusia ini dikenali sebagai Melayu-Proto.

Bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia yang berasal daripada keluarga bahasa Austris. Selain daripada itu, rumpun bahasa Austris juga meliputi rumpun bahasa Tibet-Cina dan rumpun Austro-Asia.



Rajah 1.2 Bahasa Melayu daripada Rumpun Bahasa Austronesia

(Nik Safiah Karim et al., 1997:4)

Nik Safiah Karim (1997: 4) menghuraikan bahawa rumpun bahasa Austronesia dapat dibahagi kepada empat kelompok iaitu:

1. Bahasa Nusantara atau Bahasa-bahasa Kepulauan Melayu

Contoh : bahasa Melayu, Jawa, Tagalog, Sunda, Aceh, Bali, Tomini, Bima, Iban, Solo, Sika dan lain-lain.

2. Bahasa-bahasa Melanesia

Contoh : bahasa-bahasa di Kepulauan Fiji, Irian dan New Caledonia.


3. Bahasa-bahasa Polinesia

Contoh : bahasa Maori, Hawaii dan Tonga.

4. Bahasa-bahasa Mikronesia

Contoh : bahasa-bahasa di Kepulauan Gilbert , Marianna, Carolina dan Marshall,.


Bahasa Melayu ialah salah satu daripada kira-kira 200 bahasa dalam cabang Nusantara keluarga bahasa Austronesia (Nik Safiah Karim, 1997).



Rajah 1.3 Rumpun Bahasa-bahasa Austronesia pada Tahun 1960-an dan sebelumnya

(Nik Safiah Karim et al., 1997:4)

Menurut sumber daripada Ensiklopedia Bahasa Melayu (2008: 8) menghuraikan pada akhir abad ke -20, terdapat dua pembahagian yang lain kepada rumpun Austronesia iaitu keluarga Formosa (Taiwan) dan rumpun Melayu-Polinesia. Rumpun Melayu-Polinesia boleh dibahagikan kepada Melayu-Polinesia Timur, Melayu-Polinesia Tengah, dan Melayu-Polinesia Barat. Bahasa Melayu tergolong dalam Melayu-Polinesia Barat (Rajah 1.3). Secara kesimpulannya, bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia.



Rajah 1.4 Rumpun Bahasa-Bahasa Austronesia pada Akhir Abad ke-20
(Ensiklopedia Bahasa Melayu, 2008:8)

Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* (bahasa perantaraan) daerah kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman. Tinggalan tulisan bahasa Jawa dan Sanskrit pada batu-batu bersurat yang telah dijumpai di daerah kepulauan Melayu iaitu yang dijumpai di kaki-kaki gunung dekat Bogor dan di daerah Tanjung Periuk dekat Jakarta dipercayai bertarikh sejak tahun 450 Masihi. Batu-batu bersurat yang menggunakan bahasa Melayu adalah dipercayai ditulis pada kira-kira akhir abad ketujuh (Nik Safiah Karim, 1997).

Asmah Haji Omar (2008: 82-90) berpendapat bahawa pengukuran pencapaian dalam tamadun sesuatu komuniti ditentukan oleh tradisi penulisan sesuatu bahasa. Bahasa Melayu telah ditulis dengan menggunakan berbagai-bagai sistem tulisan seperti tulisan Arab, tulisan Jawi dan sebagainya.

Pengembara-pengembara dan pelayar-pelayar Barat yang menjelajahi Asia Tenggara pertama kali menulis Bahasa Melayu dalam huruf Rumi. Berbeza dengan tulisan Jawi, tulisan Rumi bersifat fonik; setiap huruf mewakili bunyi, bukan suku kata. Huruf-

huruf itu diatur dalam susunan yang dikenali sebagai abjad, dan setiap huruf ada huruf besar dan huruf kecilnya.

1.9.1 Kata Nama Bahasa Melayu

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood (1997), kata nama ialah sejumlah perkataan yang menamakan orang, benda, tempat atau konsep.

Kata nama bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri berikut iaitu

- (a) Kebanyakannya dapat didahului dengan kata bilangan dan penjodoh bilangan.
- (b) Lazimnya berfungsi sebagai subjek dan objek.
- (c) Tidak dapat didahului dengan kata nafi “tidak”.
- (d) Unsur inti pada binaan frasa nama.

Kata nama dibahagikan kepada tiga jenis berdasarkan ciri-ciri semantik perkataannya iaitu

- (a) Kata nama khas
- (b) Kata nama am
- (c) Kata ganti nama

1.9.2 Kata Nama Khas Bahasa Melayu

Kata nama khas memberi makna rujukan khusus pada sesuatu nama manusia, objek, atau proses khusus bagi satu-satu masyarakat suku kaum (Newmark, 2001:70). Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar dalam tulisan bahasa. Sistem tulisan bahasa Melayu adalah berdasarkan sistem rumi.

Menurut Nik Safiah Karim (1997:98-99), kata nama khas mendukung makna rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan, undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan sebagainya.

Kata nama khas boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu

(a) kata nama khas hidup iaitu manusia dan bukan manusia. Contohnya: Abdul Samad bin Ahmad (manusia), Senator Fatimah (didahului nama gelaran Senator) dan Hevea Brasilia (pokok getah).

Kata gelaran Si dan Sang boleh juga digunakan bagi kata nama am yang sudah diberi pengertian khas. Misalnya: Si Mati.

(b) kata nama khas tidak hidup. Contohnya: Proton Saga.

Pengklasifikasian kata nama (KN) khas bahasa Melayu dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 1.3 berikut:

Jadual 1.3 Pengklasifikasian Kata Nama Khas Bahasa Melayu

Kata Nama Khas	
KN Khas Hidup	KN Khas Tidak Hidup
1. Manusia	1. Nama Pangkat
2. Bukan Manusia	2. Nama Bangsa
	3. Nama Tempat
	4. Nama Benda
	5. Nama Bahasa
	6. Nama Negara
	7. Nama Institusi
	8. Nama Undang-undang

(Nik Safiah Karim et al., 1997:98-100)

Kata nama am dan kata ganti nama bahasa Melayu tidak dibincangkan sebab jenis kata nama ini bukan skop kajian ini.

1.10 Terjemahan

Dalam Kamus Dewan (2010: 1670), “menterjemahkan” didefinisikan sebagai pemindahan (karangan dan lain-lain) daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain. “Terjemahan” pula ialah hasil daripada menterjemahkan dan juga cara (gaya, strategi) menterjemah.

Nida dan Taber (2003: 13) telah menakrifkan definisi penterjemahan dari segi penghasilan semula (*reproduction*) iaitu “*Translating consists in reproducing in the receptor language the closest natural equivalent of the source-language message, first in terms of meaning and secondly in terms of style.*”

Seperti yang tertera dalam definisi di atas, penterjemahan ialah penghasilan semula mesej ke dalam bahasa sasaran daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan sejadi, pertamanya dari segi makna dan keduanya dari segi stail. Jadi, proses terjemahan pada dasarnya ialah memindahkan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan menitikberatkan makna, gaya dan idea karya asal.

Kata nama khas memainkan peranan penting dalam komponen ayat dalam kebanyakan bahasa di dunia ini. Kata nama khas ialah medium budaya yang kaya dengan konotasi budaya dan dapat memaparkan identiti budaya bangsa. Terjemahan kata nama khas memperlihatkan bahasa, sejarah, geografi, politik, adat resam sesuatu bangsa dan sebagainya.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su (2005:259) menyatakan bahawa penterjemah karya klasik harus menghasilkan terjemahan dengan mengekalkan mesej asal dan sifat-sifat keistimewaan teks asal supaya mesej asal disampaikan kepada pembaca sasaran. Penterjemah harus membaiki hasil terjemahan jika mesej asal yang ingin disampaikan itu kabur. Sehubungan dengan ini, aspek kebudayaan dan keselarasan konteks harus dititikberatkan.

1.10.1 Strategi Penterjemahan

Newmark (1988:81) memberi pandangannya tentang perbezaan antara kaedah penterjemahan dengan prosedur penterjemahan iaitu “*while translation methods relate to whole texts, translation procedures are used for sentences and the smaller units of language*”. Kaedah penterjemahan berkaitan dengan teks keseluruhan manakala prosedur penterjemahan digunakan untuk ayat dan unit bahasa yang lebih kecil.

Nida (1964:241-247, dalam Mahmoud Ordudari 2007) menyatakan prosedur asas dalam menjalankan tugas terjemahan dapat digambarkan seperti berikut:

- (I) *Technical procedures*
 - (a) *analysis of the source and target languages;*
 - (b) *a thorough study of the source language text before making attempts translate it;*
 - (c) *making judgments of the semantic and syntactic approximations*
- (II) *Organizational procedures:*
 - a) *constant reevaluation of the attempt made;*
 - b) *contrasting it with the existing available translations of the same text done by other translators, and checking the text's communicative effectiveness by asking the target language readers to evaluate its accuracy and effectiveness and studying their reactions.*

(laman web <http://translationjournal.net/journal/41culture.htm>.)

Strategi penterjemahan adalah berkaitan dengan kaedah penterjemahan. Dalam “*A Dictionary of Translation Technology*” (2004: 256), “*translation strategy*” didefinisikan sebagai :

This refers to the techniques and methods used in translating. It is often used synonymously with translation principle, translation method, or translation technique. It may be seen as an idea of a translator about the best way to act in order to solve a translational problem.

Strategi penterjemahan merujuk kepada teknik-teknik dan kaedah yang digunakan dalam penterjemahan. Ia sering digunakan seiring dengan prinsip penterjemahan, kaedah

terjemahan atau teknik terjemahan. Ia boleh dijadikan sebagai idea bagi penterjemah tentang cara terbaik untuk bertindak dalam usaha menyelesaikan masalah penterjemahan.

Terminologi “strategi” telah banyak digunakan dalam Linguistik Terapan. Menurut Kellerman (1977, dalam John Patrik Kirby 1993), “strategi” merupakan “*a well-organized approach to a problem*”. Dalam perkataan lain, strategi ialah pendekatan yang teratur untuk sesuatu masalah.

Krings (1986:18) mendefinisikan strategi penterjemahan sebagai “*a translator's potentially conscious plans for solving concrete translation problems in the framework of a concrete translation task*”. Berdasarkan definisi yang diberi oleh Krings, strategi penterjemahan ialah rancangan berpotensi yang teliti bagi penterjemah untuk menyelesaikan masalah terjemahan konkrit dalam kerangka kerja-kerja terjemahan konkrit. Loescher (1991: 8) mempunyai pandangan yang sama dengan Krings tentang konsep strategi penterjemahan iaitu “*a potentially conscious procedure for solving a problem faced in translating a text, or any segment of it*”. Secara amnya, strategi penterjemahan ialah prosedur yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penterjemahan teks atau mana-mana bahagian daripadanya.

Venuti (1998: 240) pula berpendapat bahawa strategi terjemahan melibatkan tugas-tugas asas memilih teks asing untuk diterjemahkan dan membangunkan suatu kaedah untuk menterjemahkannya. Beliau juga menggunakan konsep penterjemahan domestik (*domesticating*) dan penterjemahan berunsur asing (*foreignizing*) untuk merujuk kepada strategi penterjemahan. Menurut definisi daripada Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi (2006), “penterjemahan domestik” bersifat anjal dan berunsur adaptasi. Tujuannya adalah untuk meminimumkan unsur keasingan budaya asal dalam teks sasaran dan memudahkan pemahaman pembaca sasaran. “Penterjemahan berunsur asing”

menterjemah unsur asing teks sumber ke dalam teks sasaran. Tujuannya adalah untuk mendekatkan pembaca sasaran dengan budaya dan idea asal teks sumber.

Entri "*translation strategy*" dalam "*A Dictionary of Translation Technology*" (2004 :256) juga menghuraikan bahawa "*Among the more common strategies applied in translation practice are the domesticating and foreignizing approaches*". Sehubungan dengan ini, strategi yang lebih biasa digunakan dalam amalan terjemahan adalah penterjemahan domestik dan penterjemahan berunsur asing.

Menurut Jaaskelainen (2005:15, dalam Mahmoud Ordudari, 2007), "*product-related strategies*" melibatkan tugas asas dalam pemilihan teks bahasa sumber dan membangunkan suatu strategi untuk menterjemahkannya. Beliau juga menerangkan dua jenis strategi yang lain iaitu: "*global strategies refer to general principles and modes of action and local strategies refer to specific activities in relation to the translator's problem-solving and decision-making*". Dalam erti kata lain, strategi global merujuk kepada prinsip-prinsip am dan strategi tindakan manakala strategi tempatan merujuk kepada aktiviti khusus sehubungan dengan penterjemahan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

1.11 Rumusan

Bab ini telah memberi gambaran ringkas tentang latar belakang kajian, objektif kajian, signifikan kajian ini, sistem bahasa Melayu serta bahasa Cina, pengklasifikasian kata nama dan juga definisi istilah-istilah penterjemahan, strategi penterjemahan, sastera dan cerita klasik.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan strategi-strategi terjemahan kata nama khas oleh sarjana-sarjana terunggul dalam bidang penterjemahan. Strategi-strategi penentuan kebolehsampaian makna terjemahan dan kajian-kajian lepas tentang terjemahan kata nama khas juga dibincangkan.

2.1 Strategi-strategi Terjemahan

Antara saranan yang dikemukakan oleh Newmark (1988: 45-47) yang berkaitan dengan strategi terjemahan ialah:

1. Terjemahan Perkataan-demi-perkataan (*Word-for-word*): susunan perkataan bahasa sumber dikekalkan dan terjemahan dilakukan ke atas setiap perkataan secara berasingan mengikut makna kebiasaannya dengan tidak mengikut konteks.
2. Terjemahan Literal: pembinaan struktur nahu bahasa sumber ditukarkan ke struktur nahu bahasa sasaran yang paling mirip, tetapi lexis perkataan diterjemahkan setiap satu secara berasingan tanpa mengikut konteks. Strategi terjemahan literal merujuk kepada strategi terjemahan yang mematuhi unsur pemikiran teks sumber sementara mengekalkan keistimewaan gaya bahasanya.
3. Terjemahan Semantik: memberi lebih pemberatan terhadap nilai estetik teks bahasa sumber yang terlibat. Terjemahan ini tetap berkisar dalam budaya asal dan cenderung untuk memberi terjemahan yang lebih khusus daripada yang asal.
4. Terjemahan Adaptasi: merupakan bentuk terjemahan yang paling bebas; digunakan khusus untuk drama (jenaka) dan puisi; tema, watak dan plot selalunya dikekalkan; budaya bahasa sumber ditukarkan ke budaya bahasa sasaran dan teksnya ditulis semula.

5. Terjemahan Bebas: menghasilkan isi teks bahasa sasaran tanpa mengambil kira gaya atau bentuk yang asal.
6. Terjemahan Komunikatif: menterjemahkan makna kontekstual teks asal dengan tepat supaya isi kandungan dan bahasa mudah diterima dan difahami oleh pembaca.

(Newmark, 1988: 45-47)

Newmark (2001: 75-76) juga mencadangkan satu bentuk terjemahan untuk istilah institusi nasional ialah Terjemahan *Kuplet (Translation Couplets)*. Bentuk Terjemahan Kuplet ini paling biasa terdiri daripada transkripsi suatu istilah institusi diikuti oleh terjemahannya dalam kurungan. Contohnya: *Knesset* (Parlimen Israel) dan *Folketing* (Parlimen Denmark).

Goh (2008) menghuraikan Strategi Kuplet sebagai gabungan mana-mana dua strategi daripada Terjemahan Literal, Sinonim, Deskripsi, Padanan Fungsian, Pinjam Terjemah, Tambahan, Kata Pinjaman, Transliterasi atau Nota Kaki.

Newmark (1988:91) memberi beberapa cadangan tentang nota tambahan atau membekalkan informasi tambahan dalam suatu penterjemahan seperti berikut:

The additional information a translator may have to add to his version is normally cultural (accounting for difference between SL and TL culture), technical (relating to the topic) or linguistic (explaining wayward use of words), and is dependent on the requirement of his,...

Menurut beliau, seseorang penterjemah biasanya mungkin perlu memberi maklumat tambahan kepada terjemahannya dari aspek perbezaan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran, aspek teknikal yang berkaitan dengan topik tertentu dan aspek linguistik iaitu menerangkan kata-kata yang sesat penggunaan.

Nida (1964: 238) bersependapat dengan Newmark tentang penggunaan nota kaki dalam penterjemahan. Beliau memberi contoh penggunaan terjemahan literal dengan nota kaki dalam situasi tertentu seperti pengenalan anomali (penyimpangan daripada peraturan

yang biasa) yang tidak selaras dengan budaya dan duniawi antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Ini boleh mengelakkan masalah interpretasi yang salah dan penyampaian yang tidak bermakna terhadap pembaca bahasa sasaran.

Beliau juga mengemukakan dua fungsi utama nota kaki dalam teks terjemahan seperti berikut:

- a) To correct linguistic and cultural discrepancies, e.g. explain contradictory customs, identify unknown geographical or physical objects, give equivalents of weights and measures, provide information on plays on words and include supplementary data on proper names.*
- b) To add information which may be generally useful in understanding the historical and cultural background of the document in question.*

Dua fungsi utama nota kaki yang tertera di atas adalah untuk menerangkan perbezaan linguistik dan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Di samping itu, nota kaki adalah berguna untuk membekalkan maklumat tentang latar belakang sejarah dan budaya teks terjemahan.

Nota kaki atau nota tambahan perlu diletakkan di muka surat yang sama dengan objek atau perkara yang dinyatakan. Bahan nota juga boleh dirumuskan di belakang buku dalam bentuk jadual atau glosari (Nida, 1964).

Walaupun nota kaki atau nota tambahan dapat memberi penerangan tambahan, namun nota kaki yang terlalu rumit dan tidak ada relevan dengan teks adalah tidak sesuai untuk pembaca, terutamanya dalam karya sastera. Ini juga mengganggu kesinambungan dan rasa keseronokan membaca.

2.1.1 Strategi-strategi Terjemahan pada Tahap Perkataan

Mona Baker (1992:26-42) telah menyarankan strategi yang digunakan oleh penterjemah profesional untuk mengatasi ketidakpadanan pada tahap perkataan dengan contoh seperti berikut:

1. Terjemahan dengan Perkataan yang Lebih Umum (*superordinate*): ini adalah salah satu strategi yang paling biasa digunakan untuk mengatasi masalah ketidakpadanan (non-equivalence).

Contohnya:

(a) *shampoo the hair* (bahasa sumber) dengan *wash hair* (bahasa sasaran).

“*Shampooing*” boleh dilihat sebagai sejenis “*washing*” tetapi terhad dalam penggunaannya.

(b) *how the earth orbits around the sun* (bahasa sumber) dengan *how the earth*

revolved around the sun (bahasa sasaran). “*Orbiting*” boleh dilihat sebagai sejenis “*revolving*” tetapi hanya digunakan untuk objek yang lebih kecil berputar sekeliling objek yang lebih besar.

2. Terjemahan dengan Perkataan yang lebih Neutral atau Kurang Ekspresif: contohnya: *species like this exotic lily*. (bahasa sumber) dengan *like this strange unique lily flower* (bahasa sasaran-penterjemahan semula daripada bahasa Cina).

Dalam bahasa Cina, tidak ada perkataan yang setara dengan “*exotic*” . “*Exotic*” digunakan oleh orang Barat untuk merujuk kepada sesuatu yang luar biasa dan menarik yang berasal daripada negara jauh. Jadi, makna ekspresif ini hilang dalam penterjemahan.

3. Terjemahan dengan Penggantian Budaya: strategi ini melibatkan penggantian suatu item yang berunsur budaya tertentu dengan suatu item dalam bahasa sasaran. Item penggantian ini tidak mempunyai “*propositional meaning*” tetapi mungkin mempunyai impak yang serupa terhadap pembaca sasaran.

Contohnya: *Cream Tea* (bahasa sumber-bahasa Inggeris) dengan *Pasticceria (pastry)* (bahasa sasaran-bahasa Italy). *Cream Tea* diganti dengan *pastry* yang mempunyai

makna yang berlainan. “*In Britain, cream tea is an afternoon meal consisting of tea to drink and scones with jam and clotted cream to eat*” . Cream Tea ialah sarapan petang yang terdiri daripada minuman tea dan makanan skon dengan jem serta krim beku di Britain manakala "pastri" ialah sejenis makanan. Pastri adalah biasa kepada pembaca Italy, justeru ia merupakan pengganti budaya yang baik.

4. Terjemahan dengan menggunakan Kata Pinjaman (Penerangan): satu strategi yang paling biasa digunakan untuk menangani item yang berunsur budaya, konsep moden dan *buzz words* (perkataan atau frasa yang selalu digunakan disebabkan kepentingannya). Penerangan adalah penting terutama bagi item yang digunakan berulang-ulang. Kata pinjaman tersebut yang muncul pertama kali diberi penerangan sahaja. Kata pinjaman yang muncul kemudiannya dalam teks tanpa penerangan akan difahami oleh pembaca.

Contohnya: Cream Tea expert (bahasa sumber-bahasa Inggeris) dengan “*Cream-Tea*”-*experten* (bahasa sasaran-bahasa German). Kata pinjaman “*Cream-Tea*” dikekalkan dengan penggunaan tanda bacaan “-” iaitu sengkang.

5. Terjemahan dengan Parafrasa yang menggunakan Perkataan Berkaitan: strategi ini digunakan untuk menangani item bahasa sumber yang menerangkan konsep dalam perkataan atau frasa dalam bentuk yang berlainan (bahasa sasaran).

Contohnya: *giant pandas are related to the bears* (bahasa sumber-bahasa Inggeris) dengan *big pandas have a kinship relation with the bears* (bahasa sasaran-penterjemahan semula daripada bahasa Cina).

6. Terjemahan dengan Parafrasa yang menggunakan Perkataan yang Tidak Berkaitan: jika konsep yang dinyatakan dalam item bahasa sumber tidak dileksikalkan dalam

bahasa sasaran, strategi parafrasa yang menggunakan perkataan yang tidak berkaitan boleh digunakan dalam konteks tertentu.

Contohnya: *If the personality and policy preferences of the Japanese emperor were not very relevant to prewar politics, social forces certainly were. There are two reasons for giving them only the most tangential treatment here* (bahasa sumber-bahasa Inggeris) dengan ... *There are two reasons for us not having treated this social power in this book except in a very slight degree which is like touching slightly* (bahasa sasaran-penterjemahan semula daripada bahasa Jepun). Ini adalah setara dengan Terjemahan Literal.

Salah satu kekurangan ialah parafrasa tidak dapat memperlihatkan status item leksikal. Jadi, parafrasa tidak dapat menyampaikan makna ekspresif atau sebarang makna asosiasi. Selain itu, parafrasa adalah rumit dan janggal digunakan kerana ini melibatkan suatu slot item dengan penerangan yang terdiri daripada beberapa item.

7. Terjemahan dengan Pengguguran (*Omission*): jika makna yang disampaikan oleh item tertentu atau ungkapan tidak penting untuk menyampaikan makna dan untuk menjustifikasikan gangguan kepada pembaca dengan penerangan yang berpanjang lebar, penterjemah boleh menggugurkan item atau ungkapan tersebut.

Contohnya: *The panda's mountain home is rich in plant life and gave us many of the trees, shrubs and herbs most prized in European gardens.* (bahasa sumber-bahasa Inggeris) dengan *The mountain settlements of the panda have rich varieties of plants. There are many kinds of trees, shrubs and herbal plants that are preciously regarded by European gardens* (bahasa sasaran-penterjemahan semula daripada bahasa Cina).

Dalam contoh di atas, teks sumber ditujukan kepada pembaca Eropah. Penggunaan “*gave us*” dapat menonjolkan orientasi sasaran. Namun, penterjemahan bahasa Cina menunjukan kepada pembaca yang berlainan dan seterusnya mempengaruhi orientasi teks sumber.

8. Terjemahan dengan Ilustrasi: ini adalah pilihan berguna jika perkataan yang kekurangan kesepadanan dalam bahasa sasaran merujuk kepada suatu entiti fizikal yang boleh diilustrasikan. Strategi ini digunakan jika terdapat sekatan dalam ruang dan teks itu dikekalkan secara pendek, ringkas dan tepat.

(Mona Baker, 1992:26-42)

2.2 Penilaian terhadap Kebolehsampaian Makna Terjemahan

Menurut Nida (1974, dalam Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya, 1982), penilaian sesuatu terjemahan itu harus meliputi semua masalah yang mungkin timbul: ketepatan penyampaian, senang difahami, persamaan dari segi gaya, penggunaan bahasa dan sebagainya. Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) mencadangkan penilaian terjemahan itu dibahagikan kepada tiga jurusan:

1. Persamaan dari segi unit terjemahan (*translational unit*):

Apabila sesuatu teks telah disegmenkan, persamaan bagi unit-unit terjemahannya hendaklah dicari dan dinilai. Penilaian terjemahan itu perlu menimbangkan sama ada persamaan yang diberi itu:

- (a) Betul atau salah seperti yang digunakan di dalam teks asal
- (b) Pemilihan perkataan yang sesuai bagi konteks yang diberi

2. Penggunaan bahasa

Lima garis panduan untuk penilai terjemahan dalam menentukan kesalahan-kesalahan penggunaan bahasa ialah dari segi:

- (a) struktur ayat
- (b) tatabahasa
- (c) bentuk perkataan
- (d) susunan perkataan
- (e) ejaan

3. Penyampaian:

Kekurangan-kekurangan penyampaian pula terdiri daripada:

(a) Salah terjemahan (*mistranslation*) iaitu terjemahan yang berbeza dari makna asal dalam teks bahasa sumber. Kesalahan ini mungkin disebabkan penterjemah lemah dalam bahasa sumber dan tidak dapat memahami mesej yang sebenar dalam teks sumber itu. Terjemahan yang mengelirukan ini bukan sahaja menunjukkan penguasaan bahasa sumber bahkan bahasa sasaran juga tidak begitu baik.

(b) Terjemahan yang kurang (*undertranslation*) iaitu terjemahan yang tidak dapat menyampaikan makna teks bahasa sasaran itu sepenuhnya. Penterjemah mungkin menulis ayat yang panjang dan berbelit-belit tetapi makna teks itu masih tidak dapat disampaikan keseluruhannya. Menurut Newmark (2001:39), *undertranslate* adalah “*to use more generic, hold-all terms in difficult passages*”. Terjemahan yang kurang adalah menggunakan istilah yang lebih generik dalam petikan yang sukar.

(c) Terjemahan yang melampau (*overtranslation*) iaitu terjemahan yang terlalu ditokok-tambah sehingga terkeluar dari makna asal. Newmark (2001:39) menghuraikan definisi *overtranslate* sebagai terjemahan yang lebih spesifik daripada yang asal iaitu “*more specific than the original, to include more meanings in its search for one nuance of meaning.*”

(d) Terjemahan ketaksaan (*ambiguity*) dari segi makna dan struktur. Nida (1964:61) telah memberi contoh tentang ungkapan yang menimbulkan keaburan maknanya apabila

berlakunya transformasi terhadapnya seperti *fat major's wife* mungkin bermakna sama ada *the man is fat* atau *the wife is fat*. Jika ungkapan itu berasal daripada intipati ayat *the fat major has a wife*, maka makna pertama dimaksudkan. Jika ungkapan itu berasal daripada *the major has a fat wife*, maka makna kedua dirujuk.

(e) Kata mubazir (*redundancy*) iaitu penggunaan ciri-ciri linguistik yang tidak perlu dan adakalanya mencemarkan makna atau struktur sesuatu ayat.

Ainon Mohamad (1979) menyatakan dengan jelas bahawa ukuran sama ada sesuatu terjemahan itu betul atau salah ditentukan oleh pembaca yang dimaksudkan iaitu sama ada mereka memahami dengan tepat terjemahan tersebut dan yang dititikberatkan bukan setakat pembaca mungkin faham, tetapi supaya pembaca pasti faham dengan apa yang dimaksudkan dalam terjemahan tersebut.

Safiah (1979) menegaskan minat membaca dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks sastera memerlukan tahap-tahap intelektual yang berbeza. Membaca teks sastera bukan sahaja menikmati maksud yang tersurat, malahan juga perlu menghayati maksud yang tersirat.

Menurut Goh dan Chong (2009) dalam prakata Siri Cerita Klasik China, tujuannya menulis buku-buku cerita ini adalah untuk tatapan pembaca teks sasaran, khususnya kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah rendah kebangsaan. Ini merupakan persediaan yang baik terutamanya bagi pelajar yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Cina, mengenali kebudayaan dan kesusasteraan China.

Goh pernah membentangkan kertas penyelidikan yang bertajuk “Cabaran dan Strategi Penterjemahan Teks Kesusasteraan Klasik China ke dalam Bahasa Melayu”. Menurut beliau, untuk menangani cabaran penterjemahan seperti masalah ketidakbolehterjemahan dalam proses penterjemahan empat buah teks kesusasteraan klasik

China yang digunakan dalam data kajian ini, beliau telah menggunakan penterjemahan literal serta semantik bagi unit morfologi dan sintaksis, terjemahan bebas dan penerangan untuk memperkenalkan unsur bahasa dan budaya daripada teks sumber ke teks sasaran.

2.3 Kajian-kajian Lepas tentang Terjemahan

Newmark (1988:11-12) mengetengahkan pendapatnya bahawa dalam usahanya menganalisis teks, hasrat (*intention*) dalam teks mewakili sikap pengarang terhadap perkara pokok dalam bahasa sumber. Lazimnya, hasrat penterjemah adalah serupa dengan pengarang teks dalam bahasa sumber.

Beliau juga menyatakan semua teks ada konotasi iaitu maknanya yang tersirat, asosiasi perasaan atau idea yang dimaksudkan oleh kata leksikal. Contohnya: *run* (berlari) mungkin mencadang *haste* (tergesa-gesa) dan *sofa* mungkin mencadang *comfort* (keselesaan). Dalam teks bukan kesusasteraan, denotasi perkataan iaitu makna eksplisit perkataan biasanya mendahului konotasinya. Namun, dalam teks kesusasteraan, makna konotasi perlu diberi keutamaan seperti dalam suatu alegori dan ulasan masyarakat. (Newmark: 1988)

Shen (2000: 1-6) telah memberi pengiktirafan terhadap teori penterjemahan Yan Fu (严复). Yan Fu telah memberikan sumbangan besar dalam bidang terjemahan dengan mengemukakan tiga prinsip yang harus diamalkan oleh penterjemah iaitu kepatuhan (*faithfulness*) 信, penyampaian idea (*expressiveness*) 达 dan kesesuaian (*elegance*) 雅. Ketiga-tiga prinsip ini saling bergantung antara satu sama lain dan mempunyai hubungan yang rapat.

Dalam disertasi Khairunisah Bt. Sayed Ibrahim (2008), penulis ini telah membuat analisis terhadap pengalihan ciri-ciri budaya dalam cerita rakyat Melayu yang popular iaitu Lebai Malang dan Pak Belalang yang diterjemahkan ke bahasa Jerman sebagai bahasa

sasaran. Perbincangannya juga menumpukan persoalan dan masalah pengalihan ciri-ciri budaya dalam proses penterjemahan. Penterjemah perlu mengambil kira daya kreativiti, ilmu dan pengalaman dalam pemindahan unsur budaya bagi menghasilkan terjemahan.

Li (2008:94) menyatakan bahawa bangsa yang berlainan mempunyai perbezaan yang ketara dari segi perubahan sejarah, kepercayaan agama, adat resam dan seumpamanya. Ini menyebabkan setiap bahasa mengandungi unsur kebudayaan yang tersendiri dan unik. Oleh yang demikian, unsur kebudayaan bangsa dapat dipaparkan dengan menonjol sekali melalui penggunaan alusi.

Chew Fong Peng (2009) telah membincangkan masalah penterjemahan antara bahasa Cina dengan bahasa Melayu. Beliau juga memberi saranan penyelesaian untuk mengatasi masalah-masalah seperti penterjemahan istilah-istilah Cina yang bersifat polisemi haruslah bergantung pada konteks ayatnya. Dalam menterjemah bahasa metafora atau kiasan, penterjemah perlu mempunyai daya kreatif untuk mengekalkan nilai estetik dalam karya terjemahannya. Penerangan tambahan boleh ditambahkan mengikut keperluan (2009:81-100).

Menurut Ding (2009), perbezaan dalam penterjemahan secara umumnya berlaku kerana tiga faktor yang asas: (1) jenis mesej, (2) tujuan pengarang, atau sebaliknya, tujuan penterjemah dan (3) jenis pembaca. Malahan, tiga faktor tersebut juga menentukan bentuk penterjemahan yang dipilih.

2.3.1 Terjemahan Kata Nama

Newmark (1988: 32) berpendapat bahawa kesukaran utama dalam penterjemahan adalah dari segi leksikal dan bukannya tatabahasa. Leksikal termasuk perkataan, kolokasi dan frasa tetap atau peribahasa. Ini termasuk neologisme dan perkataan yang tidak dapat didefinisikan.

Beliau memberi saranan bahawa kebanyakan kata nama mempunyai empat jenis makna iaitu

- (1) fizikal atau material
- (2) figuratif
- (3) teknikal
- (4) kolokial yang biasa dikaitkan dengan kolokasi dan frasa tetap

Suatu contoh yang diberi oleh Newmark iaitu *maison* dalam bahasa Perancis mempunyai empat jenis makna tersebut iaitu

- (a) rumah kediaman (makna fizikal)
- (b) rumah keluarga (makna figuratif)
- (c) buatan di rumah, firma (*home-made, firm*) (makna teknikal)
- (d) kelas pertama, hebat (*first-rate, tremendous*) (makna kolokial)

(Newmark, 1988:32)

Beliau juga menyatakan kita seharusnya mencari asal usul dalam penterjemahan kata nama khas. Dari segi terminologi geografi, contohnya: Peking sepatutnya diubahsuai menjadi Beijing dan Umtali menjadi Mutare (Zimbabwe). Pengelasan kepada bandar, gunung atau sungai sepatutlah mengikut bahasa yang lazim diguna oleh pembaca. Nama tempat yang digunakan dalam karya fiksyen perlu disemak dalam atlas untuk memastikan kewujudannya (Newmark, 1988: 35).

Mashudi Kader dan Low Bee Eng (1993) telah mengutarakan padanan kata nama dan penyelesaian dalam penterjemahan teks daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Dalam makalah mereka, kata nama dapat dibahagikan kepada kata nama am yang ada padanannya dan kata nama am yang tidak ada padanannya dalam bahasa Melayu.

Empat strategi yang disarankan oleh Mashudi Kader dan Low (1993) untuk menyelesaikan masalah padanan kata nama am yang tidak ada padanannya dalam bahasa

Melayu ialah menggunakan nota kaki, kata pinjaman, transliterasi dan menerangkan makna perkataan itu.

Menurut *Dictionary of Translation Technology* (2004: 266), definisi transliterasi ialah

This term refers to (1) the act or process of representing or spelling the words, letters or characters of one language in the words, letters or characters of another language or alphabet, and (2) converting phonologically every word of the source language into another word of the target language in poetry translation, which is taken as a first step before a draft translation is made.

Dalam konteks kajian ini, definisi pertama dirujuk iaitu istilah transliterasi ialah tindakan atau proses yang mewakili atau mengeja perkataan, huruf atau aksara daripada suatu bahasa ke dalam perkataan, huruf, aksara atau abjad dalam bahasa yang lain.

Sarinah Sharif dalam disertasinya (2001) yang bertajuk “Padanan terjemahan kata nama: kes daripada dua buah novel Jepun” telah menumpukan penyelidikannya kepada pendekatan-pendekatan dan strategi-strategi yang perlu diambil oleh seseorang penterjemah itu dalam mencari padanan yang terdekat dan sejati bagi kata nama setelah mengambil kira sampel-sampel yang dipetik daripada dua buah novel Jepun.

Sarinah Sharif berpendapat kita tidak boleh lagi beranggapan bahawa proses penterjemahan adalah sama seperti proses menggantikan satu perkataan dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Justeru itu apabila pemilihan padanan dibuat, seseorang penterjemah seharusnya membawa mesej sebagaimana teks asal di samping memastikannya seharus-sejadi dengan dunia bahasa sasaran.

Guo (2005:95-96) menyaran lima cara yang berbeza untuk mewakili kata nama pinjaman yang menunjukkan barangan yang berasal dari luar negara iaitu

1. Transliterasi Tulen seperti *chocolate* (朱古力), *sultan* (苏丹) dan *trust* (托拉斯). Transliterasi merujuk kepada penterjemahan secara fonetik.
2. Terjemahan Semantik Tulen seperti *air craft* (飞机), *truth* (真理) dan *president* (总统).
3. Terjemahan Semantik dan Transliterasi seperti *typhoon* (台风), *Utopia* (乌托邦) dan *romantic* (浪漫).
4. Transliterasi dengan terjemahan semantik pada kata akhir seperti *beer* (啤酒), *cigar* (雪茄烟) dan *jeep* (吉普车).
5. Terjemahan Simbolik dengan penjelasan semantik pada kata akhir seperti *cross* (十字架), *pyramid* (金字塔) dan *mattock* (鹤嘴锄)

(Guo 2005:96)

2.3.2 Terjemahan Kata Nama Khas

Menurut Newmark (1988:214), prinsip terjemahan kata nama khas untuk nama orang adalah seperti berikut:

Normally, people's first and surname are transferred, thus preserving their nationality, and assuming that their names have no connotations in the text.

.....Where both connotations and nationality are significant, I have suggested that the best method is first to translate the word that underlines the source language proper name into the target language.....

Dalam konteks ini, nama orang yang tidak berkonotasi dikekalkan sama dalam bahasa sasaran daripada bahasa sumber (jika dua bahasa itu berasal dari sistem yang sama) manakala nama orang yang berkonotasi diterjemahkan ke bahasa sasaran.

Beliau juga mengatakan nama objek kata nama khas yang terdiri daripada cap dagang dan jenama biasanya dipindahkan. Istilah geografi disemak dalam peta yang terkini di mana kedutaan berkenaan dirujuki jika perlu.

Newmark (2001:70) pernah memberi pandangannya mengenai terjemahan kata nama khas seperti berikut:

In theory, names of single persons or objects are 'outside' languages, belong, if at all, to the encyclopaedia not the dictionary, have, as Mill stated, no meaning or connotations, are, therefore, both untranslatable and not to be translated.

In fact, while the position is nothing like so simple, the principle stands that unless a single object's or person's name already has an accepted translation it should not be translated but must be adhered to, unless the name is used as a metaphor

Secara teorinya, nama orang perseorangan atau objek adalah tidak tergolong dalam bahasa, iaitu jika termasuk pun, hanya ke dalam ensiklopedia sahaja tetapi bukannya kamus. Jadi, seperti yang dinyatakan oleh Mill, nama orang atau objek yang tidak bermakna atau berkonotasi tersebut tidak boleh diterjemah dan tidak harus diterjemahkan.

Walaupun keadaan ini tidak begitu mudah, prinsip ini kekal iaitu nama sesuatu objek atau nama seseorang tidak harus diterjemahkan kecuali nama tersebut sudah ada bentuk terjemahan yang diterima umum. Jika demikian, ia perlu dipatuhi, melainkan kalau nama itu digunakan sebagai metafora.

Berhubungan dengan ini, Mashudi Kader dan Low (1993:606-607) juga menyarankan strategi-strategi penterjemahan kata nama khas seperti berikut:

(a) Nama negara atau tempat:

- (i) biasanya nama negara dikekalkan
- (ii) nama-nama bandar negara China mestilah mengikut nama transliterasi sistem "pin yin". Contohnya: Anhwei seharusnya diubahsuai menjadi Anhui dan Soochow menjadi Suzhou.

(b) Nama orang:

- (i) Nama khas orang lazimnya dikekalkan.

- (ii) Nama-nama yang mempunyai konotasi khas dan watak-watak terkenal tidak diterjemahkan.
 - (iii) Nama khas yang terdapat dalam teks sejarah mesti diterjemahkan selaras dengan versi bahasa Melayu. Contohnya 秦始皇 diterjemahkan Maharaja Shih Huang Ti.
 - (iv) Nama khas dalam cerita kanak-kanak perlu diterjemah mengikut tahap pemahaman mereka.
- (c) Nama panggilan / gelaran: penterjemahan nama-nama ini mestilah selaras dengan teks sumber.

Leppihalme (1997, seperti dinyatakan dalam Mahmoud Ordudari 2007) telah mengusulkan suatu set strategi untuk menterjemahkan alusi kata nama khas.

- i. Pengekalan nama:
 - a. menggunakan nama seperti dalam bahasa sumber.
 - b. menggunakan nama dengan menambahkan beberapa petunjuk.
 - c. menggunakan nama dengan menambahkan penjelasan perinci, misalnya, nota kaki.
- ii. Penggantian nama dengan yang lain:
 - a. menggantikan nama dengan nama bahasa sumber lain.
 - b. mengganti nama dengan nama bahasa sasaran.
- iii. Pengguguran nama:
 - a. menggugurkan nama, tetapi memindahkan maksud dengan cara lain, misalnya oleh kata nama am (*transferring the sense by other means, for instance by a common noun*).
 - b. menggugurkan nama dan alusi bersama-sama.

(Mahmoud Ordudari: <http://translationjournal.net/journal/41culture.htm>)

Menurut Ding (2009:52), penterjemahan nama mempunyai dua bentuk iaitu:

(1) Penterjemahan formal : menumpukan kepada konsep mesej asal yang ingin disampaikan dalam konteks bahasa sumber sama ada dari segi bentuk mahupun isi kandungan.

(2) Penterjemahan dinamik: menekankan makna teks asal dengan bertujuan mencapai cara penulisan yang semula jadi, di samping untuk mengaitkan pembaca dengan mod perangai dalam konteks budayanya sendiri.

Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk, nama sememangnya membawa identiti yang ketara (Ding, 2009). Sehingga kini, penterjemahan nama daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu amat terhad dan lebih cenderung kepada penterjemahan novel klasik. Nama-nama dalam novel-novel klasik tersebut membawa makna tersendiri yang menjadi alusi dalam budaya Cina.

Ding (2009) menghuraikan bahawa Hans. Frankel telah memberi sumbangan dalam bidang menterjemahkan puisi dan nama bahasa Cina ke bahasa Inggeris. Sebagai contohnya:

a. Nama 西施 (Xi Shi) telah menjadi metafora dalam masyarakat Cina sebagai wanita cantik yang rajin dan bersemangat patriotik. Beliau telah menterjemahkan 西施 (Xi Shi) kepada “West Girl” (Wanita Barat). Ding (2009) telah memberi penjelasannya bahawa penterjemahan dinamik ini bertujuan agar pembaca-pembacanya menghayati nilai estetik bahasa, bunyi dan perasaan sesama manusia dalam satu komuniti budaya yang berbeza.

b. 花木兰 “Hua Mulan” ialah seorang gadis yang menyamar sebagai askar untuk menggantikan ayahnya berjuang dalam tentera. Hans. Frankel telah menterjemahkan Hua Mulan ke Mulan. Nama ini telah digunakan sebagai terjemahan rasmi dalam filem animasi Disney “Mulan” pada tahun 1998 (Ding:2009). Menurut Ding (2009:56) lagi, kelebihan terjemahan “Mulan” berbanding dengan “Hua Mulan” ialah “Mulan” lebih

senang disebut, diingati dan lebih memenuhi permintaan pasaran daripada menjaga identiti budaya.

Hu (2012:11) berpendapat bahawa jika sesetengah nama orang Cina yang beralusi dan kaya dengan konotasi diterjemahkan secara transliterasi adalah sukar difahami oleh pembaca sasaran. Dalam kes ini, penerangan ringkas tentang alusi, asal usul sejarah dan makna konotasi nama orang adalah penting. Contohnya, “...and Hua Mulan who joined the army by distinguishing herself as a young man in her father’s place...”

Ding (2009:57) juga memberi saranan bahawa penterjemahan nama bahasa Cina kepada bahasa Melayu boleh diringkaskan mengikut mana yang dianggap sesuai oleh penterjemah dan tidak semestinya mengikut sebutan atau maksud asal dengan sepenuhnya. Contohnya, watak 林黛玉 “Lin Daiyu” menjadi metafora wanita yang cantik, bergaya, berilmu tetapi kurang bernasib baik. Nama terjemahan “Lin” mungkin lebih mudah disebut, diingati dan diterima ramai jika dibandingkan dengan nama penuhnya yang beridentiti budaya.

Menurut Jones (1997:106-115), orang Cina yang tinggal di Hong Kong biasanya mengeja nama berdasarkan sebutan Kantonis sama ada mereka ialah Kantonis atau bukan. Secara amnya, dialek seseorang dapat diteka daripada ejaan namanya. Contohnya:

(1) ^{céng s i mèi} 曾四妹 Cheng She Mooi (nama orang Kantonis). ^{céng} 曾 ialah nama keluarga yang disebut sebagai Zeng dalam Mandarin, namun ejaan namanya sebagai Cheng adalah berdasarkan dialek Kantonis. ^{s i mèi} 四妹 ialah nama perempuan yang disebut sebagai Simei dalam Mandarin yang bermakna adik perempuan yang keempat. Namun, ejaan namanya sebagai She Mooi yang berdasarkan sebutan Kantonis mungkin mengimplikasikan dialek perempuan ini ialah Kantonis.

(2) ^{céng xīn dì} 曾新娣 Chen Sin Tai (nama orang Hakka). ^{céng} 曾 adalah sama dengan nama keluarga dalam contoh di atas (1) Cheng, namun tulisannya adalah berbeza iaitu Chen. ^{xīn} 新娣 (Xindi) dieja sebagai Sin Tai adalah berdasarkan sebutan Hakka yang bermakna adik perempuan yang baru. Jadi, dialek perempuan ini mungkin berasal dari Hakka berdasarkan namanya.

(3) ^{lín jīn zhī} 林金枝 Lim Kim Kee (nama orang Hokkien). 林 (Lin) yang terdiri daripada dua 木 (mu) merupakan nama keluarga yang sangat popular. 金枝 (Jinzi) dieja sebagai Kim Kee adalah berdasarkan sebutan Hokkien yang bermakna tangkai emas. Nama ini mengandungi dua anasir iaitu 木 (kayu) dan 金 (emas).

(4) ^{zhū dà hé} 朱大河 Choo Tai Hoe (nama orang Teochew). Namanya ^{dà hé} 大河 (Dahe) dieja mengikut sebutan Teochew sebagai Tai Hoe. Jadi, dialek orang ini mungkin ialah Teochew.

(5) ^{fú wén zhōu} 符文洲 Foo Boon Chew (nama orang Hainan). ^{fú} 符 ialah nama keluarga Hainan yang popular. ^{wén zhōu} 文洲 (Wenzhou) juga dieja berdasarkan sebutan Hainan iaitu Boon Chew.

(Jones, 1997:106-115)

Xu (2009:133) juga menyatakan walaupun Skema *Hanyu Pinyin* (汉语拼音方案) telah digunakan secara meluas sejak 1950-an, namun sesetengah tempat di Hong Kong, Macao, Taiwan dan negara-negara di luar China masih menggunakan Sistem *Wade-Giles* (威妥玛-翟理斯式拼音法/ 韦氏拼音法) untuk terjemahan nama. Sistem *Wade-Giles* diasaskan oleh Thomas Francis Wade (1818-1895) dan kemudiannya dipindahkan oleh

Herbert Allen Giles (1845-1935). Mereka ialah pegawai diplomatik British yang bekerja di negara China.

Wade menggubal Skema Penghurufan Rumi (以罗马字母为汉语拼音方案) untuk penulisan Cina. Ini memudahkan orang asing untuk mempelajari bahasa Cina. Giles membuat pindaan sistem tersebut dengan memberi fonetik untuk tulisan Cina. Sistem *Wade-Giles* telah digunakan dengan meluas untuk transliterasi perkataan bahasa Cina ke bahasa Inggeris pada abad-19 tahun 60-an hingga pertengahan abad-20 (Hu & Xiong, 2012).

Contoh terjemahan nama dengan Sistem *Wade-Giles* (Xu, 2009):

香港 Hong Kong (bukan Xiang Gang), 赵元任 Chao Yuen Ren, 杨振宁 Chen Ning Yang (nama keluarga “Yang” terletak di belakang), 李政道 Tsung-Dao Lee, 李嘉诚 Lee Ka-shing, 孙中山 Sun Yet-Sen, 蒋介石 Chiang Kai-Shek dan 董建华 Tung Chien-hua. Ada nama yang diterjemahkan berdasarkan norma dan konvensi masyarakat. Contohnya, bintang filem 成龙 Jacky Chan dan 李小龙 Bruce Lee (nama Kristian diikuti nama keluarga).

Menurut Hu (2012: 88-122), nama tempat adalah lebih susah diterjemahkan. Biasanya rujukan perlu dibuat untuk terjemahan tetap yang diterima secara konvensional, umum dan popular dalam bahasa dialek di tempat masing-masing. Contoh berikut ialah terjemahan bahasa Inggeris untuk nama tempat:

- (a) 新桥 (xīnqiáo) di Macao ialah San Kiu (sebutan Shin chiao) mengikut dialek Kantonis
- (b) 湾仔区 (wānzǎiqū) di Hong Kong ialah Wan Chai District (sebutan Wanzi) mengikut dialek Kantonis
- (c) 高雄 (gāoxióng) di Taiwan ialah Kaohsiung (sebutan Gao shiong)

Menurut Guo (2005:97), Herbert A. Giles membuat perubahsuaian pada ejaan Sistem Wade dalam Kamus bahasa Cina-bahasa Inggeris. Pada tahun 1975, Majlis Negara China telah mewartakan bahawa semua nama orang dan tempat perlu dieja berdasarkan fonetik Cina dengan simbol. (注音符号)。Tiga tahun kemudian, Majlis Negara membuat suatu keputusan tentang penghurufan semua nama orang dan tempat Cina sepatutnya digunakan untuk semua bahasa dengan huruf Roman bagi Skema *Hanyu Pinyin* (汉语拼音) termasuk bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol dan sebagainya mulai Januari, 1979. Jadi, Mao Zedong telah digunakan untuk menggantikan Mao Tsetung atau Mao Tse-tung, dengan begitu Beijing telah digunakan untuk menggantikan Peking.

Guo (2005:92) berpendapat bahawa terdapat versi yang berbeza dalam penterjemahan kata nama pada zaman dahulu dengan kini. Justeru itu, keadaan ini akan menimbulkan masalah kekeliruan seperti berikut:

Jadual 2.1 Kekeliruan akibat Terjemahan Kata Nama Versi Lama dan Versi Baru ke bahasa Cina

Nama	Terjemahan versi lama bahasa Cina	Terjemahan versi baru bahasa Cina
(a) Issac Newton	奈端 (nàiduān)	牛顿 (niú dùn)
(b) Chekhov	柴霍甫 (cháihuòfǔ)	契诃夫 (qìhēfū)
(c) Chicago	诗家谷 (shījiāgǔ)	芝加哥 (zhījiāgē)
(d) Shakespeare	狭斯丕尔(xiásīpīěr)	莎士比亚(shāshìbǐyà)

Masalah tersebut berpunca daripada transliterasi kata nama khas daripada ejaan dan sebutan bahasa Inggeris, perbezaan bunyi lisan dalam tulisan Cina yang diguna dalam

penterjemahan. Bilangan homonimi bahasa Cina yang banyak dan penggunaan terjemahan nama bahasa Cina yang berlainan pada zaman dahulu dan kini.

Tiga peraturan telah disarankan oleh Guo (2005:92) sebagai garis panduan kepada penterjemah untuk mengatasi masalah tersebut iaitu

- (a) mengikut sebutan asal kata nama khas (名从主人)

Semua kata nama khas perlu ditransliterasi daripada sebutan sebenar dalam bahasa asalnya seperti nama Perancis sepatutnya ditransliterasi daripada sebutan Perancis yang betul. Biasanya kita mempunyai konsep yang salah untuk menterjemah secara transliterasi semua nama dan tempat dalam dunia dengan ejaan atau sebutan mengikut bahasa Inggeris dan membuat anggapan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa asing yang utama untuk mewakili semua kata nama khas.

Banyak nama dalam bahasa bukan bahasa Inggeris telah ditransliterasi daripada sebutan bahasa Inggeris seperti Moscow, Munich and Warsaw. Namun, peraturan ini agak sukar dipatuhi untuk mengikut sebutan pemilik kata nama khas. Bukan semua penterjemah dapat bertutur semua bahasa dalam dunia ini. Banyak orang dan tempat di Negara Timur Jauh dan Asia Tenggara diduduki oleh orang Cina di luar negara Cina seperti di Jepun, Korea, Indo-China, Thailand, Burma, India dan sebagainya. Penduduk tersebut mempunyai nama asal dalam bahasa Cina.

Namun begitu, sebutan nama Cina di luar negara China adalah berbeza dengan negara China. Jika nama mereka diterjemahkan ke dalam ejaan bahasa Inggeris berdasarkan sebutan di negara China, ini adalah agak berbeza daripada sebutan sebenar di negara kediaman mereka masing-masing seperti di Tokyo, Hiroshima, Seoul, Saigon, Rangoon, Bombay dan sebagainya (Guo, 2005).

Guo (2005:93) seterusnya memberi contoh pemimpin Korea Utara iaitu 金日成 telah diterjemahkan kepada Kim Il-sung dan bukannya Jin richeng yang berdasarkan kepada Skema Hanyu Pinyin. Pemimpin Jepun 鳩山 pula diterjemahkan kepada Hatoyama dan tempat yang pernah dibomkan oleh senjata nuklear 广岛 diterjemahkan kepada Hiroshima.

Semua tulisan Cina adalah mono suku kata dengan eka bunyi. Langkah untuk mengatasi kekeliruan besar dalam terjemahan adalah untuk menetapkan tulisan Cina yang tertentu dalam suku kata pada nama asing.

(b) mengguna sebutan piawai tulisan Cina (标准汉音)

Semua tulisan Cina adalah mono suku kata dengan eka bunyi. Langkah untuk mengatasi kekeliruan besar dalam terjemahan ialah untuk mewujudkan sesetengah tulisan Cina dalam suku kata daripada nama asing. Kerja ini telah dilakukan oleh *Hsinhwa News Agency* yang memberi sumbangan dalam transliterasi tulisan Cina.

(c) mengambil nama terjemahan yang diterima umum dan popular (约定俗成)

Sesetengah tempat ada nama kuno dan moden. Contohnya, India ada dua nama terjemahan Cina kuno dan satu nama baru iaitu 身毒 (shēndú) dan 天竺 (tiānzhú). (cara penterjemahan lama 老译法) dan 印度 (y ñdù) (cara penterjemahan kini 现译). Oleh itu, penterjemah sepatutnya memilih nama terjemahan moden. Selain itu, terjemahan nama orang asing ke bahasa Cina perlu mengambil kira dua perkara: iaitu nama orang asing yang mendiami di negara China suka namanya diterjemah mengikut stail orang Cina. Contohnya: Kulesa diterjemah kepada 孔雷飒 (kǒngléisà) dan bukan 裤里塞 (kùlǐsāi), Peggotty diterjemah kepada 辟果提 (pìguǒtí) dan bukan 怕狗踢 (pàgǒutí).

Terjemahan semantik biasa diguna untuk menterjemah nama Geografi. (Guo, 2005) Contohnya, *the Pacific Ocean* (太平洋), *the Black Sea* (黑海), *the Mediterranean Sea* (地中海), *Cape of Good Hope* (好望角) dan *Iceland* (冰岛). Namun, terdapat kes pengecualian seperti *the Netherlands* (荷兰) dan *Pakistan* (巴基斯坦) tidak diterjemah secara semantik. Nama Geografi yang didahului dengan *New* diterjemahkan separuh semantik dan fonetik seperti *New England*, *New Zealand*, *New Guinea* tetapi *New York* dan *Newfoundland* tidak diterjemah dengan cara begitu.

Menurut Xiao (2009: 94-95) dalam bab yang bertajuk “Kajian penterjemahan tentang metafora nama orang daripada bahasa Cina ke bahasa Inggeris”, nama orang dalam karya sastera dapat diterjemahkan daripada suatu bahasa ke bahasa lain dengan dua strategi seperti berikut :

- a) Transliterasi atau Transkripsi : mengekalkan fonologi untuk nama orang teks asal.
- b) Penterjemahan Semantik: mencari lexis yang sepadan dalam bahasa sasaran dan menyampaikan makna konotasi untuk nama orang teks asal.

Dua strategi penterjemahan mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Transliterasi adalah selaras dengan amalan antarabangsa iaitu penggunaan Skema Fonetik Cina. Selain itu, strategi ini mengekalkan fonologi bahasa sumber, makna budaya dan cara penamaan bagi nama orang yang berunsur metafora seperti keistimewaan fonologi, fungsi referensi asas dan dapat menyampaikan gaya eksotik bahasa sumber (Xiao, 2009).

Bagaimanapun, strategi transliterasi menyebabkan pembaca bahasa sasaran sukar untuk mengartikulasikan nama orang tertentu sepertimana dalam teks bahasa sumber. Contohnya: 女(Nǚ) dalam 女娲 (Nu Wa) dan 薛(Xuē) dalam 薛宝钗 (Xue Baochai) adalah susah disebut oleh pembaca bahasa sasaran.

Nama 西施 (Xi Shi) telah menjadi metafora dalam masyarakat Cina sebagai wanita tipikal cantik yang rajin dan bersemangat patriotik. Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, Hans Frankel telah menterjemahkan 西施 (Xi Shi) sebagai West Girl. Ding (2009) telah memberi penjelasannya bahawa penterjemahan dinamik ini bertujuan agar pembaca-pembacanya menghayati estetik bahasa, bunyi dan perasaan sesama manusia dalam satu komuniti budaya yang berbeza.

Dalam terjemahan nama orang dalam karya sastera, strategi transliterasi juga mengakibatkan kehilangan mesej budaya dan makna estetik nama orang (Xiao, 2009) misalnya “*West Girl*” (Wanita Barat) yang diterjemahkan oleh Hans Frankel daripada 西施 (Xi Shi) berkaitan dengan asal usul tempat kediaman 西施 (Xi Shi) dan dapat mencerminkan makna estetik 西施 (Xi Shi). 西 Xi bermakna Barat manakala 施 Shi merupakan nama keluarganya. Nama asalnya ialah 施夷光 (Shi Yiguang). Tempat kelahirannya berada pada Daerah Zhèjiāng Zhūjì Kampung Zhùlúocūn 浙江诸暨苎萝村. Oleh kerana terdapat dua kampung iaitu di sebelah Barat dan Timur, Xi Shi menduduki di Kampung Barat, jadi beliau diberi nama berkenaan. (lihat laman web <http://baike.baidu.com/view/6732.htm>).

Hans Frankel (1976:21) telah memetik sajak Su Shi 苏轼 yang bertajuk “*Drinking above the Lake in Clear Weather Followed by Rain*” 饮湖上初晴后雨. Salah satu rangkap daripada sajak ini berbunyi seperti berikut: *West Lake is like West Girl: Whether the makeup's light or heavy, it always looks just right.* 欲把西湖 (Xīhú) 比西子 (Xīzǐ), 淡妆浓抹总相宜. Frankel telah menganalogikan Tasik Barat *West Lake* 西湖 dengan Wanita Barat *West Girl* 西子.

Xi Shi merupakan salah seorang daripada empat wanita tercantik pada zaman dulu. Keindahan Tasik Barat diibaratkan seperti kecantikan Xi Shi. Kononnya, Tasik Barat di Hangzhou ialah penjelmaan Xi Shi, jadi tasik itu juga dipanggil Tasik Xizi, Xizi ialah nama lain bagi Xi Shi iaitu *Lady Xi*. (lihat laman web <http://baike.baidu.com/view/1118146.htm>).

Dengan menggunakan strategi transliterasi, pembaca bahasa sasaran bukan sahaja tidak dapat mengerti makna metafora nama orang melalui fonologinya, malahan juga tidak dapat menghayati makna tersirat nama orang (Xiao, 2009) seperti 西施 (Xi Shi) jika dibandingkan dengan West Girl. Walaupun nota kaki atau nota tambahan dapat memberi penerangan tambahan, namun nota kaki yang terlalu rumit dan tidak ada kaitan langsung dengan teks adalah tidak sesuai untuk pembaca, terutama dalam karya yang mempunyai banyak watak. Ini juga mengganggu kesinambungan dan rasa keseronokan membaca.

Nama orang dalam karya sastera dapat menggambarkan imej watak dan memperlihatkan fungsi sastera yang berkaitan dengan tema. Sehubungan dengan ini, Xiao (2009: 107) menyatakan Strategi Penterjemahan Semantik memainkan peranan penting dalam terjemahan nama orang yang mempunyai makna metafora. Terjemahan nama orang dengan strategi ini dapat mencerminkan ciri-ciri serta personaliti watak dan tema fikiran karya. Tambahan pula, strategi ini juga mengambil kira isi kandungan, mesej, konteks dan fungsi sastera selain daripada konteks budaya.

Huang Xinqu (2006) telah menerbitkan suatu novel terjemahan daripada novel klasik kesusasteraan China yang terkenal dan popular iaitu 红楼梦 (hónglóumèng) *A Dream of Red Mansions* oleh Cao Xueqin (pengarang asal). Novel asal mempunyai bilangan watak yang lebih daripada enam ratus orang.

Sebelum terjemahan, beliau meringkaskan novel asal itu dalam versi bahasa Cina dan kemudiannya menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Dalam terjemahan nama

watak dalam novel tersebut, selain mengaplikasikan Strategi Penterjemahan Transliterasi, beliau juga menggunakan Strategi Penterjemahan Semantik dan Penterjemahan Kuplet untuk watak utama dalam mengisahkan percintaan yang tragis seperti 贾宝玉 (Jia Baoyu) *Magic Jade*: Jed yang Bermagis, 林黛玉 (Lin Daiyu) *Black Jade*: Jed Hitam dan 薛宝钗 (Xue Baochai) *Precious Hairpin*: Pin Rambut yang Berharga (lihat laman web <http://www.xzbu.com/5/view-1912452.htm>).

Dengan cara demikian, pembaca dapat mengerti metafora yang tersirat dalam nama watak oleh pengarang dengan lebih senangnya. Walau bagaimanapun, kekurangan Strategi Penterjemahan Semantik ialah pembaca akan kehilangan peluang untuk menghayati nilai estetik fonologi nama orang seperti dalam teks sumber. Akibatnya, ini akan menyebabkan mereka sangat biasa dengan nama terjemahan dalam teks sasaran seperti *Magic Jade* tetapi tidak mengenal nama orang dalam teks sumber contohnya 贾宝玉 (Jia Baoyu) . Dilema ini merupakan kekangan yang sukar diatasi dalam dunia penterjemahan. Pemilihan strategi adalah rumit dan bergantung kepada keadaan dan konteks tertentu termasuk matlamat penyampaian dan objek referensi untuk membuat penyesuaian terjemahan (Xiao: 97).

Dua orang penterjemah lain yang turut terlibat dalam menterjemahkan karya 红楼梦 (hónglóumèng) *A Dream of Red Mansions* ialah Yang Xianyi dan isterinya, Gladys Yang (2004) dan juga David Hawkes (1973) yang bertajuk *The Story of the Stone* walaupun terjemahan judul buku berlainan. Dalam terjemahan nama orang, Yang Xianyi pada asasnya menggunakan Strategi Penterjemahan Transliterasi dengan berdasarkan fonologi bahasa Cina. Umpamanya beliau menterjemahkan nama 甄世隐 sebagai Zhen Shiyin, 贾宝玉 sebagai Jia Baoyu, 林黛玉 sebagai Lin Daiyu dan 薛宝钗 Xue Baochai.

Dari sudut linguistik, Yang (2004:563) menerangkan 甄世隐 Zhen Shiyin berhomofon dengan 真事隐 “true facts concealed” iaitu kisah sebenar tersembunyi dalam

nota tambahan. David Hawkes (1973:44) dalam bab pengenalannya juga menerangkan nama keluarga 甄 *Zhen* berhomofon dengan 真 *zhen* (benar) yang berantonim dengan 假 *jia* (palsu) seperti berikut:

...As regards the various 'devices' which Xueqin employs for converting remembered fact into artistic fiction, one he makes persistent use of throughout the novels is the antinomy of zhen and jia, meaning respectively 'real' and 'imaginary', but both regarded by Xueqin as being different parts of a single underlying Reality:

*“假作真时真亦假，无为有处有还无”
jiǎ zuò zhēn shí zhēn yì jiǎ, wú wéi yǒu chù yǒu hái wú*

*Truth becomes fiction when the fiction's true,
Real becomes not-real when the unreal's real.”*

is the inscription written up over the gateway to the Land of Illusion which we pass through at the beginning of the novel.

[Sumber: David Hawkes (1973:44)]

Ada sarjana lain berpendapat bahawa wujudnya seorang watak yang bernama 甄宝玉 *Zhen Baoyu* yang dapat mencerminkan identiti yang sama dengan *Jia Baoyu* 贾宝玉. Dalam hal ini, nama keluarga perlu dikaitkan dalam terjemahan “假作真时真亦假” *jiǎ zuò zhēn shí zhēn yì jiǎ* iaitu “贾作甄时甄亦假” : 假 *jia* (palsu) dan 真 *zhen* (benar) diganti dengan nama keluarga dan berhomofon dengan 贾 *Jia* dan 甄 *Zhen* masing-masing. Jika “假真 (palsu benar)” diterbalikkan, ungkapan tersebut menjadi “甄作贾时贾亦甄” *zhēn zuò jiǎ shí jiǎ yì zhēn*, jadi nama keluarga 甄 *Zhen* adalah sama dengan 贾 *Jia*. Sebenarnya 贾宝玉 *Jia Baoyu* ialah 甄宝玉 *Zhen Baoyu* (lihat laman web <http://www.honglougeng.com/honglougeng/12/honglougeng6821.htm>). Jadi, watak yang sama dengan nama yang berlainan telah berjaya dicipta oleh pengarang novel dengan daya kreativiti. Nama watak seperti *Jia Baoyu* 贾宝玉 kaya dengan imageri dan makna konotatif. Jadi, penterjemah haruslah memahami latar belakang, hasrat pengarang, budaya dan bahasa sumber dengan terperinci.

“玉 *yu*” dalam nama 贾宝玉 Jia Baoyu bermakna jed. Dalam budaya tradisi Cina, jed bernilai tinggi dan diibaratkan sebagai sesuatu yang sempurna, mulia dan indah. Jed juga bersimbolik kelembutan, jadi “玉 *yu*” biasa digunakan dalam nama perempuan. Namun Cao telah memilih “玉 *yu*” sebagai kod perwakilan personaliti untuk watak lelaki ini: 贾宝玉 Jia Baoyu yang penuh dengan kelembutan dan menjaga perempuan yang dikasihi dengan baik (lihat laman web <http://www.xzbu.com/5/view-1926355.htm>).

贾宝玉 Jia Baoyu telah dilahirkan dengan jed dalam legenda novelnya. Ini bersimbolik beliau ialah pewaris keluarga Jia. Dalam Bab 1 novel berkenaan, seketul batu belum digunakan oleh Nu Wa untuk memulihara langit. Batu tersebut telah dijelma menjadi jed yang berharga iaitu 通灵宝玉 (*tōnglíngbǎoyù*) Jed Rohani (Precious Jade of Spiritual Understanding) oleh seorang pertapa Taoisme dan Buddha. Batu yang benar, jed yang palsu 假宝玉 (yang berhomofon dengan watak Jia Baoyu 贾宝玉), sama ada batu atau jed, misteri ini diinterpretasi oleh pembaca sendiri. Keadaan ini juga berlaku dalam pemberian nama kepada watak “Falstaff” oleh Shakespeare dalam komedi *Merry Wives of Windsor*. “Falstaff” berhomofon dengan “False” yang membawa makna implisit “hipokrit” (Bao, 2001).

David Hawkes (1973: 44) juga berpendapat bahawa “*The Jias of the novel are connected in various ways with a mysterious family in Nanking called the Zhens – another word-play – who are a sort of mirror-reflection of the Jia family*”.

David Hawkes (1973) mengekalkan Strategi Penterjemahan Transliterasi dalam terjemahan nama watak utama tetapi untuk nama pembantu rumah, beliau menggunakan Strategi Penterjemahan Semantik atau Kuplet. Contohnya, beliau menterjemahkan 袭人 sebagai “Aroma”.

Menurut definisi dalam Kamus Dewan (2010: 78), makna aroma ialah bau (terutama bau yang menyedapkan daripada rempah, pokok dan sebagainya). Salah satu definisi “Aroma” dalam *Oxford English Dictionary* (1989) ialah “*the distinctive fragrance exhaled from a spice, plant, etc; generally an agreeable odour, a sweet smell.*”

Nama asal 袭人 Aroma ialah 花珍珠 Mutiara (珍珠) dengan nama keluarga sebagai Bunga (花). Asalnya dia ialah pembantu rumah kepada nenek Jia Baoyu, Jia Mu 贾母. Jia Mu merupakan ketua rumah Jia yang berkuasa dan berpegang kuat kepada sistem feudal. Beliau memberikan nama Mutiara (珍珠) kepada pembantu rumahnya dan kemudiannya mengarah Mutiara yang setia itu menjadi pembantu rumah kepada cucu kesayangannya, Jia Baoyu.

Menurut Yuan (2009:21), Jia Mu menganggap beliau dapat mengawal Mutiara dengan sewenang-wenangnya seperti mutiara kepunyaannya. Namun, Jia Baoyu mengetahui nama keluarga Mutiara iaitu 花 Hua, dan memetik frasa ayat 花气袭人 daripada alusi sajak yang bertajuk “村居书喜” oleh 陆游 (Lùyou) yang bermakna haruman bunga mempesonakan orang. Dari sudut nilai estetik, Jia Baoyu mengibaratkan gadis yang cantik seperti Aroma sebagai sekuntum bunga.

Bapa saudara 贾云 (Jiayun) ialah 卜世仁 (Bǔ Shì rén) yang berhomofon dengan 不是人 (bú shì rén) iaitu bukan orang. Pengarang asalnya, Cao telah membentuk imej dan personaliti watak 卜世仁 (Bǔ Shì rén) yang tidak berperikemanusiaan. Cao telah berjaya menggunakan bahasa satira untuk mempersendakan watak berkenaan.

Yang (2004:655) telah menterjemahkan 卜世仁 sebagai Bu Shiren dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi. Beliau juga memberi nota tambahan untuk menerangkan nama watak yang bermetafora iaitu 卜世仁 Bu Shiren: *homophone for “not a human being”*.

Walau bagaimanapun, dalam terjemahan nama 卜世仁 Bu Shiren, David Hawkes (1973:31) telah menggunakan Strategi Penterjemahan Semantik untuk menterjemah nama asing teks sumber tersebut ke dalam teks sasaran sebagai *Mr Hardleigh Hewmann* iaitu berhomofon dengan *Mr Hardly Human* dalam bahasa sasaran. Namun, nama ini hanya digunakan olehnya sekali dalam prakata buku: “as for example Jia Yun’s treatment in Chapter 24 at the hands of his uncle Bu Shi-ren (a name that could be roughly anglicized as Mr Hardleigh Hewmann).”

Cao (1998:1) berpendapat penterjemah seharusnya membolehkan pembaca teks sasaran (dalam sebarang bahasa asing) dalam novel contohnya 红楼梦 (hónglóumèng) *A Dream of Red Mansions* seakan-akan memasuki 大观园 (dàguānyuán) *Grand View Garden* yang dicipta oleh pengarang teks sumber. Justeru itu, pembaca seolah-olah dapat menemui empat ratusan watak dalam *Grand View Garden* terutamanya watak utama Jia Baoyu 贾宝玉 dan Lin Daiyu 林黛玉 supaya pembaca berasa tersinggung dengan pengalaman dan nasib watak.

Bao (2001:75) menyatakan bahawa nama orang dalam karya sastera mempunyai implikasinya dan kaya dengan konotasi. Contohnya, karya “Ah Q”阿 Q oleh Lu Xun (鲁迅) membawa konotasi peniruan diri sendiri 自欺欺人 yang bersemangat “Ah Q”阿 Q. Pengarang terkenal England, William Makepeace Thackeray 萨克雷 telah membentuk imej dua watak dalam novel “*Vanity Fair*” (名利场) dengan namanya *Sharp* (夏泼) dan *Amelia* (艾米丽娅). *Sharp* mengekodkan wanita yang mementingkan diri, sebaliknya *Amelia* mewakili gadis yang rajin dan baik hati. Personaliti dan imej dua watak yang bertentangan ini telah direfleksikan dalam namanya. Jadi, nama orang biasanya mempunyai kod dan signifikan yang tersirat.

Menurut Hu dan Xiong (2012:1-78), nama watak dalam karya terjemahan sastra dapat mencerminkan cara fikiran, konsep moral, agama kepercayaan dan ciri-ciri bahasa manakala nama tempat mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya seperti budaya pertanian. Contohnya, 里(lǐ) dalam nama tempat 广州三元里(Guǎngzhōu Sānyuánlǐ) merujuk kepada unit perumahan kampung pertanian pada zaman purba. Kini, 里(lǐ) bermakna kampung. Selain itu, nama tempat juga dapat mencerminkan mentaliti sosial, pembangunan ekonomi, keadaan pembangunan tentera, tinggalan bangunan, budaya sejarah dan peninggalan sejarah yang dibentuk akibat bauran bahasa antara bangsa Han dengan bangsa lain di China.

Beijing merupakan ibu negara bagi Dinasti Yuan, Ming dan Qing yang pernah didiami pelbagai bangsa. Nama tempat 胡同(hútòng) yang merujuk kepada jalan kecil berasal daripada Mongolia yang bermakna telaga air. Kini, telaga air yang masih digunakan oleh sesetengah bangsa Mongolia dipanggil 忽洞[胡同(hútòng)]. Sejak Dinasti Yuan, penduduk Beijing bergantung kepada telaga air untuk bekalan air, jadi banyak 胡同(hútòng) diberi nama berasaskan telaga air. Contohnya, suatu tempat di Beijing dinamakan 义溜胡同(yìliūhútòng) dalam mana 义溜(yìliū) yang berasal dari Mongolia bermakna pemandangan yang cantik (Hu dan Xiong, 2012).

Hu (2012: 78) berpendapat bahawa tulisan Cina lebih kompleks, terutamanya penggunaan perkataan bagi nama tempat. Ada perkataan yang bentuknya sukar dikenali dan ada yang sukar dibaca. Contohnya, 乐亭县^{lào tíng xiàn} sepatutnya diterjemahkan sebagai *Laoting County* dan 桓仁满族自治县^{huán rén mǎn zú zì zhì xiàn} sebagai *Huanren Man Autonomous County*.

Tambahan pula, nama tempat kediaman penduduk Minoriti di China seperti ^{nèiměnggǔ} 内蒙古

^{zìzhìxiàn} 自治县 (Nei Mongol Autonomous Region), ^{xīzàngzìzhìxiàn} 西藏自治区 (Xizang Autonomous Region)

dan ^{xīnjiāngwéiwú'ěr zìzhìxiàn} 新疆维吾尔自治区 (Xinjiang Üygür Autonomous Region) biasanya disebut berdasarkan bahasanya tersendiri.

2.4 Rumusan

Karya terjemahan sastera klasik memainkan peranan memperkenalkan budaya teks sumber kepada pembaca teks sasaran. Nama dewa-dewi, manusia, makhluk dan tempat merupakan komponen penting kata nama khas.

Sebagai kesimpulan, bab ini membincangkan masalah-masalah penterjemahan antara bahasa Cina dan bahasa Melayu dan strategi-strategi penterjemahan oleh sarjana-sarjana yang terkenal dalam bidang penterjemahan seperti Newmark, Nida, Mona Baker dan Guo Zhuzhang. Strategi-strategi penentuan kebolehsampaian makna terjemahan dan kajian-kajian lepas tentang terjemahan kata nama khas juga dibincangkan.

Kajian-kajian lepas memperlihatkan pelbagai strategi penterjemahan dalam terjemahan kata nama khas. Kelebihan serta kekurangan penggunaan sesetengah strategi penterjemahan juga dibincangkan dalam bab ini.

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan strategi penyelidikan yang digunakan untuk memperoleh dan menganalisis data cerita klasik, genre cerita kesusasteraan klasik China yang ditulis dalam bahasa Melayu. Kajian ini menganalisis dan mengklasifikasikan strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu. Prosedur penyelidikan, persampelan data dan kaedah analisis data juga dibincangkan.

3.1 Kaedah Penyelidikan

Menurut Sulaiman (2003:20), empat strategi yang biasa digunakan dalam penyelidikan ilmiah ialah kajian lapangan, tinjauan, eksperimen dan penggunaan data tersedia.

Analisis kandungan (*content analysis*) dengan penggunaan data tersedia digunakan untuk mengkaji dengan lebih objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap kandungan bertulis seperti buku teks, novel, rencana pengarang, diari dan kandungan lisan. Strategi ini bertujuan menerokai tema dan persoalan daripada bahan tersebut. Secara khususnya, pendekatan analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan dan menyelidik kata nama khas yang terdapat dalam korpus yang dikaji.

Kajian ini juga dijalankan secara kualitatif deskriptif. Pengkaji membuat rujukan terhadap sumber bahan-bahan dan buku-buku yang berkaitan dengan data kajian iaitu teks kesusasteraan klasik China, teks sasaran, tesis, kamus, ensiklopedia, karya-karya terjemahan, majalah, jurnal dan bahan ilmiah dari laman web.

Pendekatan analisis kontrastif terhadap kata nama khas daripada teks yang terpilih juga digunakan dalam kajian ini. Menurut Howard Jackson (1981:195), linguistik kontrastif merupakan salah satu cabang daripada linguistik untuk membandingkan ciri-ciri fonologi,

tatabahasa, perbendaharaan kata dan sebagainya antara dua bahasa. Tujuannya adalah untuk menghuraikan persamaan dan perbezaan antara bahasa-bahasa yang dibandingkan.

Linguistik kontrastif dan analisis kontrastif didefinisikan oleh Howard Jackson (1981:195) sebagai:

Contrastive linguistics is a branch of linguistics which seeks to compare (the sounds, grammars and vocabularies of) two languages with the aim of describing the similarities and differences between them...Contrastive analysis is the technique associated with contrastive linguistics, and it may be defined as a systematic comparison of selected linguistic features of two or more languages ...

Seperti yang tertera dalam definisi di atas, analisis kontrastif merujuk kepada suatu perbandingan sistematik tentang ciri-ciri linguistik yang dipilih antara dua atau lebih bahasa. Tujuannya adalah membandingkan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan sebagainya antara bahasa.

Sesetengah teks terjemahan bahasa Inggeris seperti *Journey to the West* 西游记 (Xi You Ji) (Jenner, 2003) telah dijadikan bahan rujukan. Kata nama khas (KNK) dalam bahasa Inggeris yang sepadan dengan data kajian dicari. Analisis kontrastif dijalankan ke atas KNK dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang sepadan untuk meninjau implikasi kebolehsampaian makna KNK dua bahasa yang berkenaan.

Analisis perbandingan dalam bahasa Inggeris dijalankan dalam kajian ini disebabkan setakat ini, tidak ada banyak teks terjemahan sepenuhnya dalam bahasa Melayu daripada teks sumber bahasa Cina seperti Novel 西游记 (Xi You Ji). Sesungguhnya bilangan teks terjemahan dalam bahasa Inggeris daripada teks sumber bahasa Cina adalah banyak jika dibandingkan dengan teks terjemahan dalam bahasa Melayu.

Strategi penterjemahan yang disarankan oleh Newmark (1988), Mona Baker (1992) dan Guo Zhuzhang (2005) dalam Bab 2 telah diadaptasikan oleh pengkaji dalam

penganalisan dan pengklasifikasian strategi terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu. Secara khususnya, teori Newmark (1988, 2001) tentang penterjemahan dan strategi penterjemahan kata nama khas telah dijadikan kerangka teoretis dalam pengklasifikasian data oleh pengkaji.

Analisis untuk menilai kualiti terjemahan yang dikemukakan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982) telah dijadikan kayu ukuran pengkaji untuk meninjau implikasi strategi-strategi penterjemahan yang digunakan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas dalam korpus yang dikaji.

3.2 Prosedur Penyelidikan

Dalam kajian ini, tumpuan diberi terhadap kata nama khas teks sasaran iaitu lapan buah buku cerita klasik China yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu. Prosedur penyelidikan yang dirangka merupakan langkah-langkah yang teratur bagi menjalankan kajian ini. Prosedur penyelidikan ini melibatkan tiga peringkat seperti berikut:

3.2.1 Pemilihan teks

Di pasaran Malaysia, bilangan teks terjemahan karya kesusasteraan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu masih kekurangan. Sebelum teks terjemahan dipilih, pengkaji meneliti karya-karya sastera terjemahan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu terbitan DBP, ITNM dan penerbit yang lain seperti “Liang Shan-Bo dan Zhu Ying-Tai” (1995), “Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka LiaoZhai” (1994), “Hikayat Pinggir Air” (2001) dan Dari Jendela Zaman Ini - Antologi Puisi Malaysia & Singapura (2010).

Pengkaji mendapati bahawa bilangan kata nama khas dalam teks “Liang Shan-Bo dan Zhu Ying-Tai” adalah tidak cukup untuk kajian ini. Seseengah watak dalam “Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka LiaoZhai” pula tidak mempunyai nama penuh dan rujukan khas seperti seorang cendekiawan bernama Gu, si pemuda dan si gadis. Goh (2008) telah

membuat kajiannya tentang strategi-strategi penterjemahan aspek-aspek budaya bahasa Cina kepada bahasa Melayu daripada “Hikayat Pinggir Air”.

Oleh yang demikian, pengkaji membuat keputusan untuk memilih Siri Cerita Klasik China sebagai korpus kajian ini. Siri cerita ini bukan sahaja merupakan bentuk sastera yang bernilai, malahan memaparkan adat resam, falsafah, pemikiran dan cara hidup masyarakat purba. Lebih-lebih lagi, kata nama khas dalam siri cerita ini adalah banyak dan amat memadai untuk kajian ini. Data kajian ini yang merupakan kata nama khas dalam teks pilihan belum digunakan dalam kajian-kajian lepas.

Teks terjemahan yang dikenal pasti dan dipilih itu iaitu Siri Cerita Klasik China diceritakan semula oleh dua orang penulis iaitu Chong Fah Hing dan Goh Sang Seong (2009). Koleksi cerita ini terdiri daripada lapan buah buku dari genre cerita kesusasteraan klasik China dalam bahasa Melayu. Judul 1-4 ditulis oleh Chong Fah Hing manakala Judul 5-8 ditulis oleh Goh Sang Seong.

Judul-judul lapan buah buku cerita dengan penulisnya adalah dalam jadual seperti berikut:

Jadual 3.1 Nama Judul dan Penulis Buku Cerita Klasik China

Bil	Nama Judul (Bahasa Cina) Teks Bahasa Sumber	Nama Judul (Bahasa Melayu) Teks Bahasa Sasaran	Penulis
1	中华古代神话故事第一辑	Mitos China Purbakala.(Jilid 1)	Chong Fah Hing
2	中华古代神话故事第二辑	Mitos China Purbakala.(Jilid 2)	Chong Fah Hing
3	中华古代寓言故事第一辑	Alegori Klasik China (Jilid 1)	Chong Fah Hing
4	中华古代寓言故事第二辑	Alegori Klasik China (Jilid 2)	Chong Fah Hing
5	封神演义	Cerita Dewa-Dewi	Goh Sang Seong
6	聊斋志异	Himpunan Cerita Pelik-Pelik	Goh Sang Seong

7	西游记	Pengembaraan Ke Dunia Barat	Goh Sang Seong
8	镜花缘	Kisah Ajaib Alam Fantasi	Goh Sang Seong

Siri Cerita Klasik China tersebut telah dipilih dalam kajian ini juga disebabkan bilangan buku terjemahan kesusasteraan klasik China daripada teks sumber bahasa Cina ke dalam teks sasaran bahasa Melayu masih terhad dalam pasaran jika dibandingkan terjemahan daripada bahasa Cina ke dalam bahasa Inggeris. Contohnya: sebuah buku kesusasteraan klasik China yang terkenal di dunia iaitu novel 《红楼梦》 (honglouloumeng) yang ditulis oleh Cao Xuejin telah diterjemahkan dengan judul sebagai *The Story of the Stone* dalam bahasa Inggeris oleh David Hawkes (1973). Yang Xianyi and Gladys Yang (2004) juga menterjemahkan 《红楼梦》 (honglouloumeng) dengan judul *A Dream of Red Mansions*. Namun kerja penterjemahan novel 《红楼梦》 (honglouloumeng) dalam bahasa Melayu masih dijalankan dan belum diterbitkan.

Begitu juga dengan novel 《西游记》 (xiyouji) yang ditulis oleh Wu Cheng'en telah diterjemahkan dengan judul sebagai *The Journey to the West* dalam bahasa Inggeris oleh W.J.F.Jenner (1982). Novel 《西游记》 (xiyouji) ini masih belum mempunyai teks terjemahan yang sepenuhnya dalam bahasa Melayu.

Mitos China Purbakala (Jilid 1 dan 2) mengisahkan fenomena dunia, alam semesta dan hubungannya dengan makhluk penghuninya pada zaman purba dari negara China. Alegori Klasik China (Jilid 1 dan 2) merupakan bentuk penulisan cerita alegori China yang sesetengahnya dirumus oleh pengarang menjadi simpulan bahasa yang beriktibar. Contohnya Alah Bisa Tegal Biasa (熟能生巧), Kontradiksi Tombak dan Perisai (自我矛盾) dan Melukis Ular Ditambah Kaki (画蛇添足). Antara watak dewa-dewi dan

manusia dalam cerita mitos serta alegorinya merupakan tokoh-tokoh sejarah seperti Pan Gu (盘古), Hou Yi (后羿), Da Shun (大舜), Raja Liang Hui (梁惠王), Zhuang Zi (庄子), Kong Zi (孔子) dan Cai Huan Hou (蔡桓侯). Nama dan gelaran watak serta tempat dalam buku cerita tersebut yang terdiri daripada kata nama khas dipilih untuk dijadikan data kajian ini.

Cerita Dewa-Dewi mengisahkan cerita kesaktian dan kedewaan sejak Zaman Dinasti Shang. Oleh kerana kezaliman pemerintahan Raja Zhou, Dinasti Shang telah diruntuhkan oleh Raja Wu. Himpunan Cerita Pelik-Pelik mencerminkan kesengsaraan hidup rakyat golongan bawahan dan pegawai pemerintahan yang makan suap melalui garapan cerita aneh dengan pelbagai watak seperti manusia, iblis, syaitan, jembalang dan hantu. Pengarangnya berhasrat untuk menonjolkan nilai murni iaitu “berbuat baik dibalas baik, berbuat jahat buruk padahnya”. Watak dalam dua buah buku cerita ini seperti dewa-dewi dan makhluk halus yang merupakan kata nama khas telah dipilih dan dijadikan data penyelidikan pengkaji.

Pengembaraan Ke Dunia Barat merupakan salah satu daripada empat buah karya kesusasteraan klasik China yang agung di dunia. Watak utama sami Xuan Zhuang yang diikuti oleh tiga orang perantisnya termasuk Sun Wukong telah mengharungi lapan puluh satu rintangan dengan bantuan Buddha dan dewa-dewi untuk mendapat kitab suci dari India. Kisah Ajaib Alam Fantasi memperihal pengalaman pengembaraan watak utama seperti Tang Ao dan Lin Zhiyang ke banyak negara serta anak Tang Ao mencarinya. Nama watak, tempat dan negara yang terkandung dalam dua buah buku ini juga begitu menarik untuk dikaji.

3.2.2 Pengumpulan Data

Data kajian ini merupakan kata nama khas yang dipilih daripada teks Siri Cerita Klasik China yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu. Pengkaji akan meneliti dan mengumpul kata nama khas teks sasaran (bahasa Melayu) dengan bahasa sumber (bahasa Cina) yang disertai dalam judul dan nota kaki buku cerita. Kebanyakan data iaitu kata nama khas yang dipilih daripada teks sasaran adalah dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu, diikuti bahasa Cina dengan sebutan *Hanyu Pinyin* pada penghujung halaman setiap subjudul cerita.

Sesetengah kata nama khas dalam buku cerita yang tidak diberi padanan terjemahan bahasa Cina juga dijadikan data kajian ini. Buku cerita klasik China dan buku sastera China akan menjadi teks sumber bagi jenis data yang tidak diberi padanan terjemahan bahasa Cina. Kata nama khas bahasa sumber dan padanannya dalam bahasa sasaran dikenalpastikan dan dikumpulkan. Contohnya, anak perempuan Tang Ao dalam Kisah Ajaib Alam Fantasi (Siri-8 m.s.10) iaitu “Xiaoshan” tidak diberi padanan terjemahan bahasa Cina pada penghujung halaman subjudul “Pelayaran Tang Ao Mencari Pari-pari”. Jadi, teks sumber dari buku cerita klasik China yang bertajuk 镜花缘 (Jinghuayuan) (Li, Zhou dan Yi, 2001:13) telah dijadikan rujukan untuk mencari padanan terjemahan bahasa Cina “Xiaoshan” iaitu 小山.

3.2.3 Penganalisan dan Pengklasifikasian Data

Analisis akan dijalankan terhadap data-data yang dikumpul dalam mengenal pasti strategi-strategi terjemahan kata nama khas yang terdapat dalam teks terjemahan Bahasa Melayu. Data yang dikumpul berdasarkan pengklasifikasian strategi penterjemahan akan dipaparkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 3.2 Contoh Jadual Analisis Data berdasarkan Jenis Strategi Penterjemahan

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata nama khas Teks Sumber	Terjemahan Kata nama khas Teks Sasaran
1.03	Hou Yi Memanah Matahari 后羿射日	05	后羿	Hou Yi

Nombor Siri dalam lajur pertama merujuk kepada Siri Cerita Klasik China dalam lapan buah buku cerita. Nombor tajuk ialah nombor urutan setiap judul kandungan cerita. Contohnya 1.03 merujuk kepada Siri Cerita Klasik China pertama dengan judul kandungannya ketiga yang bertajuk Hou Yi Memanah Matahari^{后羿射日}

Tumpuan analisis data akan dipandu oleh tiga persoalan dalam kajian ini seperti berikut:

1. Apakah strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu?
2. Strategi manakah yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu?
3. Adakah pemilihan strategi penterjemahan mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas tersebut?

Kata nama khas bahasa Cina merupakan data yang diberi dalam teks sasaran dan juga data dari teks cerita klasik China manakala data teks sasaran ialah kata nama khas yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu.

Penelitian dan analisis dilakukan ke atas kata nama khas teks sasaran dengan bahasa sumber. Pengkaji juga mengenal pasti strategi terjemahan kata nama khas dari teks sumber ke dalam bahasa Melayu oleh Goh dan Chong (2009).

Selain ini, pengkaji juga mencari teks terjemahan yang berkenaan dengan cerita klasik China dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu oleh pengarang lain sebagai pendekatan analisis kontrastif terhadap kata nama khas yang dipilih. Perbandingan kata nama khas berkenaan dengan hasil terjemahan oleh penterjemah yang berlainan juga diadakan.

Contohnya perbandingan teks terjemahan terhadap kata nama khas dilakukan antara

- i. “Himpunan Cerita Pelik-Pelik” (Goh sebagai penterjemah, 2009) dengan “Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai” (Liang Hong sebagai penterjemah, 1994) dan “*Strange Tales of Liao-zhai*” (Lu Yunzhong et.al. sebagai penterjemah, 1988).
- ii. “Pengembaraan Ke Dunia Barat” (Goh sebagai penterjemah, 2009) dengan “*Journey to the West*” (Jenner sebagai penterjemah, 2009).

Pengkaji mengklasifikasikan strategi terjemahan kata nama khas dalam korpus kajian berdasarkan teori penterjemahan oleh Newmark (1988, 2001). Empat strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (a) Strategi Penterjemahan Transliterasi: menterjemah kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu berdasarkan sistem perumian Cina *Hanyu Pinyin* (汉语拼音) sahaja dalam kajian ini.
- (b) Strategi Penterjemahan Literal: penterjemahan kata demi kata dengan mengekalkan fitur sintaksis teks bahasa sumber. (Chan, 2004:132).
- (c) Strategi Penterjemahan Hibrid: menterjemahkan kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu secara cantuman fonetik 汉语拼音(*Hanyu Pinyin*) bahasa

Cina dengan perkataan atau frasa nama bahasa Melayu untuk memberi penerangan tambahan kepada pembaca.

- (d) Strategi Penterjemahan Semantik: strategi yang menghuraikan makna yang terdapat dalam teks asal dengan setepat-tepatnya mengikut konteks, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran itu. Strategi ini mengutamakan konteks (Newmark, 2001:39). Dalam proses penghuraian makna kata nama khas, nota tambahan atau Terjemahan Kuplet digunakan dalam strategi ini.

Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti strategi yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks berkenaan. Berdasarkan saranan persamaan (*equivalence*) dan penilaian terjemahan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982), implikasi pemilihan strategi penterjemahan yang mempengaruhi kebolehsampaian makna juga dikaji dan dianalisis dengan rujukan kepada sumber media seperti kamus, ensiklopedia, novel, buku ilmiah dan maklumat daripada Internet.

Sehubungan dengan ini, kamus atau ensiklopedia merupakan alat rujukan yang utama untuk mencari makna dan penggunaan kata nama khas dalam kajian ini. Antaranya ialah kamus ekabahasa seperti Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) dalam bahasa Melayu, *Oxford English Dictionary Ed. ke-2* (1989) dan *The Cambridge Encyclopedia of Language* (1992) dalam bahasa Inggeris, Kamus *Cihai* 辞海 (1989) dan *Gujin Hanyu Cidian* 古今汉语词典 (2007) dalam bahasa Cina.

Kamus dwibahasa seperti *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (2002) dan *Oxford Advanced Learner's English-Chinese Dictionary* (2004) juga digunakan. Ini disebabkan pengkaji menjalankan pendekatan analisis kontrastif terhadap makna sesetengah terjemahan

kata nama khas (KNK) dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk membuat perbandingan kebolehsampaian makna terjemahan KNK tersebut.

Sebagai kesimpulannya, analisis terhadap data dijalankan dan strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu dikenalpastikan dalam kajian ini. Seterusnya, strategi-strategi tersebut diklasifikasikan dan dihuraikan selanjutnya. Implikasi pemilihan strategi penterjemahan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas tersebut akan dibincang secara terperinci dalam Bab 4.

3.3 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tatacara rangka kajian ini termasuklah kaedah dan prosedur penyelidikan. Dalam proses menganalisis data, pengkaji mengklasifikasikan strategi terjemahan kata nama khas (KNK) yang digunakan oleh penterjemah daripada lapan buah buku cerita terlebih dahulu. Seterusnya, pengkaji meneliti strategi yang paling banyak digunakan dalam terjemahan KNK tersebut. Berdasarkan dapatan analisis strategi penterjemahan, implikasi pemilihan strategi penterjemahan yang berkenaan terhadap kebolehsampaian makna terjemahan kata nama khas dalam teks sastera juga ditinjau.

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, analisis data dijalankan dengan mengklasifikasikan strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas yang terkumpul. Seterusnya, strategi yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas yang berkenaan dikenal pasti. Dalam perbincangan tersebut, persembahan dapatan kajian akan dipaparkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratusan. Implikasi-implikasi strategi penterjemahan kata nama khas terhadap kebolehsampaian makna juga dibincangkan.

4.1 Pengklasifikasian Strategi-strategi yang digunakan dalam Terjemahan Kata Nama Khas

Setelah meneliti dan mengumpul semua jenis kata nama khas dalam bahasa Melayu, pengkaji membandingkan semua kata nama khas ini dengan kata nama khas yang sepadan dalam bahasa Cina (dari subjudul cerita, nota kaki teks sasaran dan juga teks sumber). Penghasilan kata nama khas ini kemudiannya diklasifikasikan berdasarkan empat jenis strategi penterjemahan.

Empat strategi yang berkaitan dengan terjemahan kata nama khas dalam lapan buah buku cerita klasik China adalah seperti berikut:

- (a) Strategi Penterjemahan Transliterasi
- (b) Strategi Penterjemahan Literal
- (c) Strategi Penterjemahan Hibrid
- (d) Strategi Penterjemahan Semantik

4.1.1 Strategi Penterjemahan Transliterasi

Strategi ini (音译) digunakan untuk menterjemah kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu berdasarkan sistem perumian Cina (*Hanyu Pinyin*) sahaja dalam kajian ini (lihat laman web <http://pinyin.info/romanization/hanyu/basic.html>).

Jadual berikut memaparkan dapatan analisis terjemahan kata nama khas bahasa sasaran dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi:

Jadual 4.1 Data Strategi Penterjemahan Transliterasi

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata nama khas Teks Sumber	Terjemahan Kata nama khas Teks Sasaran
1.01	Pan Gu Pembuka Alam Semesta 盘古开天辟地	01	盘古	Pan Gu
1.02	Nu Wa Pencipta Manusia dan Penyelamat Bumi 女娲造人补天	02	女娲	Nu Wa
		03	相柳	Xiang Liu
		04	浮游	Fu You
1.03	Hou Yi Memanah Matahari 后羿射日	05	后羿	Hou Yi
		06	羲和	Xi He
		07	汤谷	Tang Gu
1.04	Jing Wei Penambak Laut 精卫填海	08	精卫	Jing Wei
		09	冤禽	Yuan Qin
		10	志鸟	Zhi Niao
1.05	Chang E Terbang ke Bulan 嫦娥奔月	11	嫦娥	Chang E
		12	西王母	Xi Wang Mu
		13	赤松子	Chi Song Zi
		14	神农	Shen Nong
		15	逢蒙	Feng Meng
		16	吴刚	Wu Gang
1.06	Da Yu Mengatasi Musibah Banjir 大禹治水	17	大禹	Da Yu
		18	鯀	Gun
		19	玄	Xuan
		20	伯益	Bo Yi

		21	tóng lǜ 童律	Tong Lu
		22	gēng chén 庚辰	Geng Chen
		23	kuí lóng 夔龙	Kui Long
		24	yīng lóng 应龙	Ying Long
		25	wū zhī qí 巫支祁	Wu Zhiqi
		26	qǐ 启	Qi
1.07	Cetera Pengembala Niu Lang dan Penenun Zhi Nu 牛郎和织女 niú láng hé zhī nǚ	27	wáng mǔ niángniang 王母娘娘	Wang Niangniang Mu
2.01	Perang Besar Maharaja Huang Di dan Chi You 黄帝大战蚩尤 huáng dì dà zhàn chī yóu	28	shǎn xī 陕西	Shanxi
		29	zhuó lù 涿鹿	Zhuo Lu
		30	nǚ bá 女魃	Nu Ba
		31	kuā fù 夸父	Kua Fu
		32	fēng hòu 风后	Feng Hou
		33	kuí 夔	Kui
		34	mǎ tóu niáng 马头娘	Ma Tou Niang
2.02	Dewa Gong Gong Merempuh Gunung Bu Zhou 共工触怒不周山 gōnggōng chù nù bù zhōu shān	35	zhuān xǔ 颛顼	Zhuan Xu
		36	zhū huái 诸怀	Zhu Huai
		37	pǎo xiǎo 狛鸮	Pao Xiao
2.03	Paman Guruh dan Bibi Kilat 雷公与闪电娘娘 léi gōng yǔ shǎn diàn niángniang	38	jīng zhé 惊蛰	Jingzhe
2.04	Memperisterikan Dewa Sungai 河神娶妻 hé shén qǔ qī	39	xī mén bào 西门豹	Ximen Bao
		40	wèi wén hóu 魏文侯	Wei Wen Hou
2.05	Da Shun Bersawah 大舜耕田 dà shùn gēng tián	41	dà shùn 大舜	Da Shun
		42	xiàng 象	Xiang
		43	yáo 尧	Yao
		44	é huáng 娥皇	E Huang
		45	nǚ yīng 女英	Nu Ying
2.6	Makam Tiga Raja 三王墓 sān wáng mù	46	chūn qiū 春秋	Chunqiu
		47	gān jiāng 干将	Gan Jiang
		48	mò yé 莫邪	Mo Ye
		49	chì 赤	Chi
		50	běi yí chūn 北宜春	Bei Yi Chun

		51	汝南 rǔ nán	Runan
2.07	Serangan Lembu Berapi niú huǒ zhèn 牛火阵	52	田单 tián dān	Tian Dan
		53	乐毅 lè yì	Le Yi
		54	骑劫 qí jié	Qi Jie
2.08	Maharaja Shi Huang Di dan Kolam Air Panas Dewi shǐ huáng dì yǔ shén nǚ tāng quán 始皇帝与神女汤泉	55	西安 xī ān	Xi'an
		56	项平 xiàng píng	Xiang Ping
2.09	Tiga Kali Maharaja Li 李	57	张古老 zhāng gǔ lǎo	Zhang Gulao
	Mengundang Zhang Gulao shì mǐn sān qǐng zhāng gǔ lǎo 世民三请张古老	58	长安 cháng ān	Chang'an
		59	尉迟恭 yù chí gōng	Wei Chigong
		60	刘玄德 liú xuán dé	Liu Xuande
		61	诸葛亮 zhū gě liàng	Zhuge Liang
		62	鸡鸣谷 jī míng gǔ	Jiminggu
3.01	Sang Tikus Penghuni Kuil tǔ dì miào lǐ de lǎo shǔ 土地庙里的老鼠	63	景公 jǐng gōng	Jing Gong
		64	宴子 yàn zǐ	Yan Zi
3.03	Undur 50 Langkah Mentertawakan Undur 100 Langkah wǔ shí bù xiào yī bǎi bù 五十步笑一百步	65	河内 hé nèi	He Nei
		66	河东 hé dōng	He Dong
		67	孟子 mèng zǐ	Meng Zi (Mensius)
3.04	Burung Raksasa dan Sang Pipit dà péng yǔ xiǎo què 大鹏与小雀	68	鯀 kūn	Kun
		69	鹏 péng	Peng
3.08	Antara Berguna dan Tidak Berguna yǒu yòng hé méi yòng 有用和没用	70	庄子 zhuāng zǐ	Zhuang Zi
3.09	Zhuang Zhou Meminjam Beras zhuāng zhōu dài sù 庄周贷粟	71	监河侯 jiān hé hóu	Jian He Hou
3.10	Kuda Pecut Kecundang liáng mǎ zhī bài 良马之败	72	东野稯 dōng yě jī	Dong Ye Ji
		73	鲁庄公 lǔ zhuāng gōng	Lu Zhuang Gong
		74	颜阖 yán hé	Yan He
3.12	Pak Bodoh Menganjak Bukit yú gōng yí shān 愚公移山	75	京城 jīng chéng	Jing Cheng
3.13	Yang Bu dan Anjingnya yǎng bù yǔ gǒu 杨布与狗	76	杨朱 yáng zhū	Yang Zhu

3.15	Ji Chang Belajar Memanah jì chāng xué jiàn 纪昌学箭	77	fēi wǔ 飞卫	Fei Wei
3.16	Sakit Gelisah, Rawat Enggan huì jí jì yī 讳疾忌医	78	biān què 扁鹊	Bian Que
		79	cài huán hóu 蔡桓侯	Cai Huan Hou
3.17	Peniup Seruling Menipu Raja làn yú chōngshù 滥竽充数	80	nán guō 南郭	Nan Guo
3.22	Mudah Melukis Hantu huà guǐ zuì yì 画鬼最易	81	qí 齐	Qi
3.23	He Shi Mempersembahkan Jed hé shì xiàn bì 和氏献璧	82	chǔ 楚	Chu
		83	biān hé 卞和	Bian He
3.25	Zeng Shen Disabit céng cān shā rén Pembunuhan曾参杀人	84	céng cān 曾参	Zeng Shen
3.34	Menilai Kuda xiāng mǎ 相马	85	bó lè 伯乐	Bo Le
		86	zhào zǐ jiǎn 赵子简	Zhao Zijian
3.35	Seperti Mentadak Menahan Kereta tóng bì dāng chē 螳臂当车	87	qí zhuāngōng 齐庄公	Qi Zhuang Gong
3.36	Ye Gong Meminati Naga yè gōng hào lóng 叶公好龙	88	yè gōng 叶公	Ye Gong
3.37	Kezaliman Pemerintahan Mengatasi Ganas Harimau kē zhèng mǎng yú hǔ 苛政猛于虎	89	zǐ lù 子路	Zi Lu
3.39	Bayangan Busur Dianggap Ular bēi gōng shé yǐng 杯弓蛇影	90	lè guǎng 乐广	Le Guang
3.40	Labur Emas, Peroleh Jiran Mulia qiān jīn mǎi lín 千金买邻	91	jì yǎ 季雅	Ji Ya
		92	lǚ sēng zhēn 吕僧珍	Lu Sengzhen
4.01	Kerja di Kandang Kuda mǎ jiù lǐ 马厩里 de gōng zuò 的工作	93	qí huán gōng 齐桓公	Qi Huan Gong
		94	guǎn zhōng 管仲	Guan Zhong
4.03	Si Bongkok Tua Menangkap Reriang jū lóu chéng tiáo 痲偻承蜩	95	kǒng zǐ 孔子	Kong Zi (Konfusius)
4.05	Sang Kera Berlagak Pandai hóu 猴子逞能 zǐ chéngnéng 子逞能	96	yán bù yí 颜不疑	Yan Buyi
4.06	Simpang Jalan Menyesatkan Kambing qí lù wáng yáng 歧路亡羊	97	yáng zǐ 杨子	Yang Zi
		98	mèng sūn yáng 梦孙阳	Meng Sunyang

		99	xīn dōu zǐ 新都子	Xin Duzi
		100	rén 仁	Ren
		101	yì 义	Yi
4.07	Perselisihan Faham 误会 wù huì	102	yán huí 颜回	Yan Hui
4.08	Menggali Telaga 穿井得一人 chuān jǐng dé yī rén	103	dīng 丁	Ding
4.09	Pujian dan Kritikan 称赞与批评 chēng zàn yǔ pī pīng	104	mì zǐ jiàn 宓子贱	Mi Zijian
4.12	Terselamat daripada Maut 死里逃生 sǐ lǐ shēng táo shēng	105	jǐng gōng 景公	Jing Gong
		106	zhú chú 烛雉	Zhu Chu
		107	yàn zǐ 晏子	Yan Zi
4.16	Nasib Sang Rusa 临江之麋 lín jiāng zhī mǐ	108	lín jiāng 临江	Linjiang
4.17	Alah Bisa Tegal Biasa 熟能生巧 shù néng shēng qiǎo	109	chén kāng sù 陈康肃	Chen Kangsu
4.22	Menamakan Kucing 猫的名字 māo de míng zì	110	qí yān 齐奄	Qi Yan
4.24	Sikap Panas Baran 急性子 jí xìng zǐ	111	yú dān 于单	Yu Chan
5.01	Maharaja Zhou Bergundik 纣王取妾 zhòu wáng qǔ qiè	112	fèi zhōng 费仲	Fei Zhong
		113	yóu hàn 尤浑	You Han
		114	sū hù 苏护	Su Hu
		115	sū quán zhōng 苏全中	Su Quanzhong
		116	dà jǐ 妲己	Da Ji
5.02	Runtuhnya Kayangan Laut 龙宫沦陷 lóng gōng lún xiàn	117	lǐ jìng 李靖	Li Jing
		118	jīn zhā 金吒	Jin Zha
		119	mù zhā 木吒	Mu Zha
		120	nā tuō 哪吒	Ne Zha
		121	áo guāng 敖广	Ao Guang
		122	áo bǐng 敖丙	Ao Bing
5.05	Titik Peralihan 转捩点 zhuǎn liè diǎn	123	jiāng zǐ yá 姜子牙	Jiang Ziya
		124	xī qí 西岐	Xiqi
		125	wú jí 武吉	Wu Ji
5.06	Penganiayaan 陷害 xiàn hài	126	bǐ gān 比干	Bi Gan
		127	huáng fēi hǔ 黄飞虎	Huang Feihu

		128	xǐ mē 喜媚	Ximei
5.07	Kezaliman Maharaja Zhou zhòuwáng d e bào xíng 纣王的暴行	129	pēng zǔ shòu 彭祖寿	Peng Zushou
6.01	Jiao Na jiāo n à 娇娜	130	kǒng xuě lì 孔雪笠	Kong Xueli
		131	huáng fǔ 皇甫	Huangfu
		132	pí pá 琵琶	Pipa
6.02	wángchéng Wang Cheng 王成	133	wángchéng 王成	Wang Cheng
6.03	Srikandi Membalas Budi xiá nǚ 侠女	134	gù 顾	Gu
		135	jīn líng 金陵	Jin Ling
6.04	Jelmaan Jembalang huà p í 画皮	136	wáng 王	Wang
		137	tài yuán 太原	Tai Yuan
		138	èr láng 二郎	Er Lang
6.06	Negeri Jembalang y è chǎ guó 夜叉国	139	xú 徐	Xu
		140	jiāo zhōu 交州	Jiaozhou
		141	xú biāo 徐彪	Xu Biao
		142	xú bào 徐豹	Xu Bao
		143	yè ér 夜儿	Ye Er
		144	yuán shǒu bèi 袁守备	Yuan Shoubei
6.07	Kebijaksanaan Mengendali Kes Perbicaraan zhé y ù 折狱	145	zī chuān 淄川	Zi Chuan
		146	fèi zhǐ 费趾	Fei Zhi
		147	zhōu chéng 周成	Zhou Cheng
		148	hú chéng 胡成	Hu Cheng
		149	fēng ān 冯安	Feng An
6.08	Pari-pari shén nǚ 神女	150	mǐ 米	Mi
		151	bào zhuāng 鲍庄	Bao Zhuang
		152	zhū 诸	Zhu
		153	fù 傅	Fu
7.02	Cerucuk Emas Sakti Raja Naga lóngwáng d e jīn g ū bàng 龙王的金箍棒	154	sūn wù kōng 孙悟空	Sun Wukong
		155	wù kōng 悟空	Wukong
7.05	Pengembaraan Mencari Kitab Suci di Dunia Barat f ù x i tiān q ū jīng 赴西天取经	156	guān yīn 观音	Guanyin
		157	táng sān zàng 唐三藏	Tang Sanzang
		158	xuān zhuāng 玄奘	Xuanzhuang

		159	táng tài zōng 唐太宗	Tang Taizong
7.06	Tiga Kali Berlawan dengan Jembalang Tulang Putih sān dǎ bái gǔ jīng 三打白骨精	160	bā jiè 八戒	Bajie
8.01	Pari-pari Bunga Dibuang Kayangan bái huā xiān zǐ bèi biǎn xià fān 百花仙子被贬下凡	161	wù zé tiān 武则天	Wu Zetian
		162	táng áo 唐敖	Tang Ao
8.02	Pelayaran Tang Ao Mencari Pari-pari táng áo xún xiān 唐敖寻仙	163	xiǎo fēng 小峰	Xiaofeng
		164	lín zhī yáng 林之洋	Lin Zhiyang
		165	duō jiǔ gōng 多九公	Duo Jiugong
		166	luò bīn wáng 骆宾王	Luo Binwang
		167	hóng qǐ 红蕖	Hongqu
8.03	Kemuliaan di Negara Junzi jūn zǐ guó jiàn wén 君子国见闻	168	lián jīn fēng 廉锦枫	Lian Jinfeng
8.06	Burung Phoenix yang Gagah yǒng gǎn de fēng huáng 敢的凤凰	169	wèi zǐ yīng 魏紫樱	Wei Ziying
8.05	Lawatan ke Negara Bermuka Dua shū shì guó yǔ liǎng miàn guó 淑土国与两面国	170	sī tú wǔ ěr 司徒妩儿	Situ Wu Er
		171	xú chéng zhì 徐承志	Xu Chengzhi
8.10	Mencari Ayah xún fù 寻父	172	xiǎo shān 小山	Xiaoshan
		173	líng zhī 灵芝	Lingzhi
		174	guī chén 闺臣	Guichen
8.11	Sang Pertapa Memberikan Beras dào gū zèng mǐ 道姑赠米	175	zì 淄	Zi
		176	ruò huā 若花	Ruohua
		177	wǎn rú 婉如	Wanru
		178	lí hóng hóng 黎红红	Li Honghong
		179	tíng tíng 亭亭	Tingting
		180	xiù yīng 秀英	Xiuying
		181	xiǎo chūn 小春	Xiaochun
8.12	Gadis Berbakat Lulus cái nǚ shàng bǎng Peperiksaan 才女上榜	182	biàn bīn 下滨	Bian Bin
8.13	Anak Setia xiào nǚ 孝女	183	yán zǐ xiāo 颜紫绡	Yan Zixiao

4.1.1.1 Strategi Penterjemahan Transliterasi dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas

Kelapan-lapan buah buku cerita teks klasik kesusasteraan China merupakan genre sastera yang bermutu tinggi yang amat popular dan terkenal dalam kalangan pembaca teks sumber. Menurut Goh (2009), 西游记 (*xiyouji*) “Pengembaraan Ke Dunia Barat” telah diterjemahkan kepada bahasa asing, antara lain termasuk bahasa Jepun, Perancis, Jerman, Rusia dan sebagainya.

Penterjemah yang berlainan mungkin akan memilih strategi penterjemahan yang berlainan juga dalam menterjemahkan kata nama khas. Pemilihan strategi penterjemahan dan implikasinya terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas akan dibincang berdasarkan pengklasifikasian strategi penterjemahan.

Daripada analisis data, terjemahan kata nama khas yang menggunakan Strategi Penterjemahan Transliterasi dapat dikelaskan kepada empat kategori berdasarkan jenis kata nama seperti berikut:

- a. Nama Dewa, Dewi atau makhluk
- b. Nama maharaja, puteri, panglima atau manusia
- c. Nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut atau sungai
- d. Lain-lain (nama selain daripada tiga kategori di atas)

Jadual 4.2, 4.3, 4.4 dan 4.5 menunjukkan pengelasan kata nama khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan setiap kategori tersebut.

Jadual 4.2 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Dewa, Dewi atau Makhluk

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran	Catatan
1	$\begin{matrix} p\acute{a}n & g\grave{u} \\ 盘 & 古 \end{matrix}$	Pan Gu	Pembuka Alam Semesta

2	nǚ wā 女娲	Nu Wa	Pencipta Manusia dan Penyelamat Bumi
3	xiāng liǔ 相柳	Xiang Liu	Pengikut setia Dewa Air
4	fú yóu 浮游	Fu You	Pengikut setia Dewa Air
5	hòu yì 后羿	Hou Yi	Wira langit
6	xī hé 羲和	Xi He	Ibu matahari
7	jīng wèi 精卫	Jing Wei	Burung
8	yuàn qín 冤禽	Yuan Qin	Mergastua Teraniya
9	zhì niǎo 志鸟	Zhi Niao	Burung Bertekad
10	cháng é 嫦娥	Chang E	Bidadari, Pari-pari
11	xī wáng mǔ 西王母	Xi Wang Mu	Dewi
12	chì sōng zǐ 赤松子	Chi Song Zi	Dewa Penguasa Hujan
13	shén nóng 神农	Shen Nong	Dewa Ubat-Ubatan
14	dà yǔ 大禹	Da Yu	Anak Gun
15	gūn 鲧	Gun	Dewa Besar
16	xuán 玄	Xuan	Ikan sakti
17	bó yì 伯益	Bo Yi	Dewa Burung
18	tóng lǜ 童律	Tong Lu	Dewa Undang-undang dan Hukum Hakam
19	gēng chén 庚辰	Geng Chen	Dewa Penjaga Waktu
20	kūi lóng 夔龙	Kui Long	Semangat Langit
21	yīng lóng 应龙	Ying Long	Semangat Langit
22	wū zhī qí 巫支祁	Wu Zhiqi	Dewa Air

23	wáng mǔ niángniang 王母娘娘	Wang Mu Niangniang	Ibu Zhi Nu
24	nǚ bá 女魃	Nu Ba	Anak perempuan Maharaja Huang Di
25	kuā fù 夸父	Kua Fu	Makhluk gergasi
26	fēng hòu 风后	Feng Hou	Pegawai kanan Maharaja Huang Di
27	kuí 夔	Kui	Makhluk
28	mǎ tóu niáng 马头娘	Ma Tou Niang	Dewi Ulat
29	zhuān xū 颛顼	Zhuan Xu	Dewa
30	lǐ jìng 李靖	Li Jing	Ketua tentera, anak murid Mahaguru Du E, Dewa Pagoda
31	jīn zhā 金吒	Jin Zha	Anak lelaki sulung Li Jing, anak murid Mahaguru Wen Shu
32	mù zhā 木吒	Mu Zha	Anak lelaki bongsu Li Jing, anak murid Mahaguru Pu Xian
33	哪吒	Ne Zha	Anak lelaki ketiga Li Jing, Dewa Putera
34	sūn wù kōng 孙悟空	Sun Wukong	Kera, Pengikut Sami Tang
35	wù kōng 悟空	Wukong	Kera, Pengikut Sami Tang
36	guān yīn 观音	Guanyin	Dewi
37	bā jiè 八戒	Bajie	Pengikut Sami Tang

Jadual 4.3 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Maharaja, Puteri, Panglima atau Manusia

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran	Catatan
1	fēng méng 逢蒙	Feng Meng	Anak murid Hou Yi
2	wú gāng 吴刚	Wu Gang	Seorang Lelaki
3	qǐ 启	Qi	Anak DaYu
4	xī mén bào 西门豹	Ximen Bao	Pegawai
5	gān jiāng 干将	Gan Jiang	Tukang pedang
6	mò yé 莫邪	Mo Ye	Isteri tukang pedang
7	chì 赤	Chi	Anak Gan Jiang & Mo Ye
8	tián dān 田单	Tian Dan	Panglima Penjaga Kota Ji Mo
9	lè yì 乐毅	Le Yi	Panglima Negara Yan
10	qí qiè 骑劫	Qi Jie	Panglima Negara Yan
11	xiàng píng 项平	Xiang Ping	Pegawai Maharaja Shih Huang Di
12	zhāng gǔ lǎo 张古老	Zhang Gulao	Cendekiawan (Cerdik Pandai yang tua)
13	dà shùn 大舜	Da Shun	Maharaja China
14	xiàng 象	Xiang	Adik tiri Da Shun
15	yáo 尧	Yao	Maharaja
16	é huáng 娥皇	E Huang	Puteri Maharaja Yao
17	nǚ yīng 女英	Nu Ying	Puteri Maharaja Yao
18	yù chí gōng 尉迟恭	Wei Chigong	Ketua turus angkatan tentera
19	liú xuān dé 刘玄德	Liu Xuande	Pengasas empayar Shu, Zaman Tiga Negara

20	zhū gě liàng 诸葛亮	Zhuge Liang	Pendeta
21	jǐng gōng 景公	Jing Gong	Gong: kaum bangsawan pangkat kedua tertinggi
22	yàn zǐ 晏子	Yan Zi	Tidak ada penerangan tambahan. Sepatutnya 晏子
23	wèi wén hóu 魏文侯	Wei Wen Hou	Ketua Ximen Bao
24	mèng zǐ 孟子	Meng Zi (Mensius)	Pegawai Raja Liang Hui
25	zhuāng zǐ 庄子	Zhuang Zi	Tidak ada penerangan tambahan
26	jiān hé hóu 监河侯	Jian He Hou	Hou: kaum bangsawan pangkat kedua tinggi
27	dōng yě jī 东野稽	Dong Ye Ji	Pakar membawa kereta kuda
28	lǔ zhuāngōng 鲁庄公	Lu Zhuang Gong	Gong: kaum bangsawan pangkat kedua tertinggi
29	yán hé 颜闾	Yan He	Tidak ada penerangan tambahan.
30	jīng chéng 京城	Jing Cheng	Jiran Pak Bodoh
31	yáng zhū 杨朱	Yang Zhu	Abang Yang Bu
32	fēi wèi 飞卫	Fei Wei	Pemanah handal
33	biān què 扁鹊	Bian Que	Tabib terkenal
34	cài huān hóu 蔡桓侯	Cai Huan Hou	Pesakit
35	nán guō 南郭	Nan Guo	Nama peniup seruling yang menipu Raja.
36	biàn hé 卞和	Bian He	Warga Chu
37	céng cān 曾参	Zeng Shen	Anak murid Kong Zi
38	kǒng zǐ 孔子	Kong Zi	Konfusius

39	bó lè 伯乐	Bo Le	Orang yang amat memahami kuda pecut
40	zhào zǐ jiǎn 赵子简	Zhao Zijian	Tuan kandang kuda
41	qí zhuāngōng 齐庄公	Qi Zhuang Gong	Tidak ada penerangan tambahan
42	yè gōng 叶公	Ye Gong	Orang yang mengaku dirinya amat meminati naga tetapi sebenarnya tidak.
43	zǐ lù 子路	Zi Lu	Anak murid Kong Zi
44	lè guǎng 乐广	Le Guang	Tidak ada penerangan tambahan
45	jì yǎ 季雅	Ji Ya	Pegawai yang telah melepaskan jawatan kerajaannya
46	lǚ sēng zhēn 吕僧珍	Lu Sengzhen	Jiran Ji Ya
47	qí huán gōng 齐桓公	Qi Huan Gong	Kaum bangsawan Gong
48	guǎn zhōng 管仲	Guan Zhong	Bendahara Qi Huan Gong
49	yán bù yí 颜不疑	Yan Buyi	Pembesar Raja Wu
50	yáng zǐ 杨子	Yang Zi	Tok Guru
51	mèng sūn yáng 梦孙阳	Meng Sunyang	Anak murid Yang Zi
52	xīn dōu zǐ 新都子	Xin Duzi	Anak murid Yang Zi
53	yán huí 颜回	Yan Hui	Anak murid Kong Zi
54	mì zǐ jiàn 必子贱	Mi Zijian	Tidak ada penerangan tambahan
55	jǐng gōng 景公	Jing Gong	Raja yang suka membela burung
56	zhú chú 烛雏	Zhu Chu	Pegawai yang menjaga

			burung di istana Jing Gong
57	yàn zǐ 晏子	Yan Zi	Bendahara Jing Gong
58	chén kāng sù 陈康肃	Chen Kangsu	Seorang lelaki yang mahir memanah
59	qí yān 齐奄	Qi Yan	Seorang lelaki
60	yú dān 于单	Yu Chan	Manusia
61	fèi zhòng 费仲	Fei Zhong	Biduanda Maharaja Zhou
62	yóu hūn 尤浑	You Han	Biduanda Maharaja Zhou
63	sū hù 苏护	Su Hu	Warga dari Wilayah Ji
64	sū quánzhōng 苏全中	Su Quanzhong	Anak lelaki Su Hu
65	dà jǐ 妲己	Da Ji	Anak perempuan Su Hu
66	áo guāng 敖广	Ao Guang	Raja Kayangan Laut Timur
67	áo bīng 敖丙	Ao Bing	Anak Ao Guang
68	jiāng zǐ yá 姜子牙	Jiang Ziya	Pembunuh kawan Da Ji
69	wǔ jí 武吉	Wu Ji	Penebang pokok
70	bǐ gān 比干	Bi Gan	Bendahara yang berjiwa rakyat dan ikhlas menjalankan tugas
71	huáng fēi hǔ 黄飞虎	Huang Feihu	Pegawai Peronda Keselamatan
72	xǐ mǎ 喜媚	Ximei	Adik angkat Da Ji
73	pēng zǔ shòu 彭祖寿	Peng Zushou	Wakil raja-raja
74	kǒng xuě lì 孔雪笠	Kong Xueli	Sarjana berketurunan Kong Zi
75	huáng fǔ 皇甫	Huangfu	Pemuda

76	wáng chéng 王成	Wang Cheng	Ahli keluarga pembesar daerah Ping Yuan
77	gù 顾	Gu	Pendeta miskin
78	jīn líng 金陵	Jin Ling	Daerah
79	wáng 王	Wang	Seorang berpelajaran
80	tài yuán 太原	Tai Yuan	Daerah
81	èr láng 二郎	Er Lang	Adik ipar isteri Wang
82	xú 徐	Xu	Peniaga dari Daerah Jiaozhou
83	jiāo zhōu 交州	Jiaozhou	Daerah
84	xú biāo 徐彪	Xu Biao	Anak lelaki sulung Xu
85	xú bāo 徐豹	Xu Bao	Anak lelaki kedua Xu
86	yè ěr 夜儿	Ye Er	Anak perempuan Xu
87	yuán shǒu bèi 袁守备	Yuan Shoubei	Anak buah Xu
88	zī chuān 淄川	Zi Chuan	Daerah
89	fèi zhǐ 费趾	Fei Zhi	Hakim daerah
90	zhōu chéng 周成	Zhou Cheng	Pembunuh pedagang di Kampung Xi Ya
91	hú chéng 胡成	Hu Cheng	Pemuda di Zi Chuan
92	fēng ān 冯安	Feng An	Penduduk sekampung dengan Hu Cheng
93	mǐ 米	Mi	Sarjana di Wilayah Fujian
94	bào zhuāng 鲍庄	Bao Zhuang	Penduduk sekampung dengan Mi
95	zhū 诸	Zhu	Penjual kaca

96	fù 傅	Fu	Orang tua yang kaya
97	táng sān zàng 唐三藏	Tang Sanzang	Sami BesarXuanzhang
98	xuán zhuàng 玄奘	Xuanzhuang	Saami Tang
99	táng tài zōng 唐太宗	Tang Taizong	Maharaja
100	wú zé tiān 武则天	Wu Zetian	Maharani di dunia
101	táng áo 唐敖	Tang Ao	Sarjana yang suka mengembara
102	xiǎo fēng 小峰	Xiaofeng	Anak lelaki Tang Ao
103	lín zhī yáng 林之洋	Lin Zhiyang	Abang ipar Tang Ao
104	duō jiǔ gōng 多九公	Duo Jiugong	Jurumudi dan pengembara bersama Tang Ao
105	luò bīn wáng 骆宾王	Luo Binwang	Bapa Hongqu
106	hóng qǐ 红蕖	Hongqu	Anak perempuan Luo Binwang
107	lián jīn fēng 廉锦枫	Lian Jinfeng	Seorang gadis yang ibunya mempunyai pertalian persaudaraan dengan Tang Ao
108	wèi zǐ yīng 魏紫樱	Wei Ziying	Bapa remaja perempuan ini ialah adik angkat Tang Ao
109	sī tú wū ér 司徒妩儿	Situ Wu Er	Menantu Xu Jingye
110	xú chéng zhì 徐承志	Xu Chengzhi	Suami Situ Wu Er
111	xiǎo shān 小山	Xiaoshan	Anak perempuan Tang Ao
112	guāi chén 闺臣	Guichen	Nama lain yang diberi oleh bapa Xiaoshan
113	zī 淄	Zi	Ibu Tingting

114	ruò huā 若花	Ruohua	Rakan Xiaoshan
115	wǎn rú 宛如	Wanru	Rakan Xiaoshan
116	lí hóng hóng 黎红红	Li Honghong	Gadis berkulit hitam dari Negara Heichi
117	tǐng tǐng 亭亭	Tingting	Gadis bijak dari Negara Heichi
118	xiù yīng 秀英	Xiuying	Rakan Xiaoshan
119	xiǎo chūn 小春	Xiaochun	Rakan Xiaoshan
120	biàn bīn 卞滨	Bian Bin	Tok Guru Guichen, Shiyou, Cuifang dan lain-lain
121	yán zǐ xiǎo 颜紫绀	Yan Zixiao	Rakan baik Guichen yang mempunyai ilmu sihir

Jadual 4.4 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Nama Negara, Daerah, Tempat, Kota, Gunung, Laut atau Sungai

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran	Catatan
1	tāng gǔ 汤谷	Tang Gu	Tempat berkolan besar
2	shǎn xī 陕西	Shanxi	Kawasan
3	zhuō lù 涿鹿	Zhuo Lu	Tempat di daerah Hebei
4	běi yī chūn 北宜春	Bei Yi Chun	Daerah
5	rǔ nán 汝南	Runan	Daerah
6	xī ān 西安	Xi'an	Tempat
7	cháng ān 长安	Chang'an	Tempat
8	hé nèi 河内	He Nei	Daerah

9	hé dōng 河东	He Dong	Daerah
10	qí 齐	Qi	Kerajaan
11	chǔ 楚	Chu	Negara
12	lín jiāng 临江	Linjiang	Tempat
13	xī qí 西岐	Xiqi	Tempat

Jadual 4.5 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Kategori Lain-lain

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran	Catatan
1	jīng zhé 惊蛰	Jingzhe	Tempoh musim yang biasa jatuh pada 5~7 Mac
2	chūn qiū 春秋	Chunqiu	Zaman
3	jī mǔ gǔ 鸡鸣谷	Jiminggu	Bijirin keramat kokokan ayam
4	zhū huái 诸怀	Zhu Huai	Binatang ganas lagi ganjil
5	pào xiǎo 狛鸮	Pao Xiao	Binatang ganas lagi ganjil
6	kūn 鯪	Kun	Sejenis ikan
7	páng 鹏	Peng	Burung raksasa
8	rén 仁	Ren	Nilai keprihatinan
9	yì 义	Yi	Nilai setia kawan
10	dīng 丁	Ding	Keturunan keluarga
11	pí pá 琵琶	Pipa	Alat muzik
12	líng zhī 灵芝	Lingzhi	Sejenis herba yang mujarab dan mahal

Jadual 4.6 Jumlah dan Peratus Penggunaan Strategi Penterjemahan Transliterasi berdasarkan Empat Kategori Nama

Pengelasan Strategi Penterjemahan Transliterasi	Bilangan data	Peratus (%)
(a) Nama Dewa, Dewi atau makhluk	37	20%
(b) Nama maharaja, puteri, panglima atau manusia	122	66%
(c) Nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut atau sungai	13	7%
(d) Lain-lain (nama selain daripada tiga kategori di atas)	12	7%
Jumlah	184	100%

Hasil dapatan analisis ini menunjukkan bahawa Strategi Penterjemahan Transliterasi paling banyak digunakan dalam terjemahan nama maharaja, puteri, panglima dan manusia, diikuti nama Dewa, Dewi serta makhluk. Strategi ini kurang digunakan dalam terjemahan nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut dan sungai.

Newmark (1988:193) telah memberinya pandangannya tentang hubungan terjemahan perkataan dengan konteks seperti berikut:

...You translate words that are more or less linguistically, referentially, culturally and subjectively influenced in their meaning, words conditioned by a certain linguistic, referential, cultural and personal context. The linguistics context may be limited to a collocation... all words are more or less context-bound in their meaning.

Penterjemah menterjemahkan perkataan yang maknanya lebih kurang dipengaruhi oleh aspek linguistik, rujukan, budaya dan subjektiviti. Perkataan ditentukan oleh konteks linguistik, rujukan, budaya dan subjektiviti. Konteks linguistik mungkin dihadkan kepada kolokasi. Makna semua perkataan adalah terikat dengan konteks. Jadi, jelas diperlihatkan perkataan dikaitkan rapat dengan konteks.

Dapatan analisis data menunjukkan bahawa walaupun terjemahan kata nama khas dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi ada kalanya tidak dapat mendukung

maksudnya yang sebenar dalam teks sumber, namun biasanya penterjemah memberi penerangan tambahan tentang kata nama khas yang muncul pertama kali dalam teks sasaran berdasarkan konteks cerita. Seseengah kata nama khas contohnya, dalam cerita “Mitos China Purbakala”, 盘古 (Pan Gu) (m.s.72) dan 女娲 (Nu Wa) (m.s.72) telah diberi penerangan tambahan dalam subjudul sebagai “Pan Gu Pembuka Alam Semesta” 盘古开天辟地 serta “Nu Wa Pencipta Manusia dan Penyelamat Bumi” 女娲造人补天 (m.s.72).

Ini disebabkan watak-watak ini adalah sangat popular dalam masyarakat Cina tetapi adalah asing kepada pembaca bahasa sasaran yang tidak mengenal sejarah dan budaya masyarakat Cina. Pan Gu ialah Dewa yang mula-mula membuka bumi serta langit dan Nu Wa ialah Dewi yang mencipta manusia dan menyelamatkan bumi. Pemberian penerangan tambahan ini dapat memberi gambaran mental kepada pembaca tentang ciri-ciri kata nama khas tersebut.

Walau bagaimanapun, sebutan fonetik untuk 女 dalam 女娲 (Nu Wa) sepatutnya berbunyi N “ü” dan bukan “Nu”. Hu (2012:122) memberi hujahnya bahawa apabila sebutan *hanyu pinyin* (汉语拼音) vokal akhiran Cina (韵母) misalnya ü digabungkan dengan konsonan awalan Cina (misalnya n, l), dua titik di atas ü tidak boleh digugurkan. Contohnya, 绿岛 *Lüdao Island* (di Taiwan) adalah berbeza dengan 鹭岛 *Ludao* (di Heilongjiang Hailin 黑龙江海林). Ini dapat mengelakkan kekeliruan pembaca bahasa sasaran terhadap artikulasi kata nama khas yang berkenaan.

Xu (2009: 134) memberi cadangan bahawa untuk memudahkan penggunaan papan kekunci, *hanyu pinyin* ü biasanya boleh digantikan dengan huruf roman v untuk mengatasi kekangan ini. Contohnya, 旅顺港 diterjemahkan sebagai Lvshun Port dan 吕梁地区

sebagai Lvliang Prefecture. Dalam kes ini, terjemahan 女媧 (Nu Wa) kepada Nv Wa boleh dipertimbangkan.

Xu (2009: 133) juga menyatakan walaupun penggunaan *hanyu pinyin* senang, namun sesetengah peraturan *pinyin* dan sebutan bahasa Inggeris serta Amerika adalah tidak sepadan. Contohnya, nama seperti 任(Ren), 邱(Qiu), 徐 / 许(Xu). Ini akan menyebabkan pembaca bahasa sasaran mengalami kesulitan dalam sebutan bahasa Cina. Dalam hal ini, Sistem Wade-Giles telah memainkan peranannya untuk mengatasi kesulitan ini iaitu 任 (Ren) boleh digantikan dengan Jen, 邱 (Qiu) digantikan dengan ch'iu, 徐 / 许 (Xu) digantikan dengan hsü. Begitu juga, data 齐^{qí} Qi (m.s.84), data 徐^{xú} (m.s.86) dan data 狛^{páo} 𪚩^{xiāo} (m.s.89) boleh diberi maklumat sebutan dalam Sistem Wade-Giles iaitu chi, hsü dan p'ao hsiao masing-masing.

Hu (2012: 10) juga mengemukakan pendapatnya bahawa Nu Wa yang membaik pulih langit dan muka bumi dalam mitos kuno China adalah memadai diterjemahkan kepada “*goddess who patched the holes in the sky with stone blocks (in Chinese mythology).*” Dengan strategi ini, pembaca dapat memahami makna kata nama khas ini dengan lebih mudah.

侯 (Hou) dalam data 魏文侯 (Wei Wen Hou) (m.s.83) dan 蔡桓侯 (Cai Huan Hou) (m.s.83) merupakan gelaran kaum bangsawan di negara China yang pangkatnya kedua tinggi pada zaman dahulu (Chong, 2009). Kamus *Cihai* 辞海 (1989: 282) juga mengesahkan definisi ini iaitu 侯 (Hou) ialah “古爵位名。为五等爵的第二种。直至清代仍沿用。《礼记·王制》：‘王者之制禄爵，公、侯、伯、子、男，凡五等。’” . Dengan kata lain, 侯 (Hou) ialah gelaran kaum bangsawan di negara China

yang berpangkat kedua pada zaman dahulu hingga Dinasti Qing. Lima pangkat tertinggi ialah 公(Gong), diikuti dengan 侯(Hou), 伯(Bo), 子(Zi) dan 男(Nan).

魏 (Wei) dalam “魏文侯” (Wei Wen Hou) dan 蔡 (Cai) dalam “蔡桓侯” (Cai Huan Hou) merupakan negara pemerintahan bangsawan masing-masing. “文” (Wen) dan “桓” (Huan) ialah gelaran Raja. Sehubungan dengan ini, terjemahan nama seperti “魏文侯” (Wei Wen Hou) dan “蔡桓侯” (Cai Huan Hou) secara transliterasi merangkumi aspek negara, gelaran raja dan pangkat seseorang.

公 (Gong) dalam data “鲁庄公” (Lu Zhuang Gong) (m.s.83), “齐桓公(Qi Huan Gong) (m.s.84), ” dan “齐庄公” (Qi Zhuang Gong) (m.s.84) ialah gelaran kaum bangsawan di negara China yang pangkatnya paling tinggi. Mereka ialah pemerintah Zaman Chunqiu (春秋时代) di negara Lu (鲁) dan di negara (Qi)齐 masing-masing.

Dalam kajian ini, data ^{y è gōng}叶公 (Ye Gong) (m.s.84) diterjemahkan kepada “Ye Gong” secara transliterasi. “^{gōng}公 (Gong)” dalam ^{y è gōng}叶公 merupakan gelaran kaum bangsawan di negara China yang pangkatnya paling tinggi pada zaman dahulu (Chong, 2009).

Menurut Hu (2012: 10), terjemahan nama orang dengan Strategi Penterjemahan Semantik akan memudahkan pembaca memahami kata nama khas tersebut dengan kadar segera dan mengekalkan gaya teks asal. Contohnya, ^{y è gōng}叶公 (Ye Gong) diterjemahkan sebagai “*Lord Ye*”. Di sini, “*Lord*” menunjukkan pangkat 公(Gong) manakala “Ye Gong” mungkin cuma difahami sebagai nama sahaja.

Dalam perbincangan penterjemahan nama orang seperti 叶公 (Ye Gong), beliau juga berpendapat nota tambahan memainkan peranan penting untuk menerangkan alusi, asal usul sejarah dan makna konotasi nama orang kepada pembaca bahasa sasaran seperti *“Lord Ye was so fond of dragons that he adorned his whole palace with drawings and carvings of them. But when a real dragon heard of his affection and paid him a visit, he was frightened out of his wits”*. Nota tambahan seperti begini dapat meningkatkan pemahaman pembaca bahasa sasaran terhadap masyarakat bahasa sumber.

Suatu contoh nama orang yang berlatar agama Buddha ialah 唐三藏 (Tang Sanzang) (m.s.87) iaitu watak utama dalam cerita “Pengembaraan Ke Dunia Barat”. Goh (2009, Siri 7: 36-47) menggunakan Strategi Penterjemahan Transliterasi untuk menterjemahkan 唐三藏 sebagai “Tang Sanzang”. Sami “唐三藏” mempunyai nama keluarganya Chen (陈) dengan namanya Wei (祎) dan dianugerahi dengan gelaran Sami Xuanzhuang (玄奘). Sebelum pengembaraannya ke India untuk mendapat balik kitab suci agama Buddha iaitu “三藏 (Sanzang)” ke ibu kota Dinasti Tang, Maharaja Tang Taizong (唐太宗) menganugerahi Sami Xuanzhuang dengan gelaran 唐三藏 (Tang Sanzang) (Bo & He, 2007). Selain itu, Goh (2009, Siri 7: 36-47) juga memberi penerangan tambahan tentang gelaran yang berlainan untuk 唐三藏 (Tang Sanzang) dalam perkembangan ceritanya.

Sesetengah kata nama khas diberi penjelasan atau huraian dalam teks cerita itu.

Contohnya:

a) 精卫 ^{jīng wèi} “Jing Wei” (m.s.80) dirujuk sebagai sejenis burung sebelum kata nama khas “Jing Wei” muncul pertama kali dalam teks.

b) Menurut Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (2007: 742), 惊蛰 ^{jīng zhé} “Jingzhe” (m.s.89) membawa maksud titik pembahagian musim yang ketiga daripada 24 musim dalam kalendar Cina tradisi yang jatuh pada 6 Mac. Pada hari tersebut, segala haiwan yang berhibernasi akan mula menjalankan aktivitinya. Dalam teks siri cerita yang ke-2, penterjemah telah memperkenalkan konsep 惊蛰 ^{jīng zhé} “Jingzhe” yang berunsur budaya Cina ini dalam konteks teksnya iaitu

“Sesudah tempoh Jingzhe, yang biasanya jatuh pada 5 hingga 7 Mac, langit akan sentiasa membunyikan guruh. Bunyi dentuman guruh yang kuat akan membangunkan semut, lelabah, ular dan segala serangga yang berhibernasi dan seterusnya keluar dari lubang atau sarang masing-masing.”

(2009:19)

Justeru itu, konsep dan makna kata nama yang berunsur budaya ini seperti 惊蛰 ^{jīng zhé}

“Jingzhe” dapat disampaikan kepada pembaca dengan jelas dengan penerangan yang panjang lebar.

Dalam cerita Himpunan Cerita Pelik-Pelik, watak 娇娜 ^{jiāo nà} diterjemahkan dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi sebagai Jiao Na. Menurut plot cerita, Jiao Na berkuasa ajaib seperti kuasa menghidupkan nyawa manusia. 娇娜 ^{jiāo nà} (Jiao Na) telah diterjemahkan dengan Strategi Penterjemahan Semantik sebagai Dewi Jiaonuo iaitu penerangan tambahan diberi tentang kategori kata nama ini (Dewi) dalam buku cerita *Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai* (1994: 33-51).

Dalam buku cerita *Strange Tales of Liaozhai* (1988:32-40), 娇娜 (jiāo nà) (Jiao Na) juga diterjemahkan dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi sebagai Jiaona seperti terjemahan oleh Goh (2009, Siri 6: 1). Menurut sebutan *Hanyu Pinyin* dan definisi dalam Kamus *Cihai* (辞海) (1989: 1248), 娜 (nà) mempunyai dua sebutan iaitu “nuo” dan “na”. Di sini, 娜 (nà) seharusnya dieja sebagai “na” yang digunakan untuk nama orang dan transliterasi nama.

Dengan analisis kontrastif, didapati Strategi Penterjemahan Semantik memberi maklumat tambahan kepada pembaca seperti gelaran, status dan pangkat kata nama khas berkenaan jika dibandingkan dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi.

4.1.2 Strategi Penterjemahan Literal

Strategi Penterjemahan Literal ialah penterjemahan kata demi kata dengan mengekalkan fitur sintaksis teks bahasa sumber (*A Dictionary of Translation Technology*, 2004: 132). Dalam kajian ini, strategi ini merujuk kepada kata nama khas bahasa Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan perkataan atau frasa kata bahasa Melayu secara sepenuhnya.

Jadual berikut memaparkan dapatan analisis terjemahan kata nama khas bahasa sasaran dengan Strategi Penterjemahan Literal:

Jadual 4.7 Data Strategi Penterjemahan Literal

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata nama khas Teks Sumber	Terjemahan Kata nama khas Teks Sasaran
2.03	Paman Guruh dan Bibi Kilat 雷公与闪电娘娘 gōng yǔ shǎn diǎn niángniáng	01	雷公 闪电娘娘 léi gōng shǎn diǎn niángniáng	Paman Guruh Bibi Kilat
2.04	Memperisterikan Dewa Sungai 河神娶妻 hé shén qǔ qī	02	河神 hé shén	Dewa Sungai

2.06	Makam Tiga Raja <small>sān wáng mù</small> 三王墓	03	<small>sān wáng mù</small> 三王墓	Makam Tiga Raja
2.07	Serangan Lembu Berapi <small>niú huǒ zhèn</small> 牛火阵	04	<small>huǒ niú zhèn</small> 火牛阵 <small>zhànguó shí qī</small> 战国时期	Serangan Lembu Berapi Zaman Negeri Berperang
2.08	Maharaja Shi Huang Di dan Kolam Air Panas Dewi <small>shǐ huáng dì yǔ shén nǚ tāng quán</small> 始皇帝与神女汤泉	05	<small>shén nǚ tāng quán</small> 神女汤泉	Kolam Air Panas Dewi
3.01	Sang Tikus Penghuni Kuil <small>tǔ dì miào lǐ de lǎo shǔ</small> 土地庙里的老鼠	06	<small>lǎo shǔ</small> 老鼠	Sang Tikus
3.09	Zhuang Zhou Meminjam Beras <small>zhuāngzhōu dāi sù</small> 庄周贷粟	07	东海	Laut Timur
3.10	Kuda Pecut Kecundang <small>liáng mǎ zhī bài</small> 良马之败	08	<small>liáng mǎ</small> 良马	Kuda Pecut
3.12	Pak Bodoh Menganjak Bukit <small>yú gōng yí shān</small> 愚公移山	09	<small>yú gōng</small> 愚公	Pak Bodoh
3.14	Si Kaya Mencurigai Jiran <small>fù rén yí lín</small> 富人疑邻	10	<small>fù rén</small> 富人	Si Kaya
3.30	Bo Le Menemui Kuda Pecut <small>qiān lǐ mǎ yù bó lè</small> 千里马遇伯乐	11	<small>qiān lǐ mǎ</small> 千里马	Kuda Pecut
3.38	Si Buta Meraba Gajah 盲人摸象	12	<small>máng rén</small> 盲人	Si Buta
4.05	Sang Kera Berlagak Pandai <small>hóu zǐ zǐ chéngnéng</small> 猴子逞能	13	<small>hóu zǐ</small> 猴子	Sang Kera
4.03	Si Bongkok Tua Menangkap Reriang	14	<small>jiū lóu</small> 痼倮	Si Bongkok Tua
4.10	Burung Berkepala Sembilan <small>jiǔ tóu niǎo</small> 九头鸟	15	<small>jiǔ tóu niǎo</small> 九头鸟	Burung Berkepala Sembilan
4.23	Si Miskin yang Tamak <small>tān xīn de qióngguāng dàn</small> 贪心的穷光蛋	16	<small>qióngguāng dàn</small> 穷光蛋	Si Miskin
4.27	Balasan Si Licik <small>jiǎo huá guǐ de bào yǐng</small> 狡猾鬼的报应	17	<small>jiǎo huá guǐ</small> 狡猾鬼	Si Licik
4.28	Sembilan Puluh Sembilan Buah Topi Tinggi <small>jiǔ shí jiǔ dǐng gāo mào</small> 九十九顶高帽	18	<small>gāo mào</small> 高帽	Topi Tinggi
4.29	Tok Guru yang Jujur <small>chéng shí de lǎo shī</small> 诚实的老师	19	<small>lǎo shī</small> 老师	Tok Guru
4.30	Pimpinan Sang Kura-kura <small>wū guī</small> 乌龟	20	<small>wū guī</small> 乌龟	Sang Kura-kura

	lǐng xiù 领袖			
6.06	Negeri Jembalang yè chā guó 夜叉国	21	yè chā guó 夜叉国	Negeri Jembalang
6.08	Pari-pari 仙女	22	shén nǚ 神女	Pari-pari
7.03	Wukong Mengecoh di Istana Kayangan d àn ào tiān gōng 大闹天宫	23	qí tiān dà shèng 齐天大圣	Mahadewa Kayangan
7.06	Tiga Kali Berlawan dengan Jembalang Tulang Putih sān dǎ 白骨精 bái gǔ jīng	24	bái gǔ jīng 白骨精	Jembalang Tulang Putih
7.08	Misi Mencari Kitab Suci Tercapai qǔ dé zhēn jīng 取得真经	25	zhēn jīng 真经	Kitab Suci
4.05	Sang Kera Berlagak Pandai hóu zǐ chéngnéng 猴子逞能	26	hóu zǐ 猴子	Sang Kera
8.05	Lawatan ke Negara Bermuka Dua shū shì guó yǔ liǎng miàn guó 淑士国与两面国	27	liǎng miàn guó 两面国	Negara Bermuka Dua

4.1.2.1 Strategi Penterjemahan Literal dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas

Dapatan analisis data ini memperlihatkan bahawa penggunaan Strategi Penterjemahan Literal memudahkan pembaca teks sasaran mendapat gambaran secara intuitif tentang makna terjemahan kata nama khas berkenaan. Walau bagaimanapun, strategi ini tidak dapat mencerminkan makna nama orang yang berunsur alusi dalam bahasa sumber. Tambahan pula, ciri-ciri dan imej watak serta implikasi budaya dalam bahasa sumber tidak dapat dikekalkan.

Kelebihan penggunaan strategi ini dalam terjemahan kata nama khas dapat diperlihatkan dalam dua contoh berikut iaitu “^{léi gōng}雷公” (Paman Guruh) (m.s.96) dan ^{shǎn diàn niáng}闪电娘” (Bibi Kilat) (m.s.96). Menurut definisi daripada Kamus Dewan Edisi Empat (2010: 1122), paman dalam data “^{léi gōng}雷公” (Paman Guruh) bermakna “pak cik dan juga panggilan

kepada orang yang lebih tua yang harus dihormati”. Jadi, makna “paman” adalah setara dengan “公” yang juga memperlihatkan ciri-ciri jantina. “雷” pula bermakna guruh. Dalam data “闪电娘娘” (Bibi Kilat), salah satu makna bagi Bibi ialah “(bahasa Indonesia) panggilan kepada orang perempuan yang agak tua, mak cik”. 闪电 ialah kilat.

Daripada dua contoh tersebut, Strategi Penterjemahan Literal memudahkan pembaca teks sasaran mendapat gambaran secara intuitif tentang makna terjemahan kata nama khas berkenaan. Walau bagaimanapun, strategi ini tidak dapat mencerminkan makna nama orang yang berunsur alusi atau berlatarkan unsur sejarah dalam bahasa sumber seperti data 愚公 (Yu Gong) (m.s.97).

愚公 dalam cerita “Pak Bodoh Menganjak Bukit 愚公移山” telah diterjemahkan sebagai Pak Bodoh. Pembaca teks sasaran yang tidak mempunyai pengetahuan alusi tentang Pak Bodoh ini mungkin akan tertanya-tanya rasionalnya Pak Bodoh yang bersemangat kental untuk menganjak bukit ini dikaitkan dengan konotasi negatif iaitu “Bodoh”.

Chen (2012: 75-78) mengetengahkan hujahnya bahawa keterangan lanjut haruslah diberi dalam terjemahan kata nama khas berkonotasi. Terjemahan bahasa Inggeris untuk 愚公 (Pak Bodoh) ialah *the Foolish Old Man*. Chen berpendapat adalah lebih sesuai untuk menterjemahkan 愚公 (Pak Bodoh) secara transliterasi iaitu sebagai “Yugong” dengan nota kaki.

Hu (2012: 14) yang membincangkan persoalan terjemahan nama orang dalam karya sastera yang berunsur alusi bersependapat dengan Chen (2012). Hu memberi contoh jika

“mempelajari sesuatu daripada Pak Bodoh (学习愚公)” diterjemahkan sebagai *learn from the Foolish Old Man who removed mountains* akan mengelirukan pembaca sasaran yang tidak mengenal alusi watak ini. Pada hal, semangat 愚公 dapat diibaratkan sebagai genggam bara api biar sampai jadi arang dalam masyarakat Cina. Semangat 愚公 yang bertekad untuk menjayakan sesuatu yang susah dengan kesabaran telah dijadikan teladan dalam budaya masyarakat Cina. Terjemahan bahasa Inggeris dalam contoh tersebut telah membawa makna yang terbalik iaitu kita tidak sepatutnya memperoleh pengajaran daripada Pak Bodoh yang menganjak bukit. Ini mungkin akan disalahtafsirkan oleh pembaca.

Hu (2012: 14) juga memberi komen bahawa untuk mengelakkan kekeliruan seperti contoh di atas, nama 愚公 adalah lebih sesuai diterjemahkan secara transliterasi iaitu “Yugong” dengan nota tambahan yang berbunyi seperti berikut: seorang tokoh dalam legenda Cina yang menganjak gunung dengan ketabahan yang mantap (*a Chinese legendary figure who removed mountains with dogged perseverance*). Ini jelas memperlihatkan pemilihan strategi penterjemahan mempunyai implikasi terhadap makna kata nama khas.

Penggunaan strategi penterjemahan yang berlainan mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna dalam terjemahan kata nama khas seperti contoh 夜叉^{yè chā} (yecha) (m.s.98).

Seperti definisi yang diberi dalam Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (古今汉语词典) (2007: 1702), 夜叉^{yè chā} dalam data “夜叉国^{yè chā guó} Negeri Jembalang” bermakna “sejenis hantu yang berimej jahat atau syaitan (dalam Buddhism), diibaratkan orang yang ganas dan jahat (佛教中指一种形象凶恶的鬼, 后用来比喻丑恶凶暴的人)”. Menurut definisi daripada Kamus Dewan Edisi Empat (2010: 622), istilah “jembalang” bermakna “sejenis hantu (hantu tanah)

yang kadang-kadang merupakan diri seperti rusa (kerbau dan lain-lain)”. Jadi, jembalang tidak semestinya bersifat ganas atau jahat seperti 夜叉(yecha).

Terjemahan bahasa Inggeris bagi “夜叉国 Negeri Jembalang” ialah *The Land of Savages* (Pu Songling, 1988). *Savages* merujuk kepada kumpulan manusia yang bentuk hidupan atau adat yang dianggap ringkas dan tidak maju sangat iaitu “an offensive way of referring to groups of people or customs that are considered to be simple and not highly developed” (*Oxford Advanced Learner’s English-Chinese Dictionary*, 2004). 夜叉 yang diterjemahkan sebagai “savages” dengan Strategi Penterjemahan Semantik dalam bahasa Inggeris tidak berunsur kehantuan. Penggunaan strategi ini adalah berdasarkan kepada konteks cerita.

4.1.3 Strategi Penterjemahan Hibrid

Strategi Penterjemahan Hibrid menterjemahkan kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu secara cantuman fonetik bahasa Cina (*Hanyu Pinyin*) dengan perkataan atau frasa nama bahasa Melayu.

Contohnya: 水神共工 diterjemahkan kepada Dewa Air Gong Gong dengan strategi ini. 水 bermakna air manakala 神 ialah Dewa atau Dewi. Gong Gong ialah *Hanyu Pinyin* untuk frasa nama bahasa Cina 共工. Dengan itu, 水神共工 diterjemahkan dengan gabungan frasa nama bahasa Melayu “Dewa Air” dengan *Hanyu Pinyin* “Gong Gong”.

Jadual berikut memaparkan dapatan analisis terjemahan kata nama khas bahasa sasaran dengan Strategi Penterjemahan Hibrid:

Jadual 4.8 Data Strategi Penterjemahan Hibrid

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata nama khas Teks Sumber	Terjemahan Kata nama khas Teks Sasaran
1.02	Nu Wa Pencipta Manusia dan Penyelamat Bumi nǚ wǎ zào rén bǔ tiān 女娲造人补天	01	shuǐ shén gōnggōng 水神共工	Dewa Air Gong Gong
		02	huǒ shén zhù róng 火神祝融	Dewa Api Zhu Rong
1.04	Jing Wei Penambak Laut jīng wèi tián hǎi 精卫填海	03	yán dì 炎帝	Maharaja Yan
		04	fā jiū shān 发鸠山	Gunung Fa Jiu
1.05	Chang E Terbang ke Bulan cháng é bēn yuè 嫦娥奔月	05	kūn lún shān 昆仑山	Gunung Kun Lun
		06	guǎng hán gōng 广寒宫	Istana Guang Han
1.07	Cetera Pengembala Niu Lang dan Penenun Zhi Nu niú láng hé zhī nǚ 牛郎和织女	07	qī xī jié 七夕节	Hari Qixi

2.01	Perang Besar Maharaja Huang Di dan Chi You huáng dì dà zhàn chí yóu 黄帝大战蚩尤	08	shǎn xī shěng 陕西省	Wilayah Shanxi
		09	yè dì 邳地	Daerah Ye
2.02	Dewa Gong Gong Merempuh Gunung Bu Zhou gōnggōng chù nù bù zhōushān 共工触怒不周山	10	bù zhōushān 不周山	Gunung Bu Zhou
2.04	Memperisterikan Dewa Sungai hé shén qū qī 河神娶妻	11	chūn qiū shí dài 春秋时代	Zaman Chunqiu
		12	wèi guó 魏国	Negara Wei
		13	zhāng hé 漳河	Sungai Zhang
2.06	Makam Tiga Raja sān wáng mù 三王墓	14	chǔ guó 楚国	Negara Chu
2.07	Serangan Lembu Berapi niú huǒ zhèn 牛火阵	15	yān guó 燕国	Negara Yan
		16	qí guó 齐国	Negara Qi
		17	qí mián wáng 齐缙王	Raja Qi Min
		18	jǔ chéng 莒城	Kota Ju
		19	jí mò chéng 即墨城	Kota Ji Mo
		20	lè yì dà jiāng 乐毅大将	Panglima Le Yi
2.08	Maharaja Shi Huang Di dan Kolam Air Panas Dewi shǐ huáng dì 始皇帝 yǔ shén nǚ tāng quán 与神女汤泉	21	huá qīng chí 华清池	Kolam Hua Qing
		22	lí shān 骊山	Gunung Li
		23	jiǔ lóng tāng 九龙汤	Kolam Jiu Long
		24	guì fēi chí 贵妃池	Kolam Gui Fei
		25	fēi xiá gé 飞霞阁	Pagoda Fei Xia
3.02	Sia-sia Melurut Anak Benih bō míáo zhù zhǎng 拔苗助长	26	sòng guó 宋国	Negara Song
3.03	Undur 50 Langkah Mentertawakan Undur 100 Langkah wǔ shí bù xiào yī bǎi bù 五十步笑一百步	27	liáng huì wáng 梁惠王	Raja Liang Hui
		28	liáng guó 梁国	Negara Liang
3.06	Meniru Gaya Berjalan Warga Handan hándān xué bù 邯郸学步	29	yān guó 燕国	Negara Yan
		30	zhào guó 赵国	Negara Zhao
3.09	Zhuang Zhou Meminjam Beras zhuāng zhōu dǎi sù 庄周贷粟	31	wú guó 吴国	Negara Wu

3.11	Warga Qi Khuatiri Langit Runtuh 杞人忧天 qǐ rén yōu tiān	32	杞人 qǐ rén	Warga Qi
3.12	Pak Bodoh Menganjak Bukit 愚公移山 yú gōng yí shān	33	渤海 bó hǎi	Laut Bo
		34	隐土山 yǐn tǔ shān	Bukit Yintu
3.16	Sakit Gelisah, Rawat Enggan 讳疾忌医 huì jí jì yī	35	秦国 qín guó	Negara Qin
3.17	Peniup Seruling Menipu Raja 滥竽充数 làn yú chōng shù	36	齐宣王 qí xuān wáng	Raja Qi Xuan
		37	齐闵王 qí mǐn wáng	Raja Qi Min
3.18	Warga Zheng Membeli Kasut 郑人买履 zhèng rén mǎi lǚ	38	郑人 zhèng rén	Warga Zheng
3.22	Mudah Melukis Hantu 画鬼最易 huà guǐ zuì yì	39	齐王 qí wáng	Raja Qi
3.23	He Shi Mempersembahkan Jed 和氏献璧 hé shì xiàn bì	40	楚厉王 chǔ lì wáng	Raja Chu Li
		41	楚武王 chǔ wǔ wáng	Raja Chu Wu
		42	楚文王 chǔ wén wáng	Raja Chu Wen
		43	和氏璧 hé shì bì	Jed He Shi
3.28	Realiti Tak Serupa Cita-Cita 南辕北辙 nán yuán běi zhé	44	太行山 tài háng shān	Gunung Taixing
3.37	Kezaliman Pemerintahan Mengatasi Ganas Harimau 苛政猛于虎 kē zhèng měng yú hǔ	45	泰山 tài shān	Gunung Tai
4.02	Kong Zi Melawat ke Tokong孔 子观于鲁桓公之庙 zǐ guān yú lǔ huān gōng zhī miào	46	鲁桓公之庙 lǔ huān gōng zhī miào	Tokong Lu Huan Gong
		47	越国 yuè guó	Negara Yue
4.06	Simpang Jalan Menyesatkan Kambing歧路亡羊 qí lù wáng yáng	48	鲁国 lǔ guó	Negara Lu
4.07	Perselisihan Faham误会 wù huì	49	陈国 chén guó	Negara Chen
		50	蔡国 cài guó	Negara Cai
4.08	Menggali Telaga穿井得一人 chuān jǐng dé yī rén	51	宋王 sòng wáng	Raja Song
4.15	Kebuntuan Keldai Qian 黔驴技穷 qián lǘ jì qióng	52	黔驴 qián lǘ	Keldai Qian

4.20	Burung Berkepala Sembilan jiǔ tóu niǎo 九头鸟	53	niè yáo shān 孽摇山	Gunung Nieyao
5.01	Maharaja Zhou Bergundik zhòuwáng qǔ qī è 纣王取妾	54	shāng cháo 商朝	Dinasti Shang
		55	zhòuwáng 纣王	Maharaja Zhou
		56	nǚ wā niángniang 女娲娘娘	Dewi Nu Wa
5.02	Runtuhnya Kayangan Laut lónggōng lún xiàn 龙宫沦陷	57	tài yì zhēn rén 太乙真人	Pertapa Tai Yi
5.03	Busur dan Panah Sakit qiānkūn gōng yǔ zhèntiān jiàn 乾坤弓与震天箭	58	shí jī niángniang 石矶娘娘	Pertapa Shi Ji
5.04	Jelmaan Teratai lián huā huà shēn 莲花化身	59	rán dēng zhēn rén 燃灯真人	Pertapa Ran Deng
5.05	Titik Peralihan zhuǎn liǎn diǎn 转捩点	60	xī bó hóu jī 西伯侯姬 昌	Raja XiBo Jichang
5.07	Kezaliman Maharaja Zhou zhòuwáng de bào xíng 纣王的暴行	61	huáng hé 黄河	Sungai Huang
		62	wǔ wáng 武王	Raja Wu
6.06	Negeri Jembalang yè chā guó 夜叉国	63	wò méi shān 卧眉山	Gunung Womei
6.07	Kebijaksanaan Mengendali Kes Perbicaraan zhé yù 折狱	64	xī yá zhuāng 西崖庄	Kampung Xi Ya
6.8	Pari-pari 神女 shén nǚ	65	nán yuè héng shān 南岳衡山	Gunung Nan Yue
7.01	Kelahiran Raja Kera Sakti Bukit Huaguo huā guǒ shān měi hóu wáng dàn shēng 花果山美猴王诞生	66	shuǐ lián dòng 水帘洞	Gua Shuilian
		67	huā guǒ shān 花果山	Bukit Huaguo
7.02	Cerucuk Emas Sakti Raja Naga lóng wáng de jīn guāng bàng 龙王的金箍棒	68	lóng wáng 龙王	Raja Naga
7.04	Wukong Tertawan wù kōng bèi shōu fú 悟空被收服	69	shì jiē nǚ ní fó 释迦牟尼佛	Buddha Sakyamuni
7.05	Pengembaraan Mencari Kitab Suci di Dunia Barat fù xī tiān qǔ jīng 赴西天取经	70	jīn shān sì 金山寺	Rumah Berhala Jinshan
		71	fǎ míng dà shī 法明大师	Sami Faming

7.06	Tiga Kali Berlawan dengan Jembalang Tulang Putih sān dǎ bái gǔ jīng 三打白骨精	73	shā sēng 沙僧	Sami Sha
7.07	Wukong Meminjam Kipas Sakti wù kōng jiè bà jiāoshàn 悟空借芭蕉扇	74	líng jí pú sà 灵吉菩萨	Dewi Lingji
		75	nǚ ěr guó 女儿国	Negara Nu'er
		76	mó yún dòng 魔云洞	Gua Moyun
8.04	Awan Magis di Negara Daren dà rén guó de shén qí yún 大人国的神奇云	77	dà rén guó 大人国	Negara Daren
8.06	Burung Phoenix yang Gagah yǒng gǎn de fēng huáng 勇敢的凤凰	78	xiǎo rén guó 小人国	Negara Xiaoren
		79	fū zhōng guó 跣踵国	Negara Fuzhong
8.07	Warga Baimin yang Petah Lidah néng yán shàn biàn de bái mǐn guó rén 能言善辩的白民国人	80	bái mǐn guó rén 白民国人	Warga Baimin
		81	huáng hé 黄河	Sungai Huang
8.08	Lawatan ke Negara Bermuka Dua shū shì guó yǔ liǎng miàn guó 淑士国与两面国	82	shū shì guó 淑士国	Negara Shushi
8.9	Pengembaraan yang Berbahaya yàn huǒ guó jīng xiǎn 厌火国惊险	83	yàn huǒ guó 厌火国	Negara Yanhuo
		84	chuān xiōng guó 穿胸国	Negara Chuanxiong
		85	jié xiōng guó 结胸国	Negara Jiexiong
8.10	Mencari Ayah xún fù 寻父	86	péng lái shān 蓬莱山	Gunung Peng Lai

4.1.3.1 Strategi Penterjemahan Hibrid dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas

Daripada analisis data, terjemahan kata nama khas yang menggunakan Strategi Penterjemahan Hibrid dapat dikelaskan kepada empat kategori berdasarkan kepada jenis kata nama seperti berikut:

- Nama Dewa, Dewi atau makhluk
- Nama maharaja, puteri, panglima atau manusia
- Nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut atau sungai
- Lain-lain (nama selain daripada tiga kategori di atas)

Jadual 4.9, 4.10, 4.11 dan 4.12 menunjukkan pengelasan kata nama khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan setiap kategori tersebut.

Jadual 4.9 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Dewa, Dewi atau Makhluk

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	shuǐ shén gōng gōng 水神共工	Dewa Air Gong Gong
2	huǒ shén zhù róng 火神祝融	Dewa Api Zhu Rong
3	nǚ wā niáng niáng 女娲娘娘	Dewi Nu Wa
4	tài yì zhēn rén 太乙真人	Pertapa Tai Yi
5	shí jī niáng niáng 石矶娘娘	Pertapa Shi Ji
6	rán dēng zhēn rén 燃灯真人	Pertapa Ran Deng
7	shì jiā nǚ ní fó 释迦牟尼佛	Buddha Sakyamuni
8	líng jí pú sà 灵吉菩萨	Dewi Lingji

Jadual 4.10 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Maharaja, Puteri, Panglima atau Manusia

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	yán dì 炎帝	Maharaja Yan
2	qí mí wáng 齐縉王	Raja Qi Min
3	lè yì dà jiāng 乐毅大将	Panglima Le Yi
4	liáng huì wáng 梁惠王	Raja Liang Hui
5	qí rén 杞人	Warga Qi
6	qí xuān wáng 齐宣王	Raja Qi Xuan
7	qí mǐn wáng 齐闵王	Raja Qi Min
8	zhèng rén 郑人	Warga Zheng
9	qí wáng 齐王	Raja Qi
10	chǔ lì wáng 楚厉王	Raja Chu Li
11	chǔ wǔ wáng 楚武王	Raja Chu Wu
12	chǔ wén wáng 楚文王	Raja Chu Wen

13	sòng wáng 宋王	Raja Song
14	zhòu wáng 纣王	Maharaja Zhou
15	xī bó hóu jī chāng 西伯侯姬昌	Raja XiBo Jichang
16	wǔ wáng 武王	Raja Wu
17	lóng wáng 龙王	Raja Naga
18	fǎ míng dà shī 法明大师	Sami Faming
19	shā sēng 沙僧	Sami Sha
20	bái mǐn guó rén 白民国人	Warga Baimin

Jadual 4.11 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Nama Negara, Daerah, Tempat, Kota, Gunung, Laut atau Sungai

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	fā jiū shān 发鸠山	Gunung Fa Jiu
2	kūn lún shān 昆仑山	Gunung Kun Lun
3	guǎng hán gōng 广寒宫	Istana Guang Han
4	shǎn xī shěng 陕西省	Wilayah Shanxi
5	yè dì 邳地	Daerah Ye
6	bù zhōu shān 不周山	Gunung Bu Zhou
7	wěi guó 魏国	Negara Wei
8	zhāng hé 漳河	Sungai Zhang
9	chǔ guó 楚国	Negara Chu
10	yān guó 燕国	Negara Yan
11	qí guó 齐国	Negara Qi
12	jū chéng 莒城	Kota Ju
13	jì mò chéng 即墨城	Kota Ji Mo
14	lí shān 骊山	Gunung Li
15	sòng guó 宋国	Negara Song
16	liáng guó 梁国	Negara Liang
17	yān guó 燕国	Negara Yan
18	zhào guó 赵国	Negara Zhao

19	wú guó 吴国	Negara Wu
20	bó hǎi 渤海	Laut Bo
21	yīn tǔ shān 隐土山	Bukit Yintu
22	qín guó 秦国	Negara Qin
23	tài háng shān 太行山	Gunung Taixing
24	tài shān 泰山	Gunung Tai
25	yue guó 越国	Negara Yue
26	lǔ guó 鲁国	Negara Lu
27	chén guó 陈国	Negara Chen
28	cài guó 蔡国	Negara Cai
29	niè yáo shān 孽摇山	Gunung Nieyao
30	huáng hé 黄河	Sungai Huang
31	wò méi shān 卧眉山	Gunung Womei
32	xī yá zhuāng 西崖庄	Kampung Xi Ya
33	nán yuè héng shān 南岳衡山	Gunung Nan Yue
34	huā guǒ shān 花果山	Bukit Huaguo
35	jīn shān sì 金山寺	Rumah Berhala Jinshan
36	dà léi yīn sì 大雷音寺	Rumah Berhala Agung Lei Yin
37	nǚ ér guó 女儿国	Negara Nu'er
38	dà rén guó 大人国	Negara Daren
39	xiǎo rén guó 小人国	Negara Xiaoren
40	fū zhōng guó 跣踵国	Negara Fuzhong
41	huáng hé 黄河	Sungai Huang
42	shū shì guó 淑士国	Negara Shushi
43	yàn huǒ guó 厌火国	Negara Yanhuo
44	chuān xiōng guó 穿胸国	Negara Chuanxiong
45	jié xiōng guó 结胸国	Negara Jiexiong
46	péng lái shān 蓬莱山	Gunung Peng Lai

Jadual 4.12 Pengelasan Kata Nama Khas dengan Strategi Penterjemahan Hibrid berdasarkan Kategori Lain-lain

Bilangan	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	qī xī jīé 七夕节	Hari Qixi
2	chūn qiū shí dài 春秋时代	Zaman Chunqiu
3	huá qīng chí 华清池	Kolam Hua Qing
4	jiǔ lóng tāng 九龙汤	Kolam Jiu Long
5	guì fēi chí 贵妃池	Kolam Gui Fei
6	fēi xiá gé 飞霞阁	Pagoda Fei Xia
7	hé shì bì 和氏璧	Jed He Shi
8	lǔ huángōngzhī miào 鲁桓公之庙	Tokong Lu Huan Gong
9	qián lú 黔驴	Keldai Qian
10	shāng cháo 商朝	Dinasti Shang
11	shuǐ lián dòng 水帘洞	Gua Shuilian
12	mó yún dòng 魔云洞	Gua Moyun

Jadual 4.13 Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas secara Hibrid berdasarkan Empat Kategori Nama

Pengelasan Strategi Penterjemahan Hibrid	Bilangan data	Peratus(%)
(a) Nama Dewa, Dewi atau makhluk	8	9%
(b) Nama maharaja, puteri, panglima atau manusia	20	23%
(c) Nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut atau sungai	46	54%
(d) Lain-lain (nama selain daripada tiga kategori di atas)	12	14%
Jumlah	86	100%

Hasil dapatan analisis ini menunjukkan bahawa Strategi Penterjemahan Hibrid paling banyak digunakan dalam terjemahan nama negara, daerah, tempat, kota, gunung,

laut dan sungai, diikuti nama maharaja, puteri, panglima atau manusia. Strategi ini kurang digunakan dalam terjemahan nama Dewa, Dewi serta makhluk.

Strategi ini dapat memberi makna yang terkandung dalam kata nama khas secara intuitif kepada pembaca sasaran. Lebih-lebih lagi, strategi ini juga dapat mengekalkan gaya bahasa sumber. Contohnya, ^{huā guǒ shān}花果山 (m.s.109) Bukit Huaguo yang terdapat di Laut Wilayah Timur ditumbuhi pelbagai flora dan fauna. Di puncaknya, kelihatan bunga iris dan orkid tumbuh mengelilingi seketul batu hikmat seakan-akan melindunginya daripada sebarang ancaman. (Goh, 2009, Siri 7). ^{huā guǒ}花果 telah diterjemahkan secara transliterasi sebagai Huaguo manakala ^{shān}山 diterjemahkan berdasarkan laras bahasa sasaran sebagai Bukit. Jadi, ^{huā guǒ shān}花果山 Bukit Huaguo yang mempunyai alusi dan kod imejnya telah menjadi tempat lahir dan kediaman bagi Sun Wukong. Kini, ^{huā guǒ shān}花果山 Bukit Huaguo terletak di negara China, Wilayah Jiangsu, Bandar Lianyungang dan juga merupakan tempat pelancongan.

Untuk penterjemahan nama yang sudah ada terjemahan yang diterima umum, contohnya: Shakyamuni Buddha 释迦牟尼佛, boleh dikatakan Goh (2009: 27, Siri 7) telah memilih nama terjemahan yang diterima secara konvensional, umum dan popular dalam bahasa Sanskrit iaitu Shakyamuni Buddha 释迦牟尼佛 (m.s.107) diterjemahkan kepada Buddha Sakyamuni. Strategi Penterjemahan Hibrid ini adalah selaras dengan saranan oleh Guo (2005: 92) iaitu mengambil nama terjemahan yang popular dan sedia ada.

4.1.4 Strategi Penterjemahan Semantik

Strategi ini menghuraikan makna yang terdapat dalam teks asal mengikut konteks dengan setepat-tepatnya, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran itu. Strategi ini mengutamakan konteks sebagaimana yang dihuraikan oleh Newmark (2001:39) iaitu “*Semantic translation attempts to render, as closely as the*

semantic and syntactic structures of the second language allow, the exact contextual meaning of the original". Dalam proses penguraian makna kata nama khas, penggunaan Terjemahan dengan Parafrasa, Nota Tambahan atau Terjemahan Kuplet juga diaplikasikan dalam strategi ini untuk analisis korpus yang dikaji.

Terjemahan Kuplet ialah gabungan mana-mana dua strategi penterjemahan daripada Strategi Penterjemahan Transliterasi, Strategi Penterjemahan Hibrid, Strategi Penterjemahan Literal dan Nota Tambahan.

Contohnya:

(a) Gabungan Strategi Terjemahan Transliterasi dengan Nota Tambahan

- i) Data ^{niú lánɡ}牛郎 (m.s.113): Pengembala Niu Lang (Niu Lang ialah *Hanyu Pinyin* untuk ^{niú lánɡ}牛郎. Nota Tambahan untuk rujukan kerjaya iaitu "Pengembala" diberi)
- ii) Data ^{zhī nǚ}织女 (m.s.113): Penenun Zhi Nu (Zhi Nu ialah *Hanyu Pinyin* untuk ^{zhī nǚ}织女. Nota Tambahan untuk rujukan kerjaya iaitu "Penenun" diberi)
- iii) Data ^{fěi yí}肥遗 (m.s.113): Ular Fei Yi (Fei Yi ialah *Hanyu Pinyin* untuk ^{fěi yí}肥遗. Nota Tambahan untuk rujukan golongan kata nama khas "Ular" diberi)

- (b) Penterjemahan dengan Parafrasa ^{měi}美 dalam ^{měihóuwáng}美猴王 (měihóuwáng) (m.s.114) yang bermakna "cantik" telah digugurkan dan digantikan dengan "sakti". ^{měi hóu wáng}美猴王 diterjemahkan secara parafrasa kepada "Raja Kera Sakti" berdasarkan konteks cerita.

Jadual berikut memaparkan dapatan analisis kata nama khas bahasa sasaran terpilih daripada korpus kajian yang diterjemahkan dengan Strategi Penterjemahan Semantik.

Jadual 4.14 Data Strategi Penterjemahan Semantik

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata nama khas Teks Sumber	Terjemahan Kata nama khas Teks Sasaran
1.07	Cetera Pengembala Niu Lang dan Penenun Zhi Nu 牛郎和织女	01	牛郎	Pengembala Niu Lang
		02	织女	Penenun Zhi Nu
1.03	Hou Yi Memanah Matahari 后羿射日	03	黄帝	Maharaja Huang Di
		04	尧	Maharaja Yao
2.01	Perang Besar Maharaja Huang Di dan Chi You 黄帝大战蚩尤	13	九天玄女	Dewi Jiutian Xuan Nu
2.02	Dewa Gong Gong Merempuh Gunung Bu Zhou 共公触怒不周山	05	计蒙	Dewa Ji Meng
		06	肥遗	Ular Fei Yi
		07	絜钩	Burung Jie Gou
2.08	Maharaja Shi Huang Di dan Kolam Air Panas Dewi 始皇帝与神女汤泉	08	始皇帝	Maharaja Shi Huang Di
2.09	Tiga Kali Maharaja Li Mengundang Zhang Gulao 李世民三请张古老	09	李世明	Maharaja Tang, Li Shimin
		10	神农	Dewa Shen Nong
4.17	Alah Bisa Tegal Biasa 熟能生巧	11	北宋	Dinasti Song Utara
4.25	Kera Nao yang Licik 黠獠媚虎	12	獠	Kera Nao
7.07	Wukong Meminjam Kipas Sakti 悟空借芭蕉扇	14	回嘘呵吸嘻 吹呼	Mantera “xu ke xi xi huan hu” yang dapat memanjangkan daun Kipas Sakti menjadi 12 kaki.

Data Strategi Penterjemahan Semantik

No Siri / Tajuk	Subjudul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	Bil. Data	Kata Nama Khas Teks Sumber	Terjemahan Kata Nama Khas Teks Sasaran
3.24	Rahmat Si Tua Kehilangan Kuda 塞翁失马 sāi wēng shī mǎ	01	塞翁 sāi wēng	(Rahmat) Si Tua
7.01	Kelahiran Raja Kera Sakti Bukit Huaguo 花果山美猴王诞生 huā guǒ shān měi hóu wáng dǎn shēng	02	美猴王 měi hóu wáng	Raja Kera Sakti
7.02	Cerucuk Emas Sakti Raja Naga 龙王的金箍棒 lóng wáng de jīn gū bàng	03	金箍棒 jīn gū bàng	Cerucuk Emas Sakti
7.03	Wukong Mengecoh di Istana Kayangan 大闹天宫 dà nǎo tiān gōng	04	玉皇大帝 yù huáng dà dì	Maharaja Kayangan
7.07	Wukong Meminjam Kipas Sakti 悟空借芭蕉扇 wù kōng jiè bā jiāo shàn	05	芭蕉扇 bā jiāo shàn	Kipas Sakti
		06	牛魔王 (Sumber media) niú mó wáng	Jembalang Lembu
		07	铁扇公主 (Sumber media) tiě shàn gōng zhǔ	Jembalang Puteri Kipas Sakti
		08	辟水金睛兽 (Sumber media) pì shuǐ jīn jīng shù	Raksasa Bermata Emas
7.08	Misi Mencari Kitab Suci Tercapai 取得真经 qǔ dé zhēn jīng	09	西天 xī tiān	Dunia Barat

4.1.4.1 Strategi Penterjemahan Semantik dan Implikasinya terhadap Kebolehsampaian Makna Kata Nama Khas

Strategi Penterjemahan Semantik memainkan peranan penting dalam terjemahan kata nama khas yang mempunyai makna metafora dan konotasi serta pengertian kesusasteraan. Strategi ini dapat mencerminkan ciri-ciri serta personaliti watak dan tema fikiran karya terutamanya dalam genre sastera. Selain itu, strategi ini juga mengambil kira isi kandungan, mesej, konteks dan fungsi sastera (Xiao, 2009). Namun, strategi ini tidak

dapat mengekalkan bentuk, gaya bahasa sumber dan cara penamaan bagi kata nama khas yang berunsur metafora.

Dengan pendekatan analisis kontrastif, terjemahan kata nama khas bahasa Cina (data kajian) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Goh (2009) dan bahasa Inggeris oleh Jenner (2003) dapat dibandingkan seperti jadual berikut:

Jadual 4.15 Jadual Perbandingan Terjemahan

Bilangan	Kata Nama Khas Teks Sumber Buku Cerita (Sumber media)	Terjemahan dalam Bahasa Melayu (Siri Cerita Klasik)	Terjemahan dalam Bahasa Inggeris* oleh Jenner
a)	塞翁	(Rahmat) Si Tua	-
b)	美猴王	Raja Kera Sakti	Handsome Monkey King
c)	金箍棒	Cerucuk Emas Sakti	Gold-Banded Cudgel
d)	玉皇大帝	Maharaja Kayangan	Jade Emperor
e)	芭蕉扇	Kipas Sakti	The Plantain Fan
f)	牛魔王	Jembalang Lembu	The Bull Demon King
g)	<small>t i ē shòngōngzhǔ</small> 铁扇公主	Jembalang Puteri Kipas Sakti	Princess Iron Fan
h)	辟水金睛兽 (Sumber media)	Raksasa Bermata Emas	Water-averting Golden-eyed Beast
i)	西天	Dunia Barat	West

*Sumber: W.J.F.Jenner (2003) (Penterjemah). *Journey to the West by Wu Cheng'en*. Beijing: Foreign Languages Press.

塞翁 (sài wēng) (m.s.115) merupakan nama orang yang mempunyai makna metafora dan konotasi serta pengertian kesusasteraan dalam masyarakat Cina. Menurut

definisi dalam Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (2007: 1231) (古今汉语词典), 塞 (sài) bermakna sempadan yang terletak di tempat yang strategik (边界险要的地方). 翁(wēng) ialah gelaran penghormatan kepada warga tua. Jadi, data 塞翁 (sài wēng) bermakna warga tua yang tinggal berhampiran dengan sempadan yang strategik. 塞翁失马 (sàiwēngshī mǎ) diterjemahkan kepada Rahmat Si Tua Kehilangan Kuda dengan Strategi Penterjemahan Semantik iaitu dengan menghuraikan mesej peribahasa dan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik bahasa sasaran itu.

“Si Tua” adalah sepadan dengan 翁(wēng) dan 失马(shī mǎ) bermakna kehilangan kuda tetapi penggunaan perkataan “rahmat” adalah berdasarkan makna konteks cerita dengan pengguguran perkataan “塞” (sài) .

Watak 塞翁(sài wēng) berasal daripada peribahasa 塞翁失马, 安知非福 (sàiwēngshī mǎ, ānzhīfēifú) yang mempunyai alusinya.安知 (ānzhī) adalah sepadan dengan makna “mana tahu”, 非福 pula bermakna bukan rahmat. Menurut Xie (2009: 99), 塞翁失马 (sàiwēngshī mǎ) berasal daripada buku Huainanzi 淮南子 dalam bab Renjianxun 人间训 yang mengisahkan kehilangan kuda oleh Si Tua telah membawa rahmat kepada keluarganya. Makna konotasi peribahasa ini adalah walaupun mengalami kerugian atau malapetaka buat sementara, namun akhirnya akan mendapat keuntungan atau kebaikan.

Goh (2009) telah menterjemahkan gelaran nama watak yang utama 美猴王 (měihóuwáng) (m.s.115) sebagai Raja Kera Sakti dalam buku cerita Pengembaraan Ke Dunia Barat dengan Strategi Penterjemahan Semantik. Memandangkan Raja Kera Sakti mempunyai kuasa luar biasa iaitu 72 jenis ilmu jelmaan, mengangkat cerucuk emas sakti yang beratnya 13500 kati dan sekali berjumpalit boleh sampai 108000 batu jauhnya, jadi

terjemahan nama ini adalah secocok dengan imej watak dalam plot cerita. Watak ini mempunyai beberapa gelaran nama yang berlainan iaitu

- a. 孙悟空(sūnwùkōng) Sun Wukong: nama Dharma dan perkataan 悟 diberi oleh Tok Gurunya kepada perantis generasi ke 10 ini. Makna 孙悟空 Sun Wukong ialah *Monkey Awakened to Emptiness* 悟空 (Jenner: 2003). 空 berasal dari bahasa Sanskrit yang merupakan falsafah Buddha.
- b. 悟空(wùkōng) Wukong: nama bapa 孙 (Sūn) digugurkan.
- c. 齐天大圣 (qítiān dàshèng) Mahadewa Kayangan: gelaran diri sendiri. Jenner W.J.F. menterjemahkannya sebagai *Great Sage Equalling Heaven* dalam bahasa Inggeris.
- d. 美猴王(měihóuwáng) Raja Kera Sakti: memimpin sekumpulan kera masuk ke Gua Shuilian dan mendapat gelaran ini. 美 yang bermakna *cantik* tidak diterjemahkan oleh Goh (2009) tetapi digantikan dengan perkataan “sakti” berdasarkan konteks cerita. 猴 membawa makna kera atau monyet dan 王 ialah raja.

Strategi Penterjemahan Semantik yang digunakan oleh Goh (2009) iaitu menterjemahkan 美猴王(měihóuwáng) sebagai Raja Kera Sakti dapat mencerminkan identiti dan sifat watak itu berbanding dengan terjemahan *Handsome Monkey King* dalam bahasa Inggeris oleh Jenner W.J.F. (2003).

Strategi ini tidak menggunakan Skema Hanyu Pinyin Cina (中文拼音方案). Walaupun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menetapkan skema itu sebagai standard penggunaan untuk nama orang Cina dan tempat di negara China pada tahun 1979 (Hu,

2012), namun ciri-ciri dan personaliti watak 美猴王(měihóuwáng) dapat dicerminkan dalam nama terjemahannya iaitu Raja Kera Sakti.

Penggunaan strategi terjemahan nama orang seperti contoh ini juga dikemukakan oleh Huang (2008) dan Ding (2009) masing-masing dalam Bab 2. Huang menterjemahkan 贾宝玉 (Jia Baoyu) sebagai *Magic Jade* dan Ding mencadangkan terjemahan nama 林黛玉 (Lin Daiyu) sebagai *Lin*. Hu (2012:10) memberi komen tentang kekurangan strategi ini bahawa ini mungkin mengakibatkan pembaca bahasa sasaran terlalu biasa dengan nama terjemahan dan tidak mengenali nama asal bahasa sumber. Contohnya, pembaca bahasa sasaran sangat biasa dengan nama *Magic Jade* dan tidak mengenali watak 贾宝玉 (Jia Baoyu).

Data 金箍棒 (m.s.115) telah diterjemahkan sebagai Cerucuk Emas Sakti oleh Goh (2009) dan sebagai *Gold-Banded Cudgel* oleh Jenner (2003). Menurut definisi daripada Kamus Dewan Edisi Empat (2010: 275),

- (a) istilah “cerucuk” bermakna:
 - 1. batang (kayu, besi, konkrit, dll) yang ditanam untuk menguatkan asas (tapak) sesuatu bangunan atau struktur lain;
 - 2. tembok pengempang ombak;
 - 3. pancang-pancang yang dipacak di tepi laut;
 - 4. pangkalan di pelabuhan, jeti;
 - 5. ceracak, cerancang;
- (b) istilah “batang” bermakna (Kamus Dewan, 2010: 134):
 - 1. batang bahagian pokok yang tumbuh daripada akar;
 - 2. tangkai (cangkul, dayung dan lain –lain);
 - 3. benda yang panjang;

4. benda yang panjang dan bulat;
5. penjodoh bilangan bagi benda panjang-panjang;
6. arkaik bangkai ,mayat.

“*Cudgel*” telah didefinisikan sebagai “*a short thick stick that is used as a weapon*” dalam *Oxford Advanced Learner’s English-Chinese Dictionary* (2004:411). “*Cudgel*” “棒” memberi gambaran kepada pembaca sebagai suatu senjata yang berbatang pendek manakala “cerucuk” bermaksud batang yang ditanam untuk menguatkan asas secara intuitif.

Oleh kerana berdasarkan tahap penguasaan perbendaharaan kata bagi sasaran pembaca buku cerita yang merupakan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah rendah kebangsaan, pengkaji berpendapat bahawa mungkin “batang” lebih sesuai dipilih untuk menggantikan “cerucuk” dengan mengekalkan “sakti” yang diterjemahkan berdasarkan konteks perkembangan cerita.

玉 (yu) dalam data “玉皇大帝 (Yu Huang Da Di) Maharaja Kayangan” (m.s.115) bermakna jed manakala 皇帝 (Huangdi) bermakna Maharaja. Menurut Bo dan Ho (2007: 12-13), Maharaja Kayangan berpegang kuat dengan falsafah Taoism. Penganut Taoism menganggap jed ialah sesuatu yang bernilai. Jadi, nama 玉皇大帝 diberi sebagai penyanjungan yang tertinggi terhadapnya di kayangan. Beliau dianggap mempunyai kuasa tertinggi di kayangan .

Jenner (2003) menterjemahkan “玉皇大帝 (Yu Huang Da Di)” sebagai *Jade Emperor* manakala Goh (2009) menterjemahkannya sebagai Maharaja Kayangan. Menurut Li (2011), terjemahan *Jade Emperor* mudah menimbulkan kekeliruan terhadap pembaca kerana *Jade Emperor* mungkin disalahtafsirkan sebagai Maharaja yang diperbuat daripada jed atau jed merupakan nama keluarga Maharaja ini. Oleh yang demikian, terjemahan kata

nama khas tersebut perlu diparafrasa seperti yang disarankan oleh Mona Baker (1992: 37-38).

Menurut definisi dalam Kamus Dewan Edisi Empat (2010: 693 & 1560), kayangan bermakna “negeri yang-yang, tempat dewa-dewa” manakala syurga ialah “tempat balasan pahala dan tempat mengecap nikmat Tuhan yang kekal”. Menurut definisi dalam Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (2007: 1417), 天宫(tiāngōng) ialah istana kediaman dewa-dewi di langit dalam cerita mitos iaitu “天上的宮殿，神话中天帝、天神所居住的宮殿。”

Goh (2009) telah memilih perkataan “kayangan” dan menggugurkan perkataan “jed” dalam terjemahan “玉皇大帝 (Yu Huang Da Di) Maharaja Kayangan” berdasarkan konteks cerita. Ini sepadan dengan strategi terjemahan dengan perkataan yang lebih neutral dan terjemahan dengan pengguguran seperti yang disarankan Mona Baker (1992: 28-42).

Data 芭蕉扇 (m.s.115) telah diterjemahkan sebagai Kipas Sakti oleh Goh (2009) dan The Plantain Fan oleh Jenner (2003). Menurut definisi dalam Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (古今汉语词典) (2007: 19), 芭蕉^{b ā jiāo} ialah sejenis tumbuhan herba saka yang daunnya besar, bunganya putih, buahnya serupa dengan pisang (多年生草本植物，叶子很大，花白色，果实跟香蕉相似).

Jadi, terjemahan bahasa Melayu yang sepadan dengan 芭蕉^{b ā jiāo} ialah palma. 扇^{shàn} bermakna kipas. Terjemahan 芭蕉扇 kepada Kipas Sakti oleh Goh (2009) adalah berdasarkan konteks dan perkembangan cerita dengan menggugurkan perkataan “芭蕉^{b ā jiāo}” palma dan digantikan dengan perkataan “sakti”. Ini disebabkan dengan membaca mantera, 芭蕉扇 Kipas Sakti akan menjadi besar dan berfungsi sakti untuk memadamkan api di gunung (Bo, 2007). Jika dibandingkan dengan terjemahan bahasa Inggeris “*The Plantain*

Fan”, terjemahan bahasa Melayu “Kipas Sakti” dapat memperlihatkan ciri-ciri kuasa sakti yang unik.

王(wáng) dalam data 牛魔王(niú mó wáng) (m.s.115) yang bermakna Raja telah digugurkan dalam terjemahannya menjadi Jembalang Lembu oleh Goh (2009). Jenner (2003) pula menterjemahkannya sebagai *The Bull Demon King*. “魔(mó)” telah diterjemahkan sebagai jembalang atau *demon* yang mempunyai perbezaan makna dari segi kejahatan. Istilah “jembalang” tidak semestinya merujuk kepada makhluk jahat tetapi *Demon* membawa makna “*evil spirit or force, hantu, syaitan*” (Kamus Inggeris-Melayu Dewan, 2002: 371).

Salah satu makna bagi istilah “*bull*” dalam Kamus Inggeris-Melayu Dewan (2002:202) ialah “*male of a bovine animal, lembu jantan*” yang mempunyai ciri-ciri jantina. Di sini jelasnya pemilihan perkataan antara “*bull*” dengan “lembu 牛” mempunyai perbezaan semantik dari segi ciri-ciri jantina.

Data 铁扇公主(^{tiě shàn gōngzhǔ} m.s.115) telah diterjemahkan sebagai Jembalang Puteri Kipas Sakti oleh Goh (2009) dan *Princess Iron Fan* oleh Jenner (2003). 扇(^{shàn}) dalam 铁扇公主(^{tiě shàn gōngzhǔ}) membawa makna “kipas” manakala 公主(^{gōngzhǔ}) bermakna “puteri”. 铁(^{tiě}) yang bermakna besi telah digugurkan dalam terjemahan Jembalang Puteri Kipas Sakti.

Sebaliknya, perkataan “Jembalang” dan “Sakti” telah ditambahkan berdasarkan kepada konteks cerita dengan Strategi Penterjemahan Semantik. Ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca teks sasaran tentang imej dan personaliti watak.

Jembalang Puteri Kipas Sakti 铁扇公主(^{tiě shàn gōngzhǔ}) ialah isteri kepada 牛魔王 Jembalang Lembu.

Nama lain dipanggil “Raksasi” 罗刹女. Beliau mempunyai sebatang kipas palma yang

dapat memadamkan api yang menyala di Gunung Huoyanshan (火焰山). Dengan kipas ini, beliau dapat melindungi penduduk di sana. Jadi, beliau juga diberi gelaran *Iron Fan Immortal* (铁扇仙) (Jenner, 2003 Jilid 4: 1945).

Data “辟水金睛兽 (pì shuǐ jīnjīngshòu) Raksasa Bermata Emas” (m.s.115) merupakan binatang yang ditunggang oleh Jembalang Lembu sebagai alat pengangkutan.

辟水 bermakna membuka (jalan) air. 金 membawa makna emas. 睛 ialah mata dan 兽 bererti binatang. Raksasa iaitu sejenis makhluk seperti manusia yang sangat besar dan tinggi telah digunakan oleh Goh untuk terjemahan “兽 binatang”. 辟水 telah digugurkan dalam terjemahan kata nama khas bahasa Melayu tetapi dikekalkan dalam terjemahan bahasa Inggeris iaitu *Water-averting Golden-eyed Beast*. Oleh kerana raksasa ini bukan watak utama, terjemahan dengan penguguran 辟水 tidak menjejaskan pemahaman pembaca terhadap cerita.

Goh (2009: 34, Siri 7) menggugurkan penterjemahan 唵嘛呢叭咪吽 (Ān mání bāmī hōng) yang ditulis oleh Buddha pada azimat dan mantera Dewi Guanyin yang boleh menertawan Sun Wukong tetapi digantikan dengan penerangan tambahan iaitu “enam perkataan suci lagi sakti”. Jenner (2003: 226) telah menterjemahkannya dalam bahasa Sanskrit iaitu *Oṃ maṇi padme hūṃ*.

Pengarang teks sumber novel 西游记 *Xiyouji*, Wu Cheng'en telah berjaya mencipta beberapa orang pengikutnya bagi watak sami Buddha seperti Sun Wukong, Sha Seng, dan Bajie. Judul buku 西游记 *Xiyouji* telah diterjemahkan oleh Dr Goh sebagai “Pengembaraan Ke Dunia Barat”. “Dunia Barat” iaitu 西天 (m.s.115) ini mungkin ditafsir oleh pembaca sasaran yang tidak mempunyai pengetahuan latar belakang kesusasteraan China sebagai

negara Barat atau Eropah. Pengkaji menyarankan “Dunia Barat” ini mungkin lebih sesuai digantikan dengan “Dunia di sebelah Barat” sebagai rujukan lokasinya iaitu negara India.

Dalam prakata buku siri cerita ini, beliau telah mengisahkan watak utama plot dan intipati cerita ini iaitu kisah benar seorang sami Buddha Dinasti Tang yang bernama Xuan Zhuang pengikutnya mengharungi berbagai-bagai rintangan untuk mengembara ke benua India dengan hasrat membawa balik kitab-kitab agama Buddha. Jadi, Dunia Barat merujuk kepada benua India.

Konsep “Dunia Barat” dalam Siri Cerita Klasik China 7 muncul pertama kali dalam subjudul iaitu Wukong Tertawan dengan ayat berbunyi seperti berikut: Beta ialah Buddha Sakyamuni dari Dunia Barat. Dalam subjudul iaitu Pengembaraan Mencari Kitab Suci di Dunia Barat, “Dunia Barat” telah didefinisikan sebagai kayangan peringkat tertinggi dalam kepercayaan agama Buddha. Jadi konsep “Dunia Barat” ini mungkin akan menimbulkan masalah kekaburan dalam kalangan pembaca.

Data 牛郎 (ni ū áng) (m.s.113) diterjemahkan sebagai Pengembala Niu Lang dan terjemahan 织女 (zhī nǚ) (m.s.113) ialah Penenun Zhi Nu. 牛^{niú} Niu merujuk kepada lembu manakala 郎^{láng} Lang ialah gelaran untuk pemuda (pemudi). Sehubungan dengan ini, Strategi Penterjemahan Semantik telah digunakan iaitu kerjaya “pengembala” dan “penenun” diberi sebagai maklumat tambahan.

Menurut definisi daripada Kamus Dewan Edisi Empat (2010: 1659), istilah “tukang tenun” bermakna orang yang membuat kain (dengan menggunakan alat tenun) manakala “penenun” ialah orang yang menenun. Jadi, “penenun” dalam bahasa Melayu tidak semestinya seorang perempuan. 织女 (zhī nǚ) dalam bahasa Cina berimplikasikan penenun

perempuan. Justeru itu, terjemahan kata nama khas seperti ini mempunyai perbezaan makna dari segi ciri- ciri jantina.

Walaupun Di ^{dì} dalam data “^{huáng dì} 黃帝 Maharaja Huang Di” (m.s.113) sudah membawa makna Maharaja dalam bahasa Cina manakala Shen ^{shén} dalam data “^{shén nóng} 神农 Dewa Shen Nong” (m.s.113) bermakna Dewa dalam bahasa Cina, namun bagi pembaca teks sasaran, nota tambahan ini dapat mengimplikasikan status dan identiti bagi kata nama khas tersebut. Begitu juga dengan data “^{yáo} 尧 Maharaja Yao” (m.s.113) dan “^{lǐ shì míng} 李世明 Maharaja Tang Li Shimin” (m.s.113). Gelaran “Maharaja” ditambah di depan nama “Yao” dan gelaran “Maharaja (Dinasti) Tang” ditambah di depan nama “Li Shimin” untuk menjadi petunjuk kepada pembaca.

Dewa dalam data “^{jì méng} 计蒙 Dewa Ji Meng” (m.s.113) dan Dewi dalam data “^{jiù tiān xuān nǚ} 九天玄女 Dewi Jiutian Xuan Nu” (m.s.113) dapat memberi gambaran intuitif kepada pembaca tentang jenis kata nama khas berkenaan misalnya manusia atau bukan manusia. Keadaan ini juga diaplikasikan kepada data “^{náo} 獠 Kera Nao, ^{féi yí} 肥遗 Ular Fei Yi, ^{jié gōu} 絜钩 Burung Jie Gou” (m.s.113). Gabungan penggunaan perkataan kera, ular dan burung dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi dapat menyalurkan maklumat tambahan iaitu golongan kata nama khas ini merujuk kepada haiwan.

^{běi} 北 dalam data ^{běi sòng} 北宋 Dinasti Song Utara (m.s.113) bermakna Utara. ^{sòng} 宋 pula mempunyai beberapa makna iaitu nama negara, nama Dinasti, nama keluarga atau unit ukuran untuk kenyaringan bunyi (Kamus *Gujin Hanyu Cidian*, 2007). Strategi Penterjemahan Hibrid dengan nota tambahan “Dinasti” digunakan dalam terjemahan kata

nama khas ^{běi sòng} 北宋. Nota tambahan ini amat berguna kepada pembaca yang tidak ada pengetahuan sedia ada tentang sejarah dan budaya bahasa sumber.

Dalam kajian ini, terjemahan data ^{shǐ huáng dì} 始皇帝 (m.s.113) yang sepadan ialah Maharaja Shih Huang Di. Gelaran Maharaja telah ditambah sebagai nota tambahan dan ^{shǐ huáng dì} 始皇帝 diterjemahkan secara transliterasi sebagai Shih Huang Di. Dalam bahasa Cina, ^{huáng dì} 皇帝 Huang Di sudah membawa makna sebagai Maharaja. Seperti yang disarankan oleh Mashudi Kader dan Low (1993: 606-607), nama khas yang terdapat dalam teks sejarah mesti diterjemahkan selaras dengan versi bahasa Melayu.

Pada kebiasaannya, ^{qín shǐ huáng} 秦始皇 diterjemahkan kepada Maharaja Shih Huang Ti (Sistem *Wade-Giles*) atau Shih Huang Di (Sistem *Hanyu Pinyin*). Jadi, data ^{shǐ huáng dì} 始皇帝 dan ^{qín shǐ huáng} 秦始皇 merujuk kepada Maharaja yang sama dalam mana ^{qín} 秦 bermakna “Dinasti Qin” dan ^{shǐ} 始 bermakna “Permulaan”. Pengkaji mencadangkan ^{qín shǐ huáng} 秦始皇 boleh ditambah dalam nota kaki sebagai rujukan yang sama untuk ^{shǐ huáng dì} 始皇帝 Maharaja Shih Huang Di.

Menurut makna kedua dalam *Gujin Hanyu Cidian* (古今汉语词典) (2007: 1157), ^{qín} 秦 ialah Dinasti Feudal yang pertama (221SM-206SM). Pengasasnya ialah Yingzheng (嬴政) yang membina kota di Xianyang (咸阳). Beliau yang memulakan Dinasti Qin, jadi dipanggil ^{shǐ huáng dì} 始皇帝 atau ^{qín shǐ huáng} 秦始皇.

Menurut Wang dan Wei (2005: 344), terjemahan istilah sejarah budaya seharusnya diberi nota tambahan. Terjemahan ^{qín shǐ huáng} 秦始皇 kepada Qinshihuang tidak dapat menyampaikan

mesej kepada pembaca yang tidak mengenali sejarah Cina. Justeru itu, maklumat tambahan perlu diberi iaitu “*the first Chinese emperor about 200 B.C. (who unified China)*”.

Contohnya, terjemahan nama 林则徐 boleh diterjemahkan sebagai Lin Zexu secara transliterasi dengan nota tambahan iaitu “*government official in the Qing Dynasty (1636-1911) and key figure in the Opium War.*” (Wang dan Wei: 2005). Strategi penterjemahan ini juga diaplikasikan oleh Chong (2009) yang menerangkan sumbangan Maharaja Shih Huang Ti dalam plot perkembangan cerita iaitu menyatukan Negara China.

Dari aspek teknikal, Chong (2009: 18 Siri 2) telah menggunakan nota tambahan seperti yang dinyatakan oleh Newmark (1988: 91) dan Nida (1964: 239) untuk memberi gambaran tentang konsep ukuran kepada pembaca iaitu *zhang* 丈 ialah ukuran panjang yang digunakan pada zaman dahulu. Satu zhang bersamaan dengan 10 kaki (lebih kurang 3 meter).

Chong (2009:40 Siri 2) juga memberi keterangan lanjut tentang hierarki masyarakat Cina zaman kuno dari aspek sosiobudaya seperti kaum bangsawan iaitu 公(Gong), diikuti dengan 侯(Hou), 伯(Bo), 子(Zi) dan 男(Nan). Maklumat seperti ini adalah penting untuk pembaca sasaran mendapat gambaran menyeluruh tentang gelaran terhadap masyarakat Cina kuno.

Jenner (2003: 1992) memberi penerangan tambahan untuk mantera “回嘘呵吸嘻吹呼” yang dapat memanjangkan daun Kipas Sakti menjadi 12 kaki yang dibaca oleh Jemalang Puteri Kipas Sakti. Beliau menterjemahkannya kepada “*huixuhexixichuīhū*” dengan Strategi Penterjemahan Transliterasi manakala Goh (2009: 74, Siri 7) menterjemahkan mantera tersebut sebagai “*xu ke xi xi huan hu*” dengan keterangan dan membuat penyelarasan pada fonetik.

4.2 Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Terjemahan Kata Nama Khas

Jadual 4.16 Jumlah dan Peratusan Penggunaan Strategi Terjemahan Kata Nama Khas

Jenis Strategi Penterjemahan	Bilangan data	Peratus (%) Penggunaan
(1) Strategi Penterjemahan Transliterasi	183	57%
(2) Strategi Penterjemahan Literal	27	9%
(3) Strategi Penterjemahan Hibrid	86	27%
(4) Strategi Penterjemahan Semantik	23	7%
Jumlah	319	100%

Berdasarkan jadual 4.16, dapatan analisis tentang kekerapan penggunaan strategi terjemahan kata nama khas dalam kajian ini menunjukkan strategi yang paling banyak digunakan ialah Strategi Penterjemahan Transliterasi iaitu 57%, diikuti dengan Strategi Penterjemahan Hibrid (27%), Strategi Penterjemahan Literal (9%) dan Strategi Penterjemahan Semantik (7%).

Strategi Penterjemahan Transliterasi paling popular digunakan dalam terjemahan kata nama khas. Ini mungkin disebabkan Skema Hanyu Pinyin Cina (中文拼音方案) telah digunakan secara meluas kini dengan pemansuhan penggunaan Sistem Wade pada tahun 1958 oleh negara China (Hu, 2012). Selain itu, Sistem Zhuyin Zimu (注音字母) tidak digunakan dengan meluas sepertimana yang telah dibincangkan dalam Bab Dua. Menurut Hu (2012: 7), pada tahun 1974, Sistem Pinyin Abjad Cina bagi nama orang Cina (中国人 名汉语字母拼音法) telah digubal untuk menguatkuasakan penterjemahan nama orang dan nama tempat Cina secara fonetik dalam semua dokumen, buku dan surat khabar.

4.3 Rumusan

Orang Cina zaman dulu sangat mengambil berat tentang pemberian nama untuk anak dan cucu. Mereka menganggap pemberian nama yang baik adalah lebih penting daripada pemberian emas seumpamanya 賜子千金, 不如教子一艺; 教子一艺, 不如賜子好名. Mereka berpegang kuat bahawa nama itu akan menentukan nasib serta masa depan anak cucu.

Justeru itu, ini memperlihatkan betapa pentingnya orang Cina memelihara nama sendiri supaya tidak dicemari seperti simpulan bahasa yang berbunyi 名垂千古 iaitu nama baik akan diabadikan. Oleh yang demikian, empat jenis strategi penterjemahan yang mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna nama juga memainkan peranan penting dalam bidang penterjemahan.

Penterjemahan kata nama khas terutamanya nama orang dan nama tempat memang kompleks. Jadi, pengkaji berharap hasil analisis kajian ini dapat dijadikan garis panduan dalam bidang penterjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke bahasa Melayu.

Dalam bab ini, strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas dalam teks sastera diklasifikasikan terlebih dahulu. Seterusnya, analisis data dijalankan untuk mengenal pasti strategi yang paling banyak digunakan dalam terjemahan kata nama khas yang dikumpul. Akhirnya, pengkaji juga membincangkan implikasi-implikasi setiap strategi penterjemahan terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas.

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Tujuan bab ini adalah untuk merumuskan analisis dapatan kajian tentang strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu.

Menurut Catford (1996:44), penterjemahan selalu didefinisikan dengan merujuk kepada makna. Penterjemahan dikatakan mempunyai “makna yang sama” dengan teks asal. Justeru itu, penterjemahan kata nama khas haruslah mengambil berat tentang kebolehsampaian makna.

Newmark (1988:214) telah mengemukakan gagasannya tentang terjemahan nama orang seperti berikut:

...There remains the question of names that have connotations in imaginative literature. In comedies, allegories, fairy tales and some children's stories, names are translated (e.g., Cendrillon), unless, as in folk tales, nationality is important.

Beliau menganggap nama dalam komedi, alegori, cerita dongeng dan cerita kanak-kanak diterjemahkan. Contohnya: Cinderella telah diterjemahkan kepada Cendrillon dalam bahasa Perancis dengan membuat pengubahsuaian terhadap perkataan “Cinderella”.

Terjemahan kata nama khas teks sastera ke dalam bahasa sasaran seperti genre cerita klasik melibatkan terjemahan pelbagai unsur budaya yang biasanya bukan sahaja mempunyai implikasi eksplisit, malahan juga membawa makna implisit. Kebanyakan kata nama khas terutama nama orang, nama geografi dan gelaran biasanya berlatarbelakangkan unsur sejarah serta alusinya. Jadi, penterjemah perlu mengambil kira unsur-unsur tersebut untuk menyampaikan mesej tertentu yang disalurkan secara implisit.

5.1 Dapatan Kajian

Daripada lapan buah cerita klasik China yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu, sebanyak 319 kata nama khas dikumpul sebagai data kajian ini. Kata nama khas yang dikumpulkan termasuk nama dewa-dewi, maharaja, puteri, makhluk, manusia, negara, tempat, gunung, sungai dan gelaran.

Pandangan ahli penterjemah Peter Newmark (1988, 2001) tentang terjemahan kata nama khas (KNK) telah dijadikan kerangka teoretis bagi pengkaji dalam pengklasifikasian strategi penterjemahan. Empat jenis strategi penterjemahan KNK telah dikenal pasti. Kerangka lain yang digunakan ialah analisis penilaian terjemahan oleh Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya (1982). Pendekatan analisis kontrastif juga digunakan untuk meninjau sama ada penggunaan strategi penterjemahan mempunyai implikasi terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas.

Dapatan kajian ini memperlihatkan penterjemahan kata nama khas seharusnya mengambil kira beberapa faktor:

5.1.1 Ciri Jantina dan Penyampaian Makna

Strategi Penterjemahan Transliterasi dan Semantik biasanya digunakan untuk menterjemah kata nama khas yang terdiri daripada nama dan gelaran manusia serta bukan manusia. Namun, strategi penterjemahan ini mempunyai kekurangan juga kerana terdapat terjemahan kata nama khas yang tidak dapat memperlihatkan perkara-perkara seperti yang berikut:

i) Ciri jantina. Contohnya:

- 1) 织女(zhīnǚ) diterjemahkan secara semantik sebagai Penenun Zhi Nu, namun ciri jantina masih tidak diperlihatkan. 女(nǚ) dalam bahasa Cina bermakna

perempuan tetapi “penenun” dalam bahasa Melayu tidak semestinya seorang perempuan.

2) 女儿国 (nǚérguó) diterjemahkan sebagai Negara Nu'er. 女儿 (nǚér) bermakna anak perempuan. Bagi pembaca yang tidak mengerti bahasa Cina, penterjemahan secara transliterasi Nu'er tidak dapat memberi gambaran tentang negara itu yang cuma diduduki oleh perempuan sahaja.

3) 王母娘娘 (wángmǔniángniang) diterjemahkan sebagai Wang Mu Niangniang: Menurut Kamus *Gujin Hanyu Cidian* (2007: 1037), 娘娘 (niángniang) bermakna dewi. Penterjemahan secara transliterasi Wang Mu Niangniang tidak dapat mengetengahkan konsep dewi.

4) 女娲 (nǚwā) diterjemahkan sebagai Nu Wa : 女 (nǚ) bermakna perempuan, namun terjemahan Nu Wa tidak dapat memberi gambaran jantina.

Dalam situasi tersebut, penggunaan Strategi Penterjemahan Hibrid dan Strategi Semantik dapat mengatasi masalah tersebut.

ii) Penyampaian makna secara intuitif

大人国 (dàrén guó) diterjemahkan secara Hibrid sebagai Negara Daren: 大 (dà) bermakna besar, 人 (rén) bermakna manusia. Semua rakyat Negara Daren tinggi-tinggi belaka. Penggunaan ‘Rakyat Raksasa’ mungkin dapat menyampaikan makna secara intuitif kepada pembaca jika dibandingkan dengan Daren. Dalam kes ini, pengkaji berpendapat Strategi Penterjemahan Literal boleh dipertimbangkan dalam terjemahan jenis kata nama khas seperti ini.

5.1.2 Konsistensi

Konsistensi: Oleh kerana siri buku-buku cerita klasik ini terdiri daripada 8 buah, kesinambungan pemilihan dan penggunaan kata nama khas perlulah konsisten dan seragam supaya pembaca sasaran mampu mengikuti perkembangan plot cerita dengan lebih mudah.

i) 王母娘娘 Wang Mu Niangniang: Didapati tidak ada gelaran Dewi di depan kata nama khas ini. Namun, 齐宣王 (QiXuanWang) yang diterjemahkan sebagai Raja Qi Xuan mempunyai gelaran “王” (Wang) yang bermakna “Raja” yang mendahului perkataan Dinasti ‘Qi’ dan nama Raja ‘Xuan’.

ii) Dalam Siri Buku Cerita Klasik 1 : Didapati watak yang sama mempunyai kata nama khas yang berbeza iaitu Wang Mu Niangniang (王母娘娘) dan Xi Wang Mu (西王母). Dua kata nama khas ini merujuk kepada Dewi yang sama tetapi tidak diberi penerangan tambahan.

Menurut Bo dan He (2007: 13), masyarakat kuno menaruh kepercayaan tinggi terhadap Maharaja Kayangan (玉皇大帝^{yù huáng dì}), maka mereka “mengahwinkan” Xi Wang Mu (西王母) kepada Maharaja Kayangan (玉皇大帝^{yù huáng dì}). Sejak itu, Xi Wang Mu (西王母) diberi gelaran Wang Mu Niangniang (王母娘娘) di Istana Kayangan. Jadi, di sini penggunaan Strategi Penterjemahan dengan nota tambahan dapat memberi maklumat kepada pembaca sasaran tentang rujukan yang sama.

5.1.3 Tajuk Cerita

Tajuk setiap cerita disertakan dengan perkataan Cina dan sebutan *hanyu pinyin* bertujuan memudahkan pembaca yang berminat untuk mendapatkan cerita asal.

Namun bagi pembaca sasaran yang tidak mengenali bahasa Cina, perkataan Cina dan sebutan *Hanyu Pinyin* yang diberi sebagai nota kaki mungkin tidak membawa makna yang signifikan kepada mereka.

5.1.4 Tujuan Penterjemahan

Nida dan Tu An 屠安 (1982 dan 2002, dirujuk dalam Zhao, 2008), pernah memberi pendapatnya tentang penterjemahan dan penterjemah masing-masing: “*Translating meaning implies translating the total significance of a message in terms of both its lexical or propositional content and its rhetorical significance*” (Nida, 1982) dan “*..... one servant serving two masters means the translator has to be faithful to both the author of the original and the reader*” (Tu An 屠安, 2002).

Penterjemah diibaratkan sebagai jambatan antara pengarang teks sumber dengan pembaca bahasa sasaran. Penterjemahan makna mengimplikasikan penterjemahan kepentingan suatu mesej secara keseluruhannya dari segi isi kandungan leksikal dan kepentingan retorik.

Penterjemah perlu bertanggungjawab terhadap pengarang teks sumber dan juga pembaca bahasa sasaran. Jadi, penterjemah memainkan peranan yang signifikan untuk menghasilkan karya terjemahan yang bermutu dengan memenuhi hasrat pengarang teks sumber dan pembaca bahasa sasaran.

Dalam penterjemahan, tujuan pengarang seharusnya diberi keutamaan. Hasrat penterjemah seharusnya sehaluan dengan pengarang teks bahasa sumber. Kebanyakan cerita dalam Mitos Alegori Klasik China Jilid 1 dan 2 (中华古代寓言故事第一和第二辑) dalam kajian ini berlatarbelakangkan alusi, pepatah dan simpulan bahasa yang mempunyai pengajaran dan maksud yang bernas. Justeru itu, mesej yang ingin disampaikan dalam setiap cerita dalam dua buah cerita ini seharusnya disalurkan kepada pembaca.

Chong (2009) telah berjaya menerangkan makna tersirat cerita di sesetengah bahagian akhir setiap subtopik. Contohnya, dalam cerita “Pak Bodoh Menganjak Bukit 愚公移山”^{yú gōng yí shān}, Chong (2009: 29 Siri 3) telah membuat penerangan di perenggan terakhir iaitu “pepatah ini digunakan untuk memuji orang yang tekun dan berusaha gigih demi mencapai kejayaan”. Jadi, makna tersirat pepatah ini dapat disalurkan kepada pembaca sasaran.

Begitu juga dalam cerita “Melukis Ular Ditambah Kaki 画蛇添足”^{huà shé tiān zú}, Chong (2009: 61 Siri 3) memetik pepatah yang setara iaitu “Sudah terang lagi bersuluh” sebagai penerangan. Namun, jika pengajaran dan makna tersirat dapat diselitkan dalam setiap cerita, pembaca sasaran akan lebih senang menghayati setiap pepatah dalam cerita.

Contohnya, pengkaji mencadangkan dalam cerita “Ye Gong Meminati Naga 叶公好龙”^{yè gōng hào lóng}, penerangan makna tersirat seperti “seseorang yang mencintai atau menyukai sesuatu secara lisan sahaja, tetapi sebenarnya tidak menyayanginya” boleh diselitkan sebagai penutup cerita.

Pembaca buku cerita dalam kajian ini ditunjukkan kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah rendah kebangsaan. Jadi, tahap pendidikan pembaca bahasa sasaran serta tahap pengenalannya terhadap unsur budaya nuansa bahasa sumber juga perlu diambil kira dalam penterjemahan karya sastera.

5.2 Cadangan

Kajian ini hanya mengklasifikasikan strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu sahaja. Kajian yang serupa boleh dijalankan terhadap genre yang berlainan.

Penyelidikan juga boleh dijalankan terhadap strategi-strategi yang digunakan dalam terjemahan kata adjektif, kata bilangan, frasa nama dan penjodoh bilangan teks sastera bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu atau sebaliknya iaitu daripada teks sastera bahasa Melayu ke dalam bahasa Cina.

Oleh kerana bilangan pelajar bukan Cina yang mempelajari bahasa Cina semakin bertambah, kajian terhadap karya penterjemahan antara bahasa Cina dan bahasa Melayu perlu digalakkan. Ini dapat membekalkan lebih banyak bahan bacaan kepada pembaca bukan Cina untuk memahami budaya dan bahasa Cina dengan lebih mendalam.

Usaha-usaha sokongan yang dapat membantu perkembangan industri penterjemahan perlu diberi perhatian. Selain daripada DBP, ITBM dan PERSPEKTIF, badan-badan lain seperti IPTA dan IPT swasta yang mengusahakan bidang penterjemahan perlu digembelingkan dan diselaraskan.

Sebuah laman web atau blog perlu didirikan untuk dijadikan platform pengumpulan cadangan dan pendapat pakar-pakar dalam bidang penterjemahan seperti terjemahan kata nama khas secara global. Suatu badan juga harus dibentuk untuk merancang, melaksana, memantau, menilai hasil terjemahan dan mencapai konsensus terhadap hasil terjemahan yang diselaraskan. Contohnya: terjemahan nama pemimpin dunia dan Simbol Demokrasi bagi Myanmar iaitu Aung San Suu Kyi dalam surat khabar bahasa Cina bertarikh 2-4-2012 dan 3-4-2012 mempunyai beberapa terjemahan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1 Penggunaan nama Aung San Suu Kyi dalam surat khabar

Nama suratkhobar	Tarikh	Penggunaan nama Aung San Suu Kyi	Paparan
Lianhe Zaobao (Singapura) 联合早报 (liánhézáobào)	2-4-2012	翁山淑枝 (wēngshānshūzhī)	Mukasurat 01
Nanyang Siang Pau (Malaysia) 南洋商报(nányángshāngbào)	3-4-2012	昂山素枝 (ángshānsùzhī)	Mukasurat A22
Sin Chew Daily (Malaysia) 星洲日报 (xīngzhōurìbào)	3-4-2012	昂山舒吉(ángshānshūjí)	Mukasurat 28
Guang Ming Daily (Malaysia) 光明日报	3-4-2012	昂山素姬(ángshānsùjī)	Mukasurat A8
STAR	3-4-2012	Aung San Suu Kyi	Mukasurat 29
BERITA HARIAN	3-4-2012	Aung San Suu Kyi	Mukasurat 27
NEW STRAITS TIMES	3-4-2012	Aung San Suu Kyi	Mukasurat 28

Ini jelasnya memperlihatkan sesetengah terjemahan nama dalam surat khabar bahasa Cina masih tidak selaras, namun penggunaan nama berkenaan dalam surat khabar bukan bahasa Cina seperti dalam Jadual 5.1 adalah standard disebabkan sistem tulisan huruf Roman yang sama.

5.3 Rumusan

Sebagai kesimpulannya, empat strategi penterjemahan telah dikenal pasti dalam terjemahan kata nama khas teks kesusasteraan klasik China ke dalam bahasa Melayu dalam kajian ini. Strategi terjemahan kata nama khas yang paling banyak digunakan ialah Strategi Penterjemahan Transliterasi, diikuti dengan Strategi Penterjemahan Hibrid, Strategi Penterjemahan Literal dan Strategi Penterjemahan Semantik.

Analisis dapatan memperlihatkan Strategi Penterjemahan Transliterasi paling banyak digunakan dalam terjemahan nama maharaja, puteri, panglima dan manusia, diikuti dengan nama Dewa, Dewi serta makhluk manakala Strategi Penterjemahan Hibrid paling banyak digunakan dalam terjemahan nama negara, daerah, tempat, kota, gunung, laut dan sungai, diikuti dengan nama maharaja, puteri, panglima dan manusia.

Pemilihan strategi penterjemahan mempunyai implikasi tertentu terhadap kebolehsampaian makna kata nama khas seperti yang dibincangkan dalam Bab 4. Strategi Penterjemahan Transliterasi adalah selaras dengan amalan antarabangsa, mengekalkan fonologi dan gaya eksotik bahasa sumber, makna budaya dan juga cara penamaan bagi nama orang (Xiao, 2009). Namun, strategi ini menyebabkan pembaca teks sasaran sukar untuk mengartikulasikan nama orang tertentu.

Strategi Penterjemahan Literal membolehkan pembaca teks sasaran mendapat gambaran impresif tentang makna terjemahan kata nama khas berkenaan. Strategi Penterjemahan Hibrid dapat memberi makna kata nama khas secara intuitif kepada pembaca sasaran. Tambahan pula, strategi ini juga dapat mengekalkan gaya dan kod imej teks sumber.

Strategi Penterjemahan Semantik memainkan peranan penting dalam terjemahan kata nama khas yang mempunyai makna metafora dan konotasi serta pengertian kesusasteraan. Selain itu, strategi ini dapat mengurangkan jurang perbezaan terhadap anomali yang tidak selaras dengan budaya dan duniawi antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Strategi ini juga dapat membetulkan percanggahan dan menerangkan perbezaan dari aspek linguistik, budaya dan sejarah antara teks sumber dan teks sasaran. Namun, strategi ini tidak dapat mengekalkan bentuk dan gaya bahasa sumber.

Terjemahan sastera merupakan suatu seni penciptaan semula. Penterjemahan teks kesusasteraan adalah berbeza daripada terjemahan teks sains dan teknologi. Penterjemahan sastera tidak mungkin ada hasil terjemahan yang standard seperti penterjemahan teks sains dan teknologi yang dapat diterjemahkan dengan komputer.

Nama orang dalam karya sastera menampilkan imej dan personaliti watak secara implisit atau eksplisit. Ada yang berdasarkan alusi dan sesetengahnya mengimplikasikan takdir dan nasib watak seperti Jia Baoyu. Ada sebutan nama orang yang mencerminkan niat

kreatif pengarang. Sesetengah nama watak dalam karya memmanifestasikan pemikiran, perasaan cinta dan benci pengarang. Jadi, penterjemahan kata nama khas terutamanya nama orang haruslah mengambil kira unsur-unsur tersebut.

Sebuah karya terjemahan yang berkualiti biasanya mempunyai daya tarikan artistik dan dapat mencetuskan pemikiran serta sensasi pembaca teks sasaran sebagaimana yang dirasai oleh pembaca teks sumber. Penterjemahan kata nama khas seperti nama manusia dan bukan manusia, nama tempat, gelaran dan nama benda rujukan khas dengan strategi penterjemahan yang bersesuaian memainkan peranan penting untuk menghasilkan terjemahan karya sastera yang berkualiti.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2000). *Teknik dan Teori Terjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan Malaysia.
- inon Mohamad. (1979). *Pengantar Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi.
- Baker, M. (1992). *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- Bao H. N. (包惠南). (2001). *Wenhua Yujing yu Yuyuan Fanyi (文化语境与语言翻译)*. Beijing 北京: Zhongguo Duiwai Fanyi Chuban Gongsi.
- Bo H. J .dan He J. Z. (伯宏军、何金钟) . (2007). *Tujie Xiyouji (图解西游记)* . Hong Kong: Zhonghua Chubanshe.
- Cao Y. (草婴). (1998). Lùetan Wenxue Fanyi (略谈文学翻译代序) . Dalam Geng Longming (耿龙明) et al. (Eds.), *Fanyi Luncong (翻译论丛)*. Shanghai: Shanghai Waiyu Jiaoyu Chubanshe.
- Catford, J. C. (Penulis), Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik (Penterjemah). (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chew F. P. (2009). Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Masalah dan Penyelesaian. Dalam Radiah Yusoff dan Goh Sang Seong (Eds.), *Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu* (hlmn.81-100). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad Malaysia.
- Chen D. Z. (陈德彰). (2012). Approach to Translation Between English and Chinese. (英汉翻译入门). Beijing: Foreign Language Teaching and Research Press.
- Chong F. H. (2009). *Mitos China Purbakala.(Jilid 1)*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Mitos China Purbakala (Jilid 2)*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Alegori Klasik China (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Alegori Klasik China (Jilid 2)*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- Ding S. L. (2009). Dari Hua Mulan ke Mulan: Satu Perbincangan tentang Penterjemahan Nama. Dalam Radiah Yusoff dan Goh Sang Seong (Eds.), *Penterjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu* (hlmn.51-58). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad Malaysia.

- Frankel, Hans Hermann. (1976). *The Flowering Plum and The Palace Lady : Interpretations of Chinese Poetry*. New Haven and London :Yale University Press.
- George L. Campbell. (1991). “*Chinese, Modern Standard*” dalam *Compedium of The World’s Language*. Vol. 1. London and New York: Routledge.
- Goh S. S. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-Aspek Budaya Dalam Terjemahan “Shui Hu Zhuan”*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- _____. (2008). Strategi Penterjemahan Aspek-Aspek Budaya Bahasa Mandarin-Bahasa Melayu. Dalam Abdullah Hassan et al. (Eds.), *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (hlmn. 480-497). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- _____. (2009). *Cabaran dan Teks Kesusasteraan Klasik China ke dalam Bahasa Melayu*. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, 31 Mei-3 Jun 2009, Beijing Foreign Studies University.
- _____. (2009). *Cerita Dewa-Dewi*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Himpunan Cerita Pelik-Pelik*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Pengembaraan Ke Dunia Barat*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- _____. (2009). *Kisah Ajaib Alam Fantasi*. Kuala Lumpur: One Nusantara Sdn Bhd.
- Guo Z. Z. dan Li Q. S. (郭著章、李庆生) (2005). *A Practical Course in Translation Between English and Chinese (英汉互译实用教程)*. Wuhan : Penerbit Universiti Wuhan.
- Hawkes, David. (1973). *The Story of the Stone*. 6 Vols. (*红楼梦*). London: Penguin Books Ltd.
- Hu F. Y. (胡芳毅) (2012). *Zhongying Renming Diming de Tedian yu Fanyi (中英人名地名的特点与翻译)*. Nanjing: Dongjing Daxue Chubanshe.
- Huang X. Q. (黄新渠) (2008). *A Dream of Red Mansions (红楼梦)*. Beijing: Foreign Language Teaching and Research Press.
- Jackson, Howard. (1981). Contrastive Analysis as a Predictor of Errors, with Reference to Punjabi Learners of English. Dalam Jacek Fisiak (Ed.), *Contrastive Linguistics and the Language Teacher* (hlmn. 195-205). Oxford: Pergamon Press.

- Jenner, W.J.F. (2003). (Penterjemah). *Journey to the West. 6 Vols.* Beijing: Foreign Languages Press.
- John Patrik Kirby. (1993). On the Use of Strategies in Translation. Dalam Barbara Lewandowska-Tomaszczyk & Marcel Thelen (Eds.), *Translation and Meaning, Part 2* (hlmn. 387-394). Maastricht: Rijkshogeschool Maastricht.
- Jones, Russell (1997). *Chinese Names: The Traditions Surrounding the Use of Chinese Surnames and Personal Names.* Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Khairunisah Bt. Sayed Ibrahim. (2008). *Unsur Budaya Dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu- Bahasa Jerman: Satu Analisis: Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden.* Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Krings, H. P. (1986). Translation problems and translation strategies of advanced German learners of French. Dalam J. House, & S. Blum-Kulka (Eds.), *Interlingual and intercultural communication* (hlmn. 263-275). Tübingen: Gunter Narr.
- Li C. Q. (李彩琴) (2011). A Study on the Translation of Roles Name in Xiyouji- the Translation Methods applied in the W.J.F. Jenner's version (《西游记》中人物名称英译浅析——以詹纳尔的译本为例). *Journal Of Hubei Radio & Television University*, 31(7), 92-93.
- Li J. (李箭) (2008). *On Pragmatic Translation of (典故的文化翻译策略).* *Journal of Yancheng Teachers University of Humanities & Sosial Sciences*, 28(4), 93-97.
- Li R. Z. (李汝珍) (Penulis), Zhou X.T. (周啸天) dan Yi D. (一丁) (Penyunting) (2001). *Jing huayuan (镜花缘).* Chengdu: Sichuan Jiaoyu Chubanshe.
- Lu H. M. (卢红梅) (2006). *Huaxia Wenhua yu Hanying Fanyi (华夏文化与汉英翻译).* Wuhan: Wuhan Daxue Chubanshe.
- Luo H. Y. (罗华炎) (1992). *Xiandai Hanyu Yufa (现代汉语语法).* Ipoh, Perak: Penerbitan Seni Hijau Sdn. Bhd.
- Mahmoud Ordudari. (2007). Translation procedures, strategies and methods. *Translation Journal*, 11(3). Diperolehi pada 4 Julai 2012, daripada <http://translationjournal.net/journal/41culture.htm>.
- Majlis Pembakuan Bahasa Cina Malaysia. (2010). *Buku Panduan Terjemahan Pembakuan Bahasa Cina 2 (华文译名手册 2).* Kuala Lumpur: Percetakan Advanco Sdn. Bhd.
- Mashudi Kader dan Low Bee Eng. (1993). "Padanan dan Penyelesaian Penterjemahan Kata Namaan" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Julai, hlmn. 603-611.
- Mohd. Mokhtar Ahmad dan Basil Wijasuriya. (1982). *Masalah dan Kesalahan di dalam Penterjemahan.* Dalam Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader

- (Eds.), *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia* (hlmn. 385-422). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan Dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Newmark, Peter. (1988). *A Text Book of Translation*. London: Prentice Hall International.
- Newmark, Peter. (2001). *Approaches to Translation*. Shanghai: Shanghai Waiyu Jiaoyu Chubanshe.
- Nida, A. Eugene. (1964). *Towards A Science of Translating*. Netherlands: E.J.Brill, Leiden.
- Nida, A. Eugene & Charles R. Taber. (2003). *The Theory and Practice of Translation*. Netherlands: E.J.Brill, Leiden.
- Nik Safiah Karim et al. (1997). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pu S. L. (蒲松龄). (Penulis) dan Liang H. (Penterjemah). (1994). *Pilihan cerita aneh dari Balai Pustaka Liao Zai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pu S. L. (蒲松龄). (Penulis), Lu Yunzhong, Chen Tifang, Yang Liyi dan Yang Zhihong (Penterjemah). (1988). *Strange Tales of Liaozhai*. Hong Kong: The Commercial Press Ltd.
- Raja Masittah Raja Ariffin dan Rahmah Ja'afar. (2003). Satu Analisis Statistik Buku Terjemahan Dalam Bidang Linguistik Dan Pendidikan. Dalam Abdullah Hassan (Ed.), *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-9, Terjemahan Dalam Bidang Pendidikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Safiah Osman. (1979). "Pembinaan Minat Membaca Satu Langkah Merentasi Krisis Pendidikan" dalam *Symposium On The Child In Rapidly Changing World*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sarinah Sharif. (2001). *Padanan Terjemahan Kata Nama : Kes daripada Dua Buah Novel Jepun*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Universiti Malaya: Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Shao J. M. (邵敬敏). (2001). *Xiandai Hanyu Tonglun (现代汉语通论)*. Shanghai: Shanghai Jiaoyu Chubanshe.
- Shen S. R. (沈苏儒). (2000) *Lun XingDaYa (论信达雅)*. Taibeishi: Shangwu Yinshuguan.
- Sulaiman Masri. (2003). *Strategi Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal dan Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Tu An (屠安). (2002). dan Nida (1982). The Nature of Translation. Dalam Zhao Q. (赵起) .(2008), *A Practical Coursebook on English and Chinese Translatology (英汉翻译学实用教程)* (hlmn. 2-6). Beijing: Penerbit Universiti Beijing.
- Venuti, L. (1998). Strategies of Translation. Dalam M. Baker (Ed.), *Encyclopedia of Translation Studies* (hlmn. 240-244). London and New York: Routledge.
- Xiao J.Y. (肖家燕). (2009). *Honglouloumeng gainian yinyu de yingyi yanjiu (红楼梦概念隐喻的英译研究)*. Beijing: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe.
- Xie Z. Q. (谢志强). (2009). *Chengyu Gushi (成语故事)*. Beijing: Beijing Yenshan Chubanshe.
- Xu J. P. (许建平). (2009). *An Introduction to English-Chinese and Chinese-English Translation (英汉互译入门教学)*. Beijing: Qinghua Daxue Chubanshe.
- Xu Y. C. (许渊冲). (1996). *Wenxue Fanyi:1+1=3 (文学翻译: 1+1=3)* . Dalam Yang Zijian dan Liu Xueyun (Eds.), *A Series of Translation Studies in China (翻译新论)* (hlmn. 77-88). Wuhan: Hubei Chubanshe.
- Yuan Q.L. (袁启祿). (2009). *Haomingzi banbaobao haoyun yisheng (好名字伴宝宝好运一生)*. Beijing: Zhongguo Shangye Chubanshe.
- Wan Hashim Wan Teh. (2008). Usaha Membina Kepustakaan Melayu: Perspektif ITNM. Dalam Abdullah Hassan et al. (Eds.), *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (hlmn. 1-3). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wang D.W. & Wei Q.G.(王大伟)(魏清光). (2005). *CE Translation: Techniques, Teaching and Theoretical Analysis (英汉翻译技巧教学和研究)*. Beijing: Zhongguo Duiwai Fanyi Chuban Gongsi.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2005). Pendekatan dalam Terjemahan Cerita Klasik Thai ke dalam Bahasa Melayu. Dalam Abdullah Hassan & Low Kok On (Eds.), *Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu* (hlmn. 258-271). Bentong, Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zalila Sharif. (2008). Penterjemahan Sastera di Malaysia dalam Abad Ke-21. Dalam Abdullah Hassan et al. (Eds.), *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu* (hlmn. 480-497). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zhao Q. (赵起) .(2008). *A Practical Coursebook on English and Chinese Translatology (英汉翻译学实用教程)*. Beijing: Penerbit Universiti Beijing.

KAMUS DAN ENSIKLOPEDIA

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan, S. W. (2004). *A Dictionary of Translation Technology*. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Crystal, David. (1992). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Johns, A.H. dan Prentice, D.J. et.al. (Eds.). (2002). *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sally Wehmeier. et.al. (Eds.). (2004). *Oxford Advanced Learner's English-Chinese Dictionary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Sheikh Othman Sheikh Salim et.al. (Eds.) (2010). *Kamus Dewan Ed. ke-4*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simpson. J.A. dan Weiner, E.S.C. (1989). *Oxford English Dictionary Ed. ke-2*. London: Oxford University Press.
- Xia Zh.N. et.al. (夏征农等). (Eds.). (1989). *Kamus Cihai 辞海*. Shanghai: Shanghai Cishu Chubanshe.
- Yang, Z.X., Chu, Y.A. dan Li, D.R. (杨自翔、楚永安、李达仁) (2007). *Gujin Hanyu Cidian (古今汉语词典)*. Beijing: Shangwu Yinshuaguan.

SUMBER ELEKTRONIK

- e- Ensiklopedia Dewan Bahasa dan Pustaka. [http:// prpm.dbp.gov.my/ Search.aspx? k=sastera+rakyat& d=8](http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sastera+rakyat&d=8). (14 Feb 2013).
- Ensiklopedia Baidu. <http://baike.baidu.com/view/6732.htm>.(27 Sep 2012).
- Ensiklopedia Baidu. <http://baike.baidu.com/view/1118146.htm>. (22 Dis 2012).
- “Ketandusan -penulis-bukan-Melayu”, Utusan Melayu, 26/05/2013.
http://ww3.utusan.com.my/utusan /Sastera/20130526/sa_02/Ketandusan -penulis-bukan-Melayu#ixzz2Zdpvbyty©Utusan Melayu (M) Bhd. (20 Julai 2013).
- Sistem Perumian Cina. <http://pinyin.info/romanization/hanyu/ basic.html>. (17 Mei 2012).
- Web bahasa Cina Honglougeng. <http://www.honglougengs.cn/honglougeng/12 /hong lougeng 6821.htm>. (3 Okt 2012).
- Web Tesis. <http://www.xzbu.com/5/view-1912452.htm>. (12 Julai 2012).

Web Tesis. <http://www.xzbu.com/5/view-1926355.htm>. (12 Ogos 2012).